

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENINGKATAN HASIL KERAJAAN NEGERI

1. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
 - a) Sila senaraikan syarikat-syarikat yang dilantik untuk mengorek hasil pasir di negeri Selangor?
 - b) Berapakah jumlah hasil pasir yang berjaya dikutip sejak Pakatan Rakyat memerintah berbanding kerajaan terdahulu?
 - c) Apakah tindakan kerajaan untuk membanteras aktiviti mencuri pasir?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., kontraktor-kontraktor yang dilantik melalui tender terbuka untuk lombong-lombong setakat ini adalah:-
 - i) Lombong DK1 – Wawasan Dengkil Sdn. Bhd.
 - ii) Lombong DK2 – Hai Thiong Construction
 - iii) Lombong BJ1 – Plot A – Low Chai Eng & Sons Trading Sdn. Bhd.
 - iv) Lombong BJ1 – Plot B – Resvil Holding Sdn. Bhd.
- b) Jumlah bayaran royalti bagi permit pasir sejak Pakatan Rakyat memerintah adalah sebanyak **RM6,359,064.29** manakala jumlah jualan oleh KKSB adalah sebanyak **RM7.04 juta** dengan keuntungan bersih sebelum cukai sebanyak **RM2.5 juta**.
- c) Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu kecurian pasir adalah seperti berikut: -
 - i) Menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn Bhd bagi mengawal pemasaran pasir di Negeri Selangor;
 - ii) Melaksanakan Operasi Statik 24 jam di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjalankan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah; dan
 - iii) Operasi serbuan dan penangkapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : GERAN PAJAKAN HAKMILIK TANAH KAMPUNG BARU

2. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Sila nyatakan jumlah keluasan kampung baru Site A, B dan C Sekinchan serta senaraikan jumlah bilangan lot-lot tapak rumah bagi setiap satu kampung.
 - b) Sila nyatakan punca utama yang menyebabkan sehingga kini masih terdapat sejumlah besar penduduk ketiga-tiga kampung baru masih gagal memperolehi geran pajakan hak milik tanah walaupun bayaran premium tanah sudah dijelaskan lebih daripada 3 tahun?

JAWAPAN :

- a) Jumlah keluasan dan bilangan lot tapak rumah Kampung Baru Site A, B dan C Sekinchan adalah seperti berikut :

BIL	KAMPUNG BARU	KELUASAN	BIL LOT
1	SITE A	36.4 EKAR	201
2	SITE B	66.7 EKAR	455
3	SITE C	50 EKAR	364

- b) Tindakan penyediaan nombor-nombor PT hakmilik-hakmilik baru berkaitan sedang disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : KOMUNITI BERPAGAR

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah komuniti berpagar di Selangor?
 - b) Adakah garis panduan semasa akan dinilai semula untuk membuatnya lebih relevan kepada keperluan komuniti yang diancam jenayah?

JAWAPAN :

- a) Skim pembangunan perumahan berkonsepkan komuniti berpagar (*'Gated Community'*) merupakan satu konsep pembangunan perumahan yang popular pada masa kini. Jenis pembangunan ini digemari kerana ia menawarkan persekitaran perumahan yang selamat untuk diduduki selain daripada persekitaran yang bersifat eksklusif serta selesa.

Untuk itu, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor selepas pindaan Akta Hak milik Strata 1985 (Akta 318) dikuatkuasakan pada 12 April 2007 telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan satu garis panduan untuk permohonan pembangunan berkonsepkan *'Gated Community'* yang komprehensif untuk diguna pakai secara seragam oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor. Garis panduan yang disediakan ini mengambil kira dari semua aspek dan keperluan khususnya yang melibatkan perundangan dan teknikal.

Dari aspek perundangan, akta-akta seperti Akta Hak milik Strata, 1985 (Akta 318), Kanun Tanah Negara 1965, Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Kerajaan Tempatan 1974 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 telah dirujuk bagi memastikan garis panduan yang disediakan ini tidak bertentangan dengan peruntukan perundangan. Manakala dari segi aspek teknikal, beberapa siri perbincangan dengan jabatan-jabatan teknikal meliputi Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), semua PBT, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan lain-lain jabatan telah dibuat bagi mengambil kira pandangan dan keperluan setiap jabatan semasa penyediaan garis panduan ini. Kesemua aspek dan maklum balas ini diambil kira bagi memastikan garis panduan pembangunan berkonsepkan skim *'gated community'* dapat memelihara kepentingan dan keselamatan sama ada pembeli dan PBT apabila skim tersebut diserahkan kepada pembeli untuk diambil alih pengurusan dan penyelenggaraan skim tersebut. Dalam masa yang sama pandangan daripada pemaju-pemaju perumahan melalui Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah (REHDA) juga diambil kira.

Untuk makluman juga, tidak semua permohonan berkonsepkan '*gated community*' akan diluluskan. Ini kerana sebelum sesuatu permohonan diluluskan banyak faktor akan diambil kira seperti pembangunan di kawasan bersebelahan, aksesibiliti, keluasan pembangunan dan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) untuk memastikan tiada pihak yang akan membantah projek yang akan dilaksanakan. Keperluan penyediaan kemudahan '*common facilities*' dan '*common properties*' sama ada di dalam sesuatu skim komuniti atau di luar komuniti perlu ditetapkan oleh PBT bagi memastikan tiada pihak khususnya masyarakat di kawasan sekeliling merasa terasing dengan kewujudan skim komuniti berpagar di samping dapat mencapai objektif pergaulan mesra antara masyarakat pelbagai kaum selaras dengan matlamat integrasi nasional yang digariskan. Bagi memastikan aspek keselamatan terjaga, anjakan bangunan (*set back*) dan jalan dalam komuniti tersebut masih dikekalkan seperti mana pembangunan biasa yang lain.

Bagi skim perumahan sedia ada (diluluskan sebelum Pindaan 2007 Akta Hak milik Strata), Garis Panduan '*Guarded*' (Kawalan) turut telah disediakan. Garis Panduan ini menetapkan tentang bagaimana sesuatu skim perumahan sedia ada boleh dipertimbangkan untuk melaksanakan konsep tersebut dan komponen-komponen yang dibenarkan yang tidak bertentangan dengan peruntukan perundangan sedia ada. Contohnya dengan pendirian pondok pengawal yang diletakkan di tepi jalan yang tidak menghalang lalu lintas dan pendirian pondok pengawal perlu mendapatkan kelulusan dari Pejabat Tanah Daerah dari segi penggunaan rezab tanah dan kelulusan peletakan serta reka bentuk pondok pengawal oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Walau apa pun peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) hendaklah dipatuhi supaya tidak melanggar mana-mana peruntukan walaupun tujuan utama garis panduan ini adalah untuk membanteras jenayah.

- b) Untuk makluman, bagi memastikan garis panduan ini relevan dengan perkembangan semasa, ia akan sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa. Walaupun antara tujuan pelaksanaan konsep '*Gated Community*' / '*Guarded*' adalah sebagai keperluan keselamatan di samping dapat mengurangkan pergerakan kenderaan dan mewujudkan lebih banyak laluan penjalan kaki, masalah jenayah masih lagi boleh berlaku. Ini dapat dilihat di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat yang mana mendapati kegiatan pecah rumah dan vandalisme masih pada kadar yang tinggi khususnya dalam skim '*gated community*' itu sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : KEPERLUAN KEPADA SEKOLAH AGAMA MENENGAH

4. Ramai ibu bapa mahukan anak-anak mereka juga pelajar-pelajar berhasrat menyambung pengajian mereka ke Sekolah Menengah Agama, malangnya sekolah berkenaan tidak mencukupi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Setakat ini berapakah keperluan sekolah dan pelajar yang dapat disediakan di negeri Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memenuhi tambahan keperluan sekolah-Sekolah Agama Menengah di Selangor?
- c) Adakah pihak kerajaan menggalakkan pertumbuhan Sekolah-sekolah Agama Menengah swasta di bawah kawalan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Untuk sesi persekolahan 2009, JAIS menerima permohonan berjumlah 19,240 untuk ke Sekolah-sekolah Agama Menengah (SAM) dan dari jumlah itu hanya seramai 3,680 pemohon tingkatan 1 sahaja diterima masuk berdasarkan tempat yang ada di 23 buah sekolah (SAM) seluruh negeri Selangor. Jumlah keseluruhan pelajar di 23 buah SAM Negeri Selangor ini adalah 14,841 orang.
 - JAIS akan berunding mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia agar dapat membantu dan menambah bangunan di sekolah-sekolah yang mendapat permintaan tinggi serta masih mempunyai tapak tanah khususnya di Lembah Klang.
 1. SAM Hishamuddin Sg. Bertih
 2. SAM Bt 10, Cheras
 3. SAM Rawang
 4. SAM Salak Tinggi
 5. SAMTAR Sg. Manggis
 6. SAM Jeram
 - JAIS mewujudkan dan membina Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi di Istana Bandar Jugra dan Kg. Jawa, Klang.
- b) Ya, JAIS setakat ini tidak mempunyai apa-apa halangan dan pertumbuhan Sekolah Agama Menengah Swasta amat digalakkan untuk menampung keperluan murid yang tidak dapat dipenuhi oleh kerajaan negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI DI DAERAH PETALING YANG DISALAHGUNA
SEBAGAI PREMIS PARTI POLITIK**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Berapa banyak dewan orang ramai di Daerah Petaling yang disalah guna sebagai premis parti politik sepanjang tahun 2004 – 2008?
 - b) Berapa banyak sudah dikembalikan kepada pihak berkuasa?
 - c) Apakah tindakan terhadap mereka yang membina dewan orang ramai di atas tanah kerajaan untuk kegunaan parti politik tanpa kebenaran dan hak milik tanah?

JAWAPAN :

- a) Di sepanjang 2004 - 2008 tiada statistik (perangkaan) yang dapat diberikan bagi dewan yang telah disalahgunakan sebagai premis parti politik. Ini memandangkan tujuan dewan adalah untuk aktiviti / kemudahan orang ramai seperti riadah/majlis keraian sahaja. Bagi kegunaan fahaman politik adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- b) Pada pertengahan tahun 2008 kesemua dewan telah diserahkan kepada pihak berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak berkuasa tempatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas dewan yang telah diserahkan.
- c) Memandangkan masih terdapat dewan-dewan yang kuncinya dipegang oleh pihak pengurusan yang lama, di mana urusan penyerahan kunci tidak diserahkan, pentadbiran ini telah/sedang mengambil tindakan menukar kunci-kunci pintu dewan/balai raya di dalam Daerah Petaling di samping Notis Penyerahan/Pengambilalihan dewan kepada Pihak Berkuasa Tempatan turut dilakukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SUNGAI DAN BADAN AIR

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah rancangan untuk mempertingkatkan penadahan air di sungai-sungai Negeri Selangor?
 - b) Apakah rancangan untukewartakan rizab sungai dan badan air di Selangor?
 - c) Apakah rancangan untukewartakan kawasan tadahan air sungai-sungai Selangor sebagai Hutan Simpanan Kekal?

JAWAPAN :

- a) Dari segi perancangan untuk mempertingkatkan penadahan air di sungai-sungai Negeri Selangor, pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) kini sedang giat melaksanakan aktiviti dan program seperti berikut :

1. Pengurusan Lembangan Sungai Dengan Pendekatan 'IRBM'

Memastikan pendekatan *Integrated River Basin Management (IRBM)* digunapakai dan dilaksanakan di setiap lembangan sungai di Negeri Selangor iaitu di Lembangan Sungai Selangor, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Klang. Konsep ini merangkumi aspek pengurusan kuantiti dan kualiti air termasuk perlindungan dan pemuliharaan melalui polisi dan strategi yang melibatkan agensi kerajaan berkaitan dan pemilik berkepentingan. Ia merupakan satu kaedah pengurusan yang terbaik secara holistik dan menyokong pendekatan *Integrated Water Resources Management, IWRM*.

2. Pewartaan Kawasan Sumber Air

Memastikan **kawasan sumber air** di Negeri Selangor dilindungi daripada pencemaran dan pencerobohan melalui :

- i) Pewartaan rizab sungai;
- ii) Pewartaan kawasan tadahan air empangan; dan
- iii) Pewartaan kolam sumber air alternatif.

3. Kawalan dan Penguatkuasaan

Kawalan dan penguatkuasaan ke atas sungai-sungai ini dibuat bagi memastikan aspek **kualiti** dan **kuantiti** air sungai sentiasa mencukupi dan berada di tahap bersih. Antara aktiviti-aktiviti dan program Lembaga ialah :

- i) Pemantauan kualiti sumber air mentah (memastikan kualiti air Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang berada pada tahap Kelas I dan Kelas II ke atas.
 - ii) Pemantauan pencemaran sumber air mentah pada waktu kecemasan.
 - iii) Pelaksanaan pelesenan dan caj air mentah di Negeri Selangor.
 - iv) Pelaksanaan pelesenan pelepasan bahan pencemar. (Peringkat Draf Peraturan)
 - v) Pelaksanaan pelesenan dan caj navigasi jalan air pedalaman di Negeri Selangor bagi (sungai, tasik dan tanah perairan). (Peringkat Draf Peraturan)
 - vi) Pelaksanaan kebenaran bertulis bagi aktiviti pengubahan sumber.
 - vii) Pelaksanaan program kesedaran awam seperti program 'Qua-Qua' bagi meningkatkan keprihatinan orang awam untuk melindungi sumber air dari aspek kuantiti dan kualitinya.
- b) Pihak Lembaga kini sedang giat melaksanakan kerja-kerja pemertan **di bawah Enakmen LUAS, 1999**. Maklumat terperinci pemertan yang sedang dilaksanakan Lembaga adalah seperti berikut :

1. Pemertan Kawasan Tadahan Air Empangan

Terdapat tujuh (7) kawasan tadahan air empangan yang akan diwartakan oleh Lembaga meliputi kawasan empangan dan kawasan tadahan air (*catchment area*) berikut :

- Empangan Klang Gates
- Empangan Batu
- Empangan Sungai Selangor
- Empangan Semenyih
- Empangan Sungai Tinggi
- Empangan Langat
- Empangan Tasik Subang

2. Pewartaan Kolam-Kolam, Tasik & Bekas Lombong :

Buat masa ini, hanya terdapat 13 kolam, tasik atau bekas lombong yang didapati amat sesuai dan boleh dipertimbangkan untuk diwartakan. Tiga (3) kriteria utama yang digunakan dalam pemilihan dan penentuan senarai di bawah adalah **analisis kesesuaian kualiti air, jarak berhampiran sungai dan status hak milik tanah** (Tanah Kerajaan atau Tanah Hak Milik Persendirian). Senarai ialah seperti berikut :

BIL.	KOLAM/BEKAS LOMBONG	DAERAH	KELUASAN (EKAR)
1.	Kolam 3 PNSB, Batang Berjuntai	Kuala	200
	Kolam 4 PNSB, Batang Berjuntai	Selangor	
2.	Kolam Tadahan Berjuntai Tin 1, Batang Berjuntai	Kuala	600
	Kolam Tadahan Berjuntai Tin 2, Batang Berjuntai	Selangor	
3.	Lombong Pasir Labohan Dagang	Kuala Langat	300
4.	Kolam Bekas Lombong, Saujana Putra	Kuala Langat	100
5.	Agrotech, Olak Lempit	Kuala Langat	180
6.	Kolam Tadahan 31, Jln. Rawang - B. Berjuntai	Hulu Selangor	50
7.	Kolam Tadahan Tasik Teratai, Serendah	Hulu Selangor	69
8.	Kolam Tadahan Sg. Rawang - Sg. Serendah	Hulu Selangor	102
9.	Kolam Tadahan, Kg Keliang, Kalumpang	Hulu Selangor	35
10.	Kolam Tadahan Rasa, Taman Keruing	Hulu Selangor	50
11.	Kolam Tadahan Kg. Timah, Hulu Yam	Hulu Selangor	19
12.	Kolam Tadahan Kg. Serigala, Kg. Batu 6	Hulu Selangor	9
13.	Kuala Garing	Hulu Selangor	30

3. **Pewartaan Rizab Sungai-Sungai :**

Pihak LUAS sedang menyiapkan kertas kerja berkenaan pewartaan lebih kurang 276 rizab sungai-sungai di Negeri Selangor (sungai-sungai utama dan anak-anaknya) di bawah **Seksyen 48, Enakmen LUAS, 1999**. Ini adalah lanjutan daripada keputusan Mesyuarat MMKN Bil 22/2008 dan juga Mesyuarat Lembaga Pengarah yang bersidang pada 26 Februari 2009.

Pelaksanaan pewartaan oleh Lembaga ini dilihat amat sesuai kerana peranan dan fungsinya sebagai badan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus, menyelaraskan dan menyelia lembangan sungai, sumber air dan perairan pantai di Negeri Selangor dan Lembaga mempunyai kuasa perundangan melalui Enakmen LUAS, 1999 yang komprehensif bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan diambil.

c) **Jawapan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor :**

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mewartakan seluas 42,940 hektar kawasan Hutan Simpan Kekal sebagai kawasan tadahan air di bawah Seksyen 10 (1) Akta Perhutanan Negara, 1984. Jabatan ini dalam proses mewartakan 750 hektar kawasan Hutan Simpan Gading sebagai kawasan tadahan air di seksyen yang sama. Kawasan tersebut di bawah merupakan kawasan tadahan air bagi sungai-sungai utama seperti berikut :

Bil.	Sungai Utama/Hutan Simpan	Intake Point/Loji
1.	Sungai Ampang (H.S. Ampang)	Loji Pembersih Air Ampang
2.	Sungai Buloh (H.S. Belata)	Empangan Sg. Tinggi
3.	Sungai Buloh (H.S. Belata Tambahan)	Empangan Sg. Tinggi
4.	Sungai Subang (H.S. Bukit Cherakah)	Empangan Tasik Subang
5.	Sungai Buloh (Bukit Tarek)	Empangan Sg. Tinggi
6.	Sungai Batu (H.S. Hulu Gombak)	Empangan Batu
7.	Sungai Klang (H.S. Hulu Gombak)	Empangan Klang Gates
8.	Sungai Serai (H.S. Hulu Langat)	Loji Pembersihan Sg. Serai
9.	Sungai Langat (H.S. Hulu Langat)	Empangan Langat
10.	Sungai Semenyih (H.S. Hulu Langat)	Empangan Semenyih
11.	Sungai Selangor (H.S. Hulu Selangor)	Empangan Sg. Selangor
12.	Tiada Nama Pada Peta Topo (H.S. Rantau Panjang)	Empangan (kecil) Sg. Buaya
13.	Tiada Nama Pada Peta Topo (H.S. Rantau Panjang)	Empangan (kecil) Batu Arang
14.	Sungai Selangor (H.S. Semangkok)	Empangan Sg. Selangor
15.	Sungai Semenyih (H.S. Sungai Lalang)	Empangan Semenyih
16.	Sungai Inki (H.S. Gading)	Loji Pembersihan Air Kalumpang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENTADBIRAN TANAH DAN TASK FORCE

9. *Task Force* Tanah Selangor telah dibentuk dan satu laporan kajian pengurusan dan pentadbiran tanah negeri Selangor telah dibentangkan pada Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Memandangkan kes-kes tertunggak dalam pengeluaran tukar syarat dan hak milik strata, apakah tindakan kerajaan negeri dalam menghadapi permasalahan begini yang sekian lama dibelenggu terutamanya penduduk di sebahagian perkampungan Telok Gong, Pelabuhan Klang dan kawasan yang lain.
- b) Sila perincikan statistik guna tanah di Pelabuhan Klang khususnya dan apakah tindakan kerajaan negeri terhadap tanah-tanah yang tidak dibayar premium, cukai tanah atau lesen pendudukan sementara (tanah TOL) yang tidak diusahakan oleh pemilik.

JAWAPAN :

- a) Tiada kes-kes tertunggak untuk permohonan tukar syarat tanah di kawasan Pelabuhan Klang. Bagi permohonan hak milik strata, permohonan diproses di PTG Selangor dan data-data perlu dirujuk kepada PTG Selangor.
- b) 1. Statistik Guna Tanah DUN Pelabuhan Klang (Merujuk Kepada Draf Laporan Rancangan Tempatan Klang (2002 – 2015)

KLASIFIKASI	LUAS(HEKTAR)	PERATUSAN (%)
PERUMAHAN	600.87	17.39
PERDAGANGAN	143.61	4.15
INDUSTRI	335.58	9.71
INSTITUSI/KEMUDAHAN MASYARAKAT	118.23	3.42
KAWASAN LAPANG/REKREASI	141.67	4.10
EKOLOGI SEMULAJADI	1,356.4	39.27
INFRASTRUKTUR & UTILITI	49.33	1.42
PERTANIAN	475.44	13.76
KEGUNAAN KHAS	232.32	6.78
JUMLAH	3,453.45	100

2. Terdapat dua (2) jenis bayaran premium iaitu premium bagi tukar syarat tanah dan premium bagi pelupusan secara pemberimilikan tanah.

i) Premium Tukar Syarat.

Tempoh diberi untuk menjelaskan premium tukar syarat adalah 2 tahun. Bagi yang tidak menjelaskan premium dalam tempoh yang ditetapkan kelulusan tukar syarat akan terbatal dengan sendirinya dan syarat nyata kekal seperti asal.

ii) Premium Bagi Pelupusan Secara Pemberimilikan Tanah

Tempoh diberi untuk menjelaskan bayaran premium adalah 18 bulan. Bagi yang tidak menjelaskan premium dalam tempoh yang ditetapkan kelulusan pemberimilikan tanah akan terbatal dan status tanah yang dipohon kekal sebagai tanah kerajaan.

3. Lesen Pendudukan Sementara (Tanah TOL) yang tidak diusahakan

Bagi mana-mana tanah LPS yang tidak diusahakan, permohonan pembaharuan tersebut tidak akan dipertimbangkan dan tanah akan kembali kekal kepada status tanah kerajaan.

4. Cukai Tanah

Pemilik tanah yang tidak membayar cukai dan mempunyai tunggakan yang tinggi, Pentadbir Tanah Daerah akan mengambil tindakan seperti berikut:-

- i) Mengeluarkan surat amaran
- ii) Mengeluarkan Notis 6A
- iii) Jika pemilik gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh Notis (90 hari) Notis 8A (Perampasan) akan dikeluarkan.

Pada masa ini, satu syarikat yang mempunyai tunggakan sebanyak RM 2,361,218.00 telah dihantar Notis 6A, manakala 2 syarikat yang mempunyai tunggakan yang tinggi juga telah dikeluarkan surat amaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENCEROBOHAN HUTAN BAGI TUJUAN PERTANIAN

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila kemukakan bilangan projek pertanian haram di atas kawasan hutan menurut daerah di seluruh Negeri Selangor.
 - b) Berapa banyakkah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri disebabkan aktiviti haram ini dari tahun 2004 hingga 2008.
 - c) Apakah faktor-faktor menyebabkan berlakunya pencerobohan hutan bagi tujuan pertanian ini dan apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam mengatasinya.

JAWAPAN :

- a) Sehingga Disember 2008, seluas kira-kira 3,972.7 ha kawasan HSK di Negeri Selangor dikesan telah diteroka haram/duduki tanpa kebenaran yang merupakan kesalahan hutan di bawah Seksyen 32 Akta Perhutanan Negara 1984. Ringkasan berikut merupakan kawasan HSK yang diteroka haram/diduduki secara tanpa kebenaran mengikut HSK dan Daerah Pentadbiran Tanah. Aktiviti penerokaan haram/pendudukan tanpa kebenaran ini berlaku hampir di seluruh Negeri Selangor. HSK Sungai Karang dan HSK Raja Musa dalam Daerah Pentadbiran Tanah Kuala Selangor merupakan kawasan yang paling luas diteroka dengan aktiviti pertanian iaitu (2,204 ha). Ini diikuti oleh HSK Kuala Langat Selatan(1,244 ha).

Bil.	Hutan Simpan	Luas (ha)	Daerah Pentadbiran
1	Sungai Karang	1,434	Sabak Bernam
2	Kuala Langat Utara	33	Kuala Langat
3	Kuala Langat Selatan	1,244	Kuala Langat/Sepang
4	Kapar	50	Kuala Selangor/Klang
5	Bukit Lagong	99	Gombak
6	Hulu Gombak	104	Gombak
7	Ampang	2	Gombak
8	Sungai Lalang	49	Hulu Langat
9	Air Hitam	2	Petaling
10	Bukit Sungai Puteh	0.4	Hulu Langat
11	Raja Musa	770	Kuala Selangor
12	Bukit Belata Tambahan	32	Hulu Selangor
13	Bukit Cherakah	50	Petaling
14	Jugra	8	Kuala Langat
15	Hulu Langat	146	Hulu Langat
16	Pantai Remis	0.3	Kuala Selangor
Jumlah		± 3,972.7	

- b) Kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri disebabkan aktiviti haram ini dari tahun 2004 hingga 2008 adalah dalam bentuk hasil kutipan royalti, ses dan premium yang sepatutnya boleh dikutip ke atas lesen pembalakan sekiranya dikeluarkan lesen. Dianggarkan seluar lebih kurang 450 ha diteroka dalam tempoh 2004 – 2008. Jumlah kerugian dianggarkan sebanyak RM4.5 juta, tidak termasuk sebanyak lebih kurang RM10 juta yang diperlukan bagi tujuan pemulihan kawasan terokaan ini.
- c) Faktor-faktor menyebabkan berlakunya pencerobohan hutan bagi tujuan pertanian ini adalah disebabkan :-
- i. Pengeluaran Hak Milik dan Lesen Pendudukan Sementara (TOL), oleh Pentadbir Tanah Daerah dalam hutan simpan tanpa pengetahuan jabatan/prosedur yang betul.
 - ii. Projek-projek pembangunan kerajaan dalam HSK dilaksanakan tanpa mengikuti prosedur/ tanpa permohonan kepada jabatan.
 - iii. Halangan berbentuk arahan penangguhan atau pembatalan tindakan penguatkuasaan jabatan oleh kepimpinan negeri/ ahli politik bagi kerajaan memerintah.
 - iv. Keselamatan kakitangan tidak terjamin ketika melaksanakan tindakan kerana ketiadaan senjata api.
 - v. Kekurangan kakitangan penguatkuasaan serta kakitangan yang tetap khususnya di bidang penyiasatan dan pendakwaan bagi membolehkan kes kesalahan hutan dibawa ke mahkamah.
 - vi. Tindakan penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri yang tidak *consistent* dan *persistant*.

Tindakan pencegahan dan penguatkuasaan yang telah dan akan diambil oleh langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasinya dalam membanteras penerokaan/ pendudukan secara tanpa kebenaran di HSK adalah seperti:

A. Tindakan Pencegahan

- i. Menanda dan menyelenggara sempadan HSK. Penyelenggaraan sempadan perlu dibuat secara berkala (sekurang-kurangnya 5 tahun sekali) bagi mengelak sempadan dinaiki semak serta gagal dikesan.
- ii. Memasang Papan Tanda HSK – pemasangan plet perlu dibuat di sepanjang sempadan yang telah di tanda. Juga dipasang kenyataan larangan masuk tanpa kebenaran, dengan pemberitahuan penalti dan denda di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.
- iii. Menutup Jalan/Laluan Masuk ke HSK – membina pagar berpaling besi (berkunci) atau menggali parit atau meletakkan batu penghadang (concrete beam) di jalan masuk bagi mencegah kemasukan kenderaan peneroka tanpa kebenaran.
- iv. Mengadakan aktiviti Pengembangan Kepentingan Pemeliharaan HSK kepada masyarakat.

- v. Pemantauan dan rondaan – menjalankan aktiviti pemantauan dan rondaan secara kerap dan konsisten termasuk pada hari kelepasan dan cuti am serta di luar waktu pejabat.
- vi. Penggunaan Teknologi Geomatik (Remote Sensing, GPS dan GIS)- bagi penyediaan peta kawasan risiko pencerobohan tanpa kebenaran, pengesanan dan penjejakan lokasi kejadian dengan cepat dan tepat.

B. Tindakan Penguatkuasaan

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Tindakan Membanteras Penerokaan Tanpa Kebenaran dengan mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang secara bersama/bersepadu menerusi penglibatan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Polis, Pejabat Tanah Daerah, RELA dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii. Mengeluarkan Notis Pemberitahuan mengosongkan tempat ketika tindakan penguatkuasaan bakal diambil bagi memberi tempoh masa secukupnya untuk pengosongan/tindakan sewajarnya dibuat oleh peneroka terbabit (khusus bagi kes melibatkan pendudukan secara haram).
- iii. Memusnahkan tanaman serta binaan infrastruktur/pertanian seperti rumah/pondok, kandang, jambatan dan perparitan dan kolam ikan/udang.
- iv. Merampas/sita/tahan jentera, kenderaan dan peralatan kerja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : MASALAH EKONOMI GLOBAL

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-
- a) Dunia kini sedang menghadapi masalah ekonomi global yang agak meruncing, jelaskan tindakan kerajaan negeri dalam menghadapi masalah ekonomi global ini terutama yang melibatkan golongan berpendapatan rendah
 - b) Apakah bentuk bantuan yang akan disalurkan kepada pengusaha dan pekerja yang hilang punca pendapatan ini ?
 - c) Jelaskan adakah perancangan dibuat untuk memberi latihan semula kepada mereka, dan jika ada bila ianya akan dimulakan dan di mana?

JAWAPAN :

- a) Masalah ekonomi global yang berlaku sekarang berpunca daripada krisis kewangan Amerika Syarikat yang melibatkan keruntuhan ekonomi, perdagangan, gadai janji subprima perumahan di Amerika Syarikat sejak 2007 dan berlarutan sehingga tahun 2008. Bursa saham di seluruh dunia menjunam pada September 2008 apabila beberapa syarikat gergasi di Amerika Syarikat terjerumus ke dalam masalah kewangan akibat krisis kredit perumahan. Kerajaan Amerika Syarikat terpaksa menggunakan wang cukai rakyat untuk menyelamatkan beberapa syarikat (*bailout*) agar tidak menjadi muflis.

Walaupun, Malaysia tidak menerima kesan langsung kerana sejak dahulu Malaysia tidak menerima pakej pinjaman kewangan perumahan dan subprima dari Amerika. Namun kesannya tetap dirasai kerana wujudnya hubungan perdagangan import dan eksport antara kedua-dua negara. Antara kesan yang dirasai termasuklah rakyat terpaksa menanggung beban daripada beberapa segi antaranya, kadar inflasi yang tinggi, kenaikan harga barang, penutupan kilang dan pemberhentian pekerja yang akan meningkatkan kadar pengangguran.

Bagi menghadapi masalah tersebut, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha memastikan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara khususnya golongan berpendapatan rendah menerusi pelaksanaan pelbagai program dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Antara program MES yang telah dilaksanakan bagi Fasa 1 termasuklah program seperti Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma, Hadiah Anak Masuk Universiti, Bantuan Warga Usia Emas, Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang .

Selain itu, terdapat beberapa program MES yang akan dilaksanakan secara berfasa khusus untuk golongan berpendapatan rendah termasuklah Caruman Takaful bagi Orang Kurang Upaya (OKU)/anak yatim, bantuan kepada peniaga muda; bimbingan perniagaan kepada belia, bantuan anak ke nurseri RM75 sebulan/orang, bantuan anak pra sekolah RM50 sebulan/orang, bantuan mendirikan rumah tangga, elaun ibu tunggal, elaun khas suri rumah dan bantuan memiliki kediaman.

Menerusi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dijangka dapat mengurangkan beban rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dalam menghadapi krisis ekonomi global.

- b) Antara langkah Kerajaan Negeri dalam membantu mereka yang menerima impak akibat kemerosotan ekonomi khususnya para pekerja yang diberhentikan adalah seperti berikut:
- i. membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenalpasti bentuk bantuan yang boleh diberikan samada bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
 - ii. Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut; dan
 - iii. Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan dan ianya juga dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat.
- c) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja Negeri Selangor telah membuat perbincangan dengan pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Tengah dan beberapa institusi latihan di sekitar Selangor dalam mendapatkan khidmat nasihat berserta pandangan berhubung bantuan yang ada dan yang boleh ditawarkan kepada pekerja yang diberhentikan kerja.

Hasil perbincangan mendapati antara peruntukan yang boleh digunapakai adalah melalui Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) di mana PSMB akan memberikan peruntukan di bawah *Human Resource Development Fund* (HRDF) bagi membiayai segala kos kepada institusi yang telah diakreditasi atau ditauliahkan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran serta elaun kepada pelatih yang mengikuti kursus terbabit.

Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan agar pihak Yayasan Selangor memohon untuk ditauliahkan sebagai pusat pengendali latihan (*training provider*) oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI DI KAWASAN DUN BALAKONG

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah projek perumahan terbengkalai di DUN Balakong pada tempoh sepuluh tahun yang kebelakangan ini?
- b) Berapakah jumlah projek terbengkalai yang berjaya diatasi pada tempoh tersebut?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod terdapat 3 projek perumahan yang terbengkalai di kawasan Dun Balakong. Projek tersebut adalah seperti berikut:

PROJEK TERBENGGALAI DALAM KAWASAN DUN BALAKONG

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	JUMLAH UNIT
1.	RANCANGAN PERUMAHAN DI ATAS LOT 2331, MUKIM CHERAS, DAERAH ULU LANGAT TAMAN LINGKARAN NUR, CHERAS	TETUAN SAKTIMUNA SDN. BHD.	<u>FASA 1B</u> RTKS 52 UNIT <u>FASA 2</u> RMKSR 108 UNIT <u>FASA 1</u> RMDT 151 UNIT RTST 154 UNIT
2.	TAMAN HARMONI, BALAKONG, KAJANG	TETUAN K.T. DEVELOPMENT SDN. BHD.	RPKR 272 UNIT

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	JUMLAH UNIT
3.	CADANGAN MENDIRIKAN 36 UNIT RUMAH BERASINGAN & 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK DI TAMAN HULU LANGAT JAYA, MUKIM CHERAS , DAERAH HULU LANGAT.	TETUAN SPRING COURT SDN. BHD.	36 UNIT (BERASINGAN JENIS)

- b) Untuk makluman Yang Berhormat daripada 3 projek yang terbengkalai di dalam kawasan DUN Balakong ini, **2 projek** telah dipulihkan dengan sempurna iaitu **Projek Taman Harmoni, Balakong, Kajang** di mana telah memperoleh Sijil Layak Menduduki pada 1.7.2005. Projek ini telah dipulihkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Satu lagi projek yang telah berjaya dipulihkan ialah **Projek Taman Hulu Langat Jaya** yang dimajukan oleh Tetuan Spring Court Sdn. Bhd. Projek ini sepatutnya siap pada tahun 2003 tetapi telah tergendala. Walau bagaimanapun, pemantauan serta perbincangan di antara jabatan teknikal seperti MPKj, Syabas, TNB, IWK, JKR dan LPHS secara berkala dengan pihak pemaaju telah dilaksanakan sehingga projek dapat dipulihkan dan Sijil Layak Menduduki (CF) telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) pada Disember 2007.

Manakala hanya **FASA 1 Taman Lingkaran Nur** yang melibatkan 305 unit telah dipulihkan oleh SPNB dan Sijil Layak Menduduki telah diperoleh pada 29.5.2003.

- c) Untuk makluman semua Yang Berhormat, sememangnya Kerajaan Negeri amat prihatin di atas nasib pembeli-pembeli rumah yang terlibat dengan projek terbengkalai. Walaupun begitu Kerajaan Negeri hanya boleh mengambil tindakan secara pentadbiran sahaja bagi membantu pembeli-pembeli tersebut. Sungguhpun begitu Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah pro aktif ke arah membantu pembeli-pembeli projek yang terbengkalai untuk memahami situasi yang mereka hadapi dan bertindak sebagai pemudah cara dalam menasihati mereka bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam menyalurkan aduan tersebut kepada pihak yang berkaitan seperti KPKT, bank dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pembeli adalah seperti berikut :

- 1) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 2) Bagi projek terbengkalai di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ia akan dirujuk kepada KPKT untuk mendapatkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi penyusunan semula pembiayaan pinjaman manakala bagi kes yang tidak berdaftar di bawah KPKT, LPHS akan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai tersebut.

- 3) LPHS juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- 4) Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
- 5) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia akan diaturkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) boleh mencadangkan mana-mana '*liquidator*'/*Pegawai Penerima* yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah '*liquidator*'/*Pegawai Penerima* pula perbincangan akan dijalankan bersama '*liquidator*'/*Pegawai Penerima* terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- 6) Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
- 7) Kerajaan Negeri juga sebagai tindakan terakhir telah mengambil tindakan perampasan beberapa keping tanah atas faktor wujud pelanggaran peruntukkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin.
- 8) Penubuhan Jawatankuasa Task Force Projek Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y.B. Saari Sungib ADUN Hulu Kelang di mana tiga Konsultan iaitu Rimbun Capital Sdn. Bhd., RSS-PMC Sdn Bhd. dan Kumpulan Muhandis Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan jawatankuasa ini bagi membantu untuk menilai semula sama ada projek terbengkalai tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Setakat ini terdapat 48 projek dalam proses kajian pihak konsultan.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "breach of contract" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya apabila pembeli-pembeli rumah mereka terbengkalai. Kerajaan Negeri tidak mempunyai "locus standi" untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun pembeli boleh merujuk terus kes mereka ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK : JUMLAH PERBELANJAAN MAJLIS PERAYAAN DI PERINGKAT NEGERI
DAN PBT**

13. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Sila nyatakan jumlah perbelanjaan yang terlibat dalam setiap majlis perayaan di peringkat negeri dan PBT sejak tahun 2008.
 - b) Sila bandingkan kos-kos yang di belanja dalam majlis perayaan dengan jumlah bajet di setiap PBT.

JAWAPAN :

- a) Jumlah Perbelanjaan Majlis Perayaan Tahun 2008 yang dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri :

1.	HARI PAHLAWAN		RM178,400.00
2.	MERDEKA		RM886,775.00
3.	KMK		RM174,576.00
4.	BULAN KUALITI		RM45,230.00
5.	HARI DEEPAVALI		RM255,000.00
6.	HARI KEPUTERAAN		RM1,384,089.58
7.	SAMBUTAN PERAYAAN KRISMAS DAN TAHUN BARU PERINGKAT NEGERI SELANGOR		RM 203,725.00
8.	JAWATANKUASA LADANG Sambutan sempena Deepavali di Ladang Sabak Bernam pada 2 November 2008 (sumbangan berbentuk hamper) Sambutan sempena Deepavali di Ladang Bukit Tagar, Hulu Selangor pada 23 November 2008 (sumbangan berbentuk hamper)		RM13,500.00 RM10,000.00
9.	JAWATANKUASA KERAJAAN PRIHATIN Majlis sumbangan kepada rakyat miskin Sempena Sambutan Perayaan Deepavali di Sri Muda pada 15 November 2008 (sumbangan berbentuk hamper) Sumbangan untuk Majlis Penutup Deepavali 2008 di Taman Sentosa pada 25 Oktober 2008 (sumbangan berbentuk hamper)		RM5,000.00 RM2,000.00
	JUMLAH		RM3,158,295.58

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan untuk setiap golongan?
 - b) Senaraikan peruntukan kepada setiap golongan dan kaum.

JAWAPAN:

- a) JKM menyalurkan bantuan kepada semua kaum dan golongan bagi semua permohonan yang memenuhi syarat asas kelayakan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Syarat asas kelayakan tersebut adalah seperti berikut :
 - Warganegara Malaysia
 - Pendapatan isi rumah tidak melebihi dari Paras Garis Kemiskinan (PGK)
 - Golongan yang tidak berkemampuan dan memerlukan bantuan
- b) Tiada peruntukan khusus bagi setiap golongan mahupun kaum. Peruntukan yang diterima oleh JKM diagih berdasarkan kepada jumlah bantuan yang diluluskan dan mengikut syarat kelulusan yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : FRUIT VALLEY

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sejak pemerintahan Pakatan Rakyat dalam negeri Selangor, apakah konsep pengurusan yang terbaru untuk meningkatkan produktiviti *Fruit Valley*?
 - b) Sila berikan maklumat terperinci berkenaan usaha sama di *Fruit Valley*, contohnya pembahagian syer, pelaburan asing yang terlibat dan lain-lain yang sewajarnya.
 - c) Apakah tindakan pihak kerajaan negeri untuk melibatkan lebih ramai orang tempatan dalam pembangunan *Fruit Valley*, terutamanya dalam keadaan ekonomi sebegini?

JAWAPAN :

- a) Sejak pemerintahan Pakatan Rakyat dalam Negeri Selangor, Selangor Fruit Valley telah diarah untuk menggandakan usaha bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran. Usaha-usaha bagi meningkatkan amalan pengurusan ladang yang baik telah dilaksanakan ke arah meningkatkan jumlah keluaran produk terutamanya belimbing besi dari ladang ini yang telah dikenali di pasaran Eropah. Pada masa ini 86% dari keluaran belimbing besi dari Selangor Fruit Valley dieksport ke Eropah (UK) dan Kanada.

Ladang ini juga telah melaksanakan pembelian buah-buahan seperti belimbing besi, rambutan, manggis, dan nenas dari petani-petani luar sekiranya berlaku permintaan yang lebih tinggi dan ladang tidak dapat memenuhi permintaan tersebut.

- b) Pembangunan dan pengurusan Selangor Fruit Valley dilaksanakan sepenuhnya oleh PKPS melalui anak syarikatnya iaitu Selangor Oil Palm Industries Corporation Sdn. Bhd. (SOPIC). Saham SOPIC adalah 100% dimiliki oleh PKPS. Oleh itu tiada usaha sama atau pelabur asing yang terlibat di dalam projek Selangor Fruit Valley.
- c) Arahan Kerajaan Negeri kepada pengurusan ladang Selangor Fruit Valley bagi menggandakan usaha terutama pembangunan pasaran eksport adalah bertujuan antara lain bagi membantu pengusaha-pengusaha buah-buahan tempatan memasarkan produk keluaran mereka untuk pasaran eksport seperti yang sedang dirintis pada waktu ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PAJAKAN TANAH

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kriteria dan syarat supaya seseorang dapat menikmati pemilikan tanah secara tetap / selamanya ataupun secara pajakan?
- b) Adakah faktor-faktor sejarah dan perlembagaan diambil kira apabila keputusan untuk mempertimbangkan hak-hak individu pemilik?

JAWAPAN :

- a) Pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri selepas berkuat kuasa Kanun Tanah Negara adalah terikat dengan peruntukan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara yang menghadkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk meluluskan pemberimilikan tanah bagi tempoh yang tidak melebihi 99 tahun.

Di bawah Kanun Tanah Negara 1965, pemberimilikan selama-lamanya di bawah Seksyen 76 hanya diberikan atas-sebab-sebab istimewa seperti berikut:-

- i) jika Kerajaan Persekutuan memerlukan Pihak Berkuasa Negeri untuk menyerahkan hak milik buat selama-lamanya dibuat kepada Kerajaan Persekutuan atau kepada pihak berkuasa awam atau sekiranya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bersetuju untuk membuat suatu hak milik buat selama-lamanya kepada Kerajaan Persekutuan;
- ii) jika sekiranya Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa tanah itu akan digunakan untuk tujuan awam; atau
- iii) jika sekiranya Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa terdapat keadaan-keadaan khas yang memerlukan ia dibuat demikian

Walau bagaimanapun, tanah-tanah yang diberi milik sebelum Kanun Tanah Negara, terdapat tanah-tanah yang diberi milik untuk tempoh selama-lamanya. Jika tanah tersebut diberi milik semula, ianya akan dikekalkan secara hak milik selama-lamanya. Bagi hak milik pajakan, undang-undang tidak membenarkan ianya ditukar taraf kepada hak milik selama-lamanya.

- b) Pertimbangan bagi sesuatu permohonan pemberimilikan tanah dibuat mengikut kaedah undang-undang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B DATO SERI MOHAMMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA

17. Kerajaan Negeri pernah berjanji akan mengadakan program khas bagi meningkatkan pendapatan belia ke RM 1, 500 sebulan dan pendaftarannya adalah secara terbuka seperti yang telah diumumkan oleh Y.A.B Menteri Besar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramai yang telah mendaftar untuk program ini?
- b) Berapa ramaikah belia yang telah berjaya mendapat pendapatan RM 1, 500.00 sebulan dari program ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sedar bahawa belia merupakan tulang belakang negara. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan dan melaksanakan Program Latihan Kemahiran Belia dengan kerjasama Yayasan Selangor. Sehingga kini seramai 1579 orang telah berdaftar dan daripada jumlah tersebut seramai 782 orang telah selesai menjalani program tersebut. Manakala baki seramai 797 orang masih menjalani program tersebut. Program ini diadakan secara bersiri dan sehingga kini sebanyak 6 siri telah dilaksanakan bertempat di Kem Bina Semangat Ampang Pecah. Selain daripada itu Kerajaan Negeri turut mengadakan " Road Show " bagi menarik minat para belia menyertai program tersebut.
- b) Memandangkan program ini masih baru dilancarkan dan buat masa ini sasaran untuk mencapai pendapatan RM 1,500.00 masih belum dapat dihasilkan. Walau bagaimanapun selain mensasarkan pendapatan RM 1,500.00 – RM 2,000.00 sebulan, program ini turut memberi penekanan kepada aspek-aspek seperti berikut:
 1. Program ini memberi peluang kepada peserta belia yang berkelulusan SPM dan ke bawah bagi mendapatkan tempat untuk mengikuti program-program kemahiran di Institusi kemahiran di bawah Kerajaan Negeri dan institusi swasta.
 2. Program ini juga memberi peluang untuk mendapatkan lanjutan pendidikan kepada peserta yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma dan Ijazah ke Institusi Pendidikan Tinggi seperti di UNISEL dan KUIS.
 3. Memberi pendedahan dan peluang kepada peserta tentang program keusahawan dan perniagaan melalui panel yang disediakan seperti:
 - i) Agro Bank
 - ii) Tekun Nasional
 - iii) Safaworld Urban Agriculture- Contrac Farming
 4. Pendapatan tambahan peserta melalui program kursus perniagaan dan keusahawan agar menjadikan sumber pendapatan tambahan bagi peserta yang telah berkerja yakni yang belum mencapai pendapatan RM 1,500.00.

5. Program ini lebih memberi penekanan kepada golongan belia yang tercicir dalam pelajaran, yang mana pihak Yayasan Selangor dan Kerajaan Negeri akan cuba memberi pendedahan dan dorongan untuk golongan ini mendapat peluang “ Second Chance “ iaitu diberi peluang untuk menjalani latihan kemahiran, asas keusahawanan dan peluang kejaya. Untuk mendapatkan atau mencapai pendapatan RM 1,500.00 ini golongan belia mestilah mengambil peluang yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor ini.

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

**TAJUK : OPERASI MENGOSONG DAN MERUNTUH RUMAH/PONDOK SERTA
MENGHENTIKAN AKTIVITI PENTERNAKAN DAN TANAMAN DALAM
HUTAN SIMPAN RAJA MUSA**

18. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah keluasan sebenar kawasan tanaman yang dimusnahkan oleh Penguatkuasa Kerajaan Negeri?
47	Teratai	To'kong Tian Di Gong Persatuan Penganut Dewa Sum Tai Chee Persatuan Penganut Tokong Sam Kau Ampang Persatuan Penganut Dewa Fut Fatt Pandan Indah Persatuan Penganut Dewa Lock Yam Fu Fin Shen See Rumah Berhala Sin Tiong Hu	10,000.00 10,000.00 5,000.00 10,000.00 5,000.00 10,000.00	Public Bank Jln. Besar Ampang - 3082951425 RHB Bandar Br Ampang - 21216100041917 RHB Bandar Br Ampang - 2-12376-3602471-2 RHB Pandan Indah - 21410100054150 RHB Bandar Br Ampang - 21216100043936 CIMB Jln. Ampang - 1263-0000085-05-0
48	Dusun Tua	Persatuan Penganut Dewa Lin Hwee Beo J/K Pengurusan Tokong Sze Yah J/K Binaan Tokong Sam Ching Kong Persatuan Sri Sivasangkari Saiva Sanmarka Sangam Persatuan Penganut Sri Devi Karumariamman	10,000.00 10,000.00 10,000.00 8,000.00 8,000.00	RHB Tmn Suntex Cheras - 181209500058849 Bank Utama Bkt Bintang - 2012001847-6 PBB Kajang - 3115597726 RHB - 21442836024707 RHB - 21209500071462
49	Dengkil	Persatuan Penganut Dewa Thien Oh Khiong Dengkil Persatuan Penganut Ajaran Kuan Yin Po Sah Peraturan Penganut Dewa Khuan Yim Yoke Ong Thong Kuala Lumpur dan Selangor Persatuan Kebajikan Len Sam Thai Chi Persatuan Penganut Dewi Khwan Inn Persatuan Penganut Dew Khuan Yin Gung Dengkil Kuil Sri Renganathan Kuil Sri Mayura Nathar Kampung Ampar Tenag Dengkil Sepang	5,000.00 5,000.00 5,000.00 5,000.00 5,000.00 5,000.00 5,000.00	CIMB Bank Cawangan Dengkil - 1267-0000355-053 CIMB Bank Cawangan Dengkil - 1267-0000345-058 CIMB Bank Cawangan Dengkil - 1046012981 CIMB Bank Cawangan Dengkil - 1267-0000283-058 CIMB Bank Cawangan Dengkil - 1046012428 CIMB Bank Cawangan Dengkil - 1267-0000568-059 CIMB Bank Cawangan Kajang - 112026493390 AM Bank Sepang: 1860010072663
50	Kuang	J/K Pembinaan Rumah Berhala Sum san, Kundang Persatuan Penganut Agama Budha Batu Arang Chee Choy Kong Temple Selayang Rumah Berhala Tiong Yee, Selayang Baru. Persatuan Penganut Tokong Kuan Ti Rawang Kuil Sri Bala Ganaser Jalan O.C. 8, 48100 Batu Arang Selangor Kuil Sri Maha Mariamman Jalan Station 48100 Batu Arang	8,000.00 8,000.00 8,000.00 8,000.00 8,000.00 5,000.00 5,000.00	AmBank Rawang - 1320010040210 Affin Bank Rawang - 200430004175 HSBC - 304-283237-001 MMB Selayang - 012156300863 Affin Bank Rawang - 0431040000005927 MayBank Rawang: 012017322827 EON Bank Rawang - 0047100013732

51	Sabak Bernam	<p>Persatuan Penganut - Penganut Rumah Berhala Thien Hock Kong</p> <p>Persatuan Ugama Suci Sheng Jio Hui</p> <p>Persatuan Penganut Dewa Xian Shi Tan</p> <p>Persatuan Penganut Dewa Kuan Seng Ti Gun</p> <p>Persatuan Penganut Tienfa Kung</p> <p>Persatuan Tokong Thien Hock Keong</p> <p>Thirumurugan Temple</p> <p>Rumah Berhala Sang Huat Soo Kong</p> <p>Rumah Berhala Hui Long Kong</p> <p>Jawatankuasa Pengurusan Wing Sien Tan</p>	<p>4,500.00</p> <p>4,500.00</p> <p>4,500.00</p> <p>4,500.00</p> <p>4,500.00</p> <p>4,500.00</p> <p>10,000.00</p> <p>4,500.00</p> <p>4,500.00</p> <p>4,000.00</p>	<p>MBB Sabak Bernam - 012099603882</p> <p>MBB Sabak Bernam - 012099604665</p> <p>MBB Sabak Bernam - 6057240103</p> <p>MBB Sabak Bernam - 512099620960</p> <p>MBB Sungai Besar - 112193041974</p> <p>MBB sabak Bernam - 20774-9</p> <p>MBB sabak Bernam - 012099208600</p> <p>MBB Sabak Bernam - 01299604685</p> <p>MBB Sungai Besar - 512192029299</p> <p>MBB Sabak Bernam - 512099621698</p>
52	Tanjung Sepat	<p>Persatuan Penganut Dewa Da Mo Tanjung Sepat Selangor</p> <p>Kuil Sri Maha Mariamman</p> <p>Ladang Batu Untung</p> <p>Kuil Sri Thurga Parameswari amman</p> <p>Kampung Tumbuk</p>	<p>10,000.00</p> <p>5,000.00</p> <p>5,000.00</p>	<p>Hong Leong Bank BHD Cawangan Tg. Sepat - 072-00037663</p> <p>Bank Pertanian Banting : 20530052257</p> <p>RHB Bank Sungai Pelek : 11001900003558</p>
53	Morib	<p>Persatuan Penganut Penganut Dewi sri Maha Mariyamman</p> <p>No 1 , Jalan Jelawat 8 Taman sri Putra Banting</p> <p>Kuil Sri subramaniar</p> <p>Ladang Permatang Kelanang Plantation Banting</p> <p>Kuil Sri Maha Mariyamman</p> <p>Kelanao Baru Division Banting</p> <p>Kuil Sri Thorobathaiamman</p> <p>Tongkah Morib</p> <p>Persatuan Pengurusan Kuil Sri Maha Karumariamman Jugra Banting Selangor</p>	<p>5,000.00</p> <p>3,000.00</p> <p>3,000.00</p> <p>5,000.00</p> <p>3,000.00</p>	<p>CIMB Bank Banting - 12020280405005</p> <p>Bank Pertanian Malaysia Banting - 20530220590</p> <p>Bank Rakyat Banting - 220181330890</p> <p>CIMB Bank Banting - 20530158263</p> <p>CIMB Bank Banting - 20530158263</p>
54	Seri Serdang	<p>Kuil Sri Maha Kaliamman</p> <p>Jalan Raya 3 Taman Sri serdang</p> <p>43300 Selangor</p> <p>Kuil Sri Subramaniar Paripalana Sabhai Serdang UPM Serdang</p> <p>Persatuan Penganut Sri Maha Mariamman Dan Sri Perumal</p> <p>Puchong Perdana , Puchong Selangor</p> <p>Persatuan Penganut Sri Maha Mariamman</p> <p>Puchong Batu 14 , Selangor</p> <p>Persatuan Penganut Sri Muniswarar Alayam</p> <p>Taman Serdang</p>	<p>5,000.00</p> <p>5,000.00</p> <p>5,000.00</p> <p>5,000.00</p> <p>5,000.00</p>	<p>CIMB Bank Seri Kembangan - 12110005506054</p> <p>Public Bank Seri Kembangan 4432316717</p> <p>Affin Bank - 10-102-0008006</p> <p>RHB Bank Puchong Jaya - 21212500016429</p> <p>Eon Bamk Seri Kembangan - 11210006553</p>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SISTEM PENGANGKUTAN BANDARAYA

22. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam secara keseluruhannya.
 - b) Oleh kerana perkhidmatan bas dijalankan oleh pihak swasta, maka perkhidmatan mereka bergantung kepada sama ada sesuatu lokasi perhentian dan laluan dapat mengaut keuntungan. Syarikat swasta tidak rela memberi perkhidmatan sebagai tanggungjawab sosial. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memulakan sistem bas kepunyaan kerajaan yang dapat lalui semua lokasi penghuni demi melengkapkan kekurangan ini di Selangor.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri menyedari bahawa sistem pengangkutan awam secara keseluruhannya perlu diperbaiki. Sehubungan itu, satu Draf Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 yang telah dibentangkan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri Selangor pada 20 Oktober 2008 telah menekankan Sistem Pengangkutan Awam di Selangor. Sistem pengangkutan awam perlu diperluaskan untuk mengintegrasikan perkhidmatan pengangkutan berasaskan rel. Liputan perkhidmatan pengangkutan berasaskan rel perlu diperluaskan sama ada di dalam zon-zon perbandaran dan di antara zon bagi mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam. Perkhidmatan rel perlu disokong oleh mod-mod pengangkutan lain yang cekap dan berkesan supaya dapat dimanfaatkan oleh semua golongan pengguna pengangkutan awam.

Kerajaan Negeri sedar bahawa nisbah penggunaan awam atau dikenali Modal *split* adalah 89 berbanding 11 seperti yang di laporkan di dalam Kajian Integrasi Pembangunan Pengangkutan Awam Lembah Klang, 2003 yang dibuat oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Modal *Split* bagi sebuah negeri maju adalah pada kadar 50:50 atau yang idealnya adalah 30:70. Menurut *Sustainable Development Book/Report*, 2004 menyatakan bahawa 90% trip perjalanan dibuat menggunakan sistem pengangkutan awam. Sehubungan itu sistem pengangkutan awam bersepadu perlu dilaksanakan di semua bandar untuk mempertingkatkan penggunaan semua mod pengangkutan selaras dengan Kajian Integrasi Pembangunan Pengangkutan Awam Lembah Klang, 2003.

Jaringan pembangunan dan pusat pertumbuhan adalah merupakan asas strategik yang digunakan di dalam pembentukan Pelan Strategik Guna Tanah Selangor 2020. Jaringan pembangunan terdiri daripada jaringan utama dan 16 jaringan sekunder.

Jaringan utama yang telah dirancang di Negeri Selangor terdiri daripada tiga kategori iaitu:

- i) Jaringan Pembangunan Bersepadu (*Consolidated Development Network*);
- ii) Jaringan Pembangunan Aktif (*Active Development Network*); dan
- iii) Jaringan Pembangunan Pemandangan (*Scenic Development Network*).

Enam belas jaringan pembangunan sekunder yang utama dan telah dikenal pasti di Negeri Selangor ialah:

- i) Jaringan Bandar Baru Bangi – Bandar Baru Salak Tinggi – Sungai Pelek;
 - ii) Jaringan Bandar Baru Bangi – Nilai (Negeri Sembilan);
 - iii) Jaringan Semenyih – Lenggeng (Negeri Sembilan);
 - iv) Jaringan Bandar Baru Bangi – Semenyih;
 - v) Jaringan Gombak – Bentong (Negeri Pahang)
 - vi) Jaringan Bandar Baru Salak Tinggi – Banting – Morib;
 - vii) Jaringan Cyberjaya – Telok Panglima Garang - Pulau Carey – Pulau Indah;
 - viii) Jaringan Kuala Selangor – Kapar – Klang Telok Panglima Garang – Banting
 - ix) Jaringan Kuala Selangor – Bestari Jaya – Bukit Beruntung – Batang Kali;
 - x) Jaringan Sungai Besar – Sabak;
 - xi) Jaringan Bestari Jaya – Negeri Perak;
 - xii) Jaringan Bernam Jaya – Sabak;
 - xiii) Jaringan Bernam Jaya – Lembah Beringin – Bukit Beruntung – Rawang – Kuang – Sungai Buloh;
 - xiv) Jaringan Bestari Jaya – Rawang – Selayang – Gombak;
 - xv) Jaringan Kuala Lumpur - Sungai Buloh; dan
 - xvi) Jaringan Lembah Beringin – Batang Kali.
- b) Peranan utama Kerajaan Negeri Selangor sebagai agensi untuk merancang pembangunan negeri termasuklah perancangan dalam pengangkutan awam. Hasrat Kerajaan Negeri adalah bagi memastikan rakyat Negeri Selangor mendapat kemudahan awam yang cekap dan selesa. Hasrat ini akan dilaksanakan dengan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak terlibat dalam sektor pengangkutan seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi supaya Negeri Selangor mendapat manfaat melalui perancangan yang teratur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENANGKAPAN ANJING LIAR

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kaedah atau prosedur yang diguna pakai oleh pihak kontraktor bagi tujuan penangkapan anjing liar di semua PBT?
- b) Apakah kaedah yang digunakan untuk menghapuskan anjing liar(sama ada secara suntikan, tembakan atau sebarang kaedah lain)?

JAWAPAN :

- a) Masalah anjing liar masih lagi terdapat di Negeri Selangor dan sesetengah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor melantik pihak kontraktor untuk menangkap anjing liar di kawasan masing-masing dan terdapat juga menggunakan pekerja majlis sendiri untuk tujuan penangkapan. Penangkapan anjing terbiar boleh dilakukan melalui kaedah-kaedah berikut :
 - i) **Kaedah Gelung** - penggunaan gelung yang diikat di hujung sebatang kayu/aluminium untuk menangkap anjing terbiar
 - ii) **Kaedah Sangkar**- penggunaan sangkar dengan umpan untuk memerangkap atau menangkap anjing
 - iii) **Kaedah senapang penenang (Traquilizer gun)**- penggunaan senapang penenang pelali (penggunaan senapang ini memerlukan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan)
 - iv) **Kaedah jaring**- penggunaan jaring ini untuk memerangkap atau menangkap anjing

Spesifikasi untuk kaedah-kaedah di atas boleh di dapati di Jabatan Veterinar di mana khidmat nasihat boleh diberi sekiranya terdapat apa-apa kemusykilan semasa menjalankan penangkapan atau memerangkap anjing-anjing terbiar. Semasa menangkap, tidak boleh sama sekali membuat bising atau mengganggu lalu lintas atau kacau ganggu terhadap masyarakat umum. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan menggubal satu garis panduan yang baru untuk semua PBT di Selangor.

- b) Kaedah yang diguna pakai bagi menghapuskan anjing liar di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor ialah melalui suntikan bahan kimia Dorminal terhadap anjing-anjing yang ditangkap. Selain itu, terdapat juga sesetengah Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak menghapuskan anjing liar yang ditangkap melainkan menyerahkan semua anjing liar yang ditangkap kepada PAWS (Animal Welfare Society) untuk penjagaan/penghapusan. Semua anjing yang akan dimusnahkan hendaklah dijalankan secara berperikemanusiaan. **Eutanasia** (*put into sleep injection* akan menyebabkan kematian) ke atas anjing yang sakit atau cedera yang tidak boleh diselamatkan dengan cara rawatan hendaklah dijalankan dengan serta-merta. Eutanasia ke atas anjing hendaklah dijalankan oleh pegawai veterinar yang berdaftar. Semua karkas (bangkai) hendaklah dilupuskan dengan cara ditanam atau dibakar menggunakan "incinerator". Semua penanaman karkas hendaklah mengikut kaedah-kaedah kawalan pencegahan penyakit seperti penggunaan kapur, disinfectant dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : DENGGI DAN CHIKUNGUNYA

24. Selangor adalah negeri yang tinggi dengan kes denggi dan chikungunya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Apakah faktor-faktor merebaknya denggi dan chikungunya di Selangor?
- b) Sejauh manakah berkesannya langkah-langkah yang diambil?
- c) Mengapakah penyakit ini lebih berlaku di bandar berbanding luar bandar?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, di antara faktor-faktor utama merebaknya denggi dan chikungunya di Selangor adalah faktor kepadatan penduduk yang tinggi di Selangor terutama di daerah Petaling, Gombak, Hulu Langat dan Klang. Lain-lain faktor termasuk sistem pelupusan sampah yang kurang memuaskan, serta takungan air di dalam dan persekitaran rumah termasuk kolah air. Kerjasama penduduk juga perlu di pertingkatkan bagi membantu anggota kesihatan melaksanakan aktiviti kawalan seperti semburan kabus dan pemeriksaan pembiakan aedes di dalam dan persekitaran rumah.
- b) Langkah-langkah pencegahan dan kawalan denggi dan cikungunya yang diambil telah menampakkan keberkesanan. Kes denggi telah dapat dikurangkan daripada 875 kes pada minggu pertama 2009 kepada 532 kes pada minggu kelapan (berakhir 28.2.09). Terdapat juga perubahan positif sikap penduduk dalam membantu anggota kesihatan melaksanakan aktiviti kawalan di dalam dan persekitaran rumah mereka.
- c) Kes demam denggi lebih tinggi di kawasan bandar berbanding dengan luar bandar disebabkan faktor kepadatan penduduk yang tinggi yang memudahkan penularan virus denggi melalui gigitan nyamuk. Ini di tambah dengan sistem pelupusan sampah yang kurang teratur termasuk pembuangan sampah haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PENGURUSAN PERBELANJAAN OLEH PBT

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewajibkan penubuhan *Task Force* di peringkat PBT dalam memastikan pengurusan perbelanjaan yang lebih berhemah dan bertanggungjawab dapat ditingkatkan seperti yang dilaksanakan oleh MPAJ.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN DI ATAS TAPAK BEKAS TIMBUS TANAH
(LANDFILL) DI KELANA JAYA**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah cara penyelesaian untuk menyelesaikan masalah projek perumahan di atas tapak bekas timbus tanah (*landfill*) di Kelana Jaya yang didakwa dibenarkan tanpa kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar Selangor?
 - b) Adakah kajian telah dijalankan ke atas keadaan tanah tersebut oleh mana-mana pihak (MBPJ/JAS) dan apakah isi kandungan kajian tersebut?

JAWAPAN :

- a) Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan memastikan sebarang projek perumahan yang dijalankan di atas tapak bekas timbus tanah di Kelana Jaya perlu mematuhi syarat-syarat yang dikemukakan setelah mengambil kira hasil Kajian Pencemaran Persekitaran dan Geoteknikal daripada Unit Perundangan Universiti Malaya (UPUM) seperti berikut:
 - i) Pemaju hendaklah memastikan agar kawasan lapang yang tidak dibangunkan ditutupi dengan 'biocover system'.
 - ii) Setiap kawasan permainan kanak-kanak hendaklah ditutup dengan simen atau tile.
 - iii) Penduduk adalah dilarang sama sekali untuk menanam sebarang tanaman yang boleh dimakan kerana dikhuatiri bahan berbahaya yang terdapat di dalam tanah seperti arsenik, raksa, plumbum dan sebagainya akan diserap oleh tanaman yang ditanam.
 - iv) Di sepanjang jalan pintu masuk ke kawasan pembangunan, ia hendaklah diperindah dan tidak boleh kelihatan sebarang sisa pepejal.
 - v) Sekiranya pihak pemaju ingin menjalankan sebarang pembangunan, 'hoarding' hendaklah dipasang bagi mengelakkan sebarang pencemaran berlaku dan mengganggu kejiranan bersebelahan dan persekitarannya.
 - vi) Memastikan sisa pepejal yang masih terdapat di kawasan tersebut dibuang dan digantikan dengan bahan yang selamat (pasir,tanah) sebelum sebarang pembangunan didirikan di atas tapak tersebut.
 - vii) Pemaju hendaklah memastikan kerja-kerja pembangunan yang dilakukan oleh pihak kontraktor hendaklah dipantau oleh perunding yang berpengalaman.
 - viii) Aktiviti pemantau hendaklah dijalankan sepanjang masa iaitu ketika kerja-kerja pemindahan sisa pepejal, kerja tanah serta kerja-kerja pembinaan.
 - ix) Ketika menjalankan kerja-kerja pemindahan sisa pepejal, kaedah yang sempurna dan selamat perlu diadaptasikan untuk memastikan sebarang pergerakan tanah akibat daripada aktiviti tersebut tidak mendatangkan masalah dan selamat.

- b) Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melantik Unit Perundangan Universiti Malaya (PPUM) untuk menjalankan kajian ke atas keadaan tanah berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN

27. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah program pembangunan usahawan yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri?
- b) Berapa peratus daripada program tersebut adalah memfokuskan kepada belia?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan Dana Industri Kecil bagi usahawan-usahawan yang layak untuk mendapatkan bantuan mesin dan peralatan bagi meningkatkan pembangunan produk. Kerjasama juga dijalankan dengan pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi memberi bantuan pinjaman perniagaan terutama kepada usahawan-usahawan di kawasan bandar dan membantu pekerja-pekerja yang di berhentikan untuk memulakan perniagaan.

Bagi menambahkan ilmu dan kemahiran Kerajaan Negeri juga mengadakan kursus-kursus seperti Asas Keusahawanan, Strategik Pemasaran, Kepentingan Pensijilan Halal dan Program Mentor Mentee. Program yang dirancang terbuka kepada semua golongan.

- b) Program keusahawanan anjuran Kerajaan Negeri terbuka kepada semua golongan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah projek pembangunan yang diluluskan di kawasan yang dikelaskan sebagai KSAS?
 - b) Apakah tindakan yang akan diambil dalam pemantauan projek-projek tersebut?
 - c) Apakah rancangan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan KSAS?

JAWAPAN :

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 6/2008 pada 2 April 2008 telah mengenalpasti terdapat **141 projek pembangunan** yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini yang dikelaskan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).
- b) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 6/2008 pada 2 April 2008 bersetuju akan membuat pemantauan yang lebih ketat dan berterusan bagi 141 projek dan IKRAM diminta supaya mendapatkan laporan pembinaan bagi setiap 2 minggu daripada semua pemaju atau konsultant bagi projek tersebut. Selain itu, IKRAM juga diminta supaya mengadakan random surprise audit projek-projek tersebut.
- c) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 6/2008 pada 2 April 2008 bersetuju supaya Kerajaan Negeri tidak akan memberikan kelulusan projek pembangunan di kawasan tanah tinggi bagi Kelas III dan IV iaitu yang melebihi tahap kecerunan 25 darjah. Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 3/2008 pada 20 November 2008 juga telah bersetuju semua Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi yang terlibat menguatkuasakan pelaksanaan Rancangan Pemajuan dalam perancangan pembangunan. Di dalam Rancangan Tempatan yang telah diwartakan terdapat cadangan gunatanah dan garispanduan khusus di dalam mengawal pembangunan terutamanya Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Dalam usaha Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor melahirkan para atlit yang berkualiti dan berbakat, apakah dasar-dasar digunakan pakai oleh Kerajaan Negeri dalam pembangunan sukan di peringkat daerah khususnya di Pelabuhan Klang?
- b) Apakah pendekatan atau bentuk kerjasama Majlis Sukan Negeri (MSN) dengan persatuan sukan negeri atau daerah dalam penglibatan remaja dan belia serta pihak swasta di negeri Selangor?
- c) Dengan kemudahan infrastruktur sukan yang ada di Pelabuhan Klang seperti gelanggang badminton, padang bola sepak, kompleks sukan dan pusat rekreasi, apakah rancangan pengkhususan Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor dalam usaha menarik lebih ramai lagi atlit-atlit muda yang berpotensi di peringkat daerah?

JAWAPAN :

- a) Majlis Sukan Negeri Selangor telah merangka pelbagai program bagi melahirkan atlit yang berbakat dan berkualiti antaranya:
 - i) Mengujudkan Pusat Sains Sukan dan Kejurulatihan bagi menyediakan perkhidmatan sains sukan dari aspek pemilihan atlit, latihan dan sebagainya.
 - ii) Mengujudkan Sekolah Pusat Negeri bagi atlit-atlit yang cemerlang untuk digilap dan diberi latihan yang sistematik agar potensinya terus cemerlang.

Melalui Majlis Sukan Daerah, atlit-atlit di daerah berpeluang mengambil bahagian dalam program-program yang diadakan di daerah-daerah dan atlit yang berpotensi akan disalurkan ke program-program seperti Program Sukan Teras anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia, selain dari Sekolah Pusat Sukan yang diwujudkan oleh Negeri Selangor.

- b) Majlis sukan Negeri Selangor sentiasa mengujudkan kerjasama dengan Persatuan-persatuan Sukan Negeri di bawah naungannya antaranya peruntukan kewangan tahunan, perkhidmatan sains sukan, penyediaan kemudahan-kemudahan latihan dsb. Melalui Majlis Sukan Daerah, pihak berkuasa tempatan dan pihak swasta pelbagai program-program sukan untuk remaja juga telah banyak diadakan
- c) Mulai tahun 2009 ini, Majlis Sukan Negeri Selangor telah melantik pihak berkuasa tempatan menerajui Majlis Sukan Daerah masing-masing. Ini bagi membolehkan pihak berkuasa tempatan akan lebih berkesan menjalankan program-program dan penggunaan fasiliti sukan di daerah dengan bantuan Majlis.

Sukan Selangor yang diadakan setiap dua (2) tahun juga akan menampilkan atlit-atlit yang lebih berkualiti bagi mewakili daerah masing-masing, di masa-masa akan datang melalui perubahan pendekatan ini. Secara umumnya, penglibatan remaja akan lebih aktif dalam bidang sukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENGURUSAN HUTAN

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila kemukakan bilangan menurut kategori hutan di seluruh Negeri Selangor menurut daerah.
 - b) Berapa banyakkah dana yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dalam menguruskan semua kategori hutan di atas di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2008.
 - c) Berapa banyakkah hasil yang diperolehi jika ada oleh Kerajaan Negeri daripada semua kategori hutan di atas di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2008.

JAWAPAN :

- a) Jabatan Perhutanan Negeri dipertanggungjawabkan untuk mengurus hutan yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK). Mengikut Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984, terdapat dua belas (12) kategori hutan atau kelas fungsi hutan di mana setiap HSK hendaklah dikelaskan di bawah satu atau lebih kategori ini. Di negeri Selangor, terdapat sepuluh (10) kategori hutan. Pecahan kategori hutan mengikut daerah ialah seperti pada jadual :

Bil.	Daerah	Kategori Hutan
1	Gombak	(i) Taman Negeri (ii) Hutan Perlindungan Tanah (iii) Hutan Tadahan Air (iv) Hutan Lipur (v) Hutan Simpanan Hutan Dara (vi) Hutan Penyelidikan (vii) Hutan Pelajaran (viii) Hutan Pengeluaran
2	Hulu Langat	(i) Taman Negeri (ii) Hutan Perlindungan Tanah (iii) Hutan Tadahan Air (iv) Hutan Lipur (v) Hutan Simpanan Hutan Dara (vi) Hutan Penyelidikan (vii) Hutan Pengeluaran

3	Hulu Selangor	(i) Taman Negeri (ii) Hutan Tadahan Air (iii) Hutan Lipur (iv) Hutan Simpanan Hutan Dara (v) Hutan Perlindungan Hidupan Liar (vi) Hutan Penyelidikan (vii) Hutan Pengeluaran
4	Klang	(i) Hutan Perlindungan Tanah (ii) Hutan Simpanan Hutan Dara (iii) Hutan Perlindungan Hidupan Liar (iv) Hutan Pengeluaran
5	Kuala Langat	(i) Hutan Perlindungan Tanah (ii) Hutan Simpanan Hutan Dara
6	Kuala Selangor	(i) Hutan Perlindungan Tanah (ii) Hutan Pengeluaran
7	Petaling	(i) Hutan Tadahan Air (ii) Hutan Pelajaran (iii) Hutan Penyelidikan (iv) Hutan untuk Maksud-maksud Persekutuan
8	Sabak Bernam	(i) Hutan Perlindungan Tanah
9	Sepang	(i) Hutan Perlindungan Tanah

- b) Pada tahun 2008, sejumlah RM18,434,014.00, terdiri dari RM13,074,014 bagi belanja mengurus dan RM5,360,000 bagi belanja pembangunan diperuntukkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri untuk melaksanakan projek pembangunan dan pengurusan hutan.
- c) Jumlah kutipan hasil hutan oleh Jabatan Perhutanan Negeri bagi tahun 2008 ialah sebanyak RM16,527,017.88.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: TANAH RUNTUH TEBING SUNGAI

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Masalah tanah runtuh tebing sungai di sepanjang Sungai Balak DUN Balakong seperti di Cheras Utama dan juga Kampung Baru Balakong. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini?
 - b) Bilakah kerajaan negeri akan melaksanakan kerja baik pulih tebing sungai yang bermasalah serius itu?
 - c) Anggaran kos yang akan diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk kerja baik pulih ini?

JAWAPAN :

a,b&c) Langkah – langkah bagi mengatasi masalah tanah runtuh Sungai Balak;

- 1. Langkah Segera : Kerja-kerja segera dan sementara bagi mengurangkan hakisan yang lebih teruk kepada tebing Sungai Balak. Kos kerja di bawah RM60,000 bagi kedua – dua kawasan.

Dalam pelaksanaan Jabatan dan dijangka siap pada pertengahan Mac 2009
- 2. Langkah Jangka Pendek : Kerja membaikpulih tebing Sungai Balak bagi tujuan tebatan banjir untuk skop kawasan yang terhakis teruk. Kos kerja dijangka RM1,000,000.00.

Dijangka dilaksanakan pada Mei 2009. Dalam permohonan peruntukan Persekutuan.
- 3. Langkah Jangka Panjang : Projek Rancangan Tebatan Banjir Sg. Balak. Projek ini melibatkan kajian dan rekabentuk serta pengambilan balik tanah seterusnya menaiktaraf Sungai Balak. Kos kerja dijangka RM25,800,000.00 sepanjang Sungai Balak.

Dijangka dilaksanakan dalam RMK-10 setelah kajian dan rekabentuk serta pengambilan balik tanah selesai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK : MEMBAIK PULIH CERUN-CERUN DI BUKIT PERMAI KAWASAN
DUN TERATAI**

32. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Mengapakah pihak kerajaan membatalkan bajet untuk tujuan membaik-pulih cerun-cerun di Bukit Permai kawasan DUN Teratai?
 - b) Bilakah projek-projek membaik pulih berkenaan akan dijalankan?
 - c) Pihak manakah yang bertanggungjawab sekiranya berlaku batu atau tanah runtuh pada bila-bila masa?

JAWAPAN :

- a) Pada dasarnya, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju menampung 50% kos keseluruhan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun MPAJ sedang merayu supaya peruntukkan 4 juta daripada kerajaan negeri kerana kekangan kewangan Majlis.
- b) Projek membaik-pulih hanya dapat dilaksanakan setelah peruntukan berjumlah RM 4 Juta diperoleh.
- c) Penentuan pihak yang bertanggungjawab adalah berdasarkan kepada pemilikan tanah dan punca berlakunya runtuh batu atau tanah runtuh. Ianya juga bergantung kepada status kawasan/tapak di mana berlakunya tanah runtuh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PERHENTIAN BAS SENTRAL KLANG

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perjanjian-perjanjian antara pemaju dengan Majlis Perbandaran Klang?
- b) Berapakah jumlah kos keseluruhan pembinaan perhentian bas tersebut? Sila nyatakan secara terperinci.
- c) Berapakah bilangan purata bas yang keluar masuk setiap hari di perhentian bas tersebut?

JAWAPAN :

- a) Perjanjian yang telah dimeterai di antara Majlis Perbandaran Klang dengan pihak pemaju (NPO Development Sdn Bhd) bagi projek Terminal Bas & Teksi Klang Sentral ialah Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani oleh dua pihak tersebut pada 24hb April 2007.
- b) Kos keseluruhan pembinaan perhentian bas tersebut adalah berjumlah RM12,449,000.00. Secara terperinci kos tersebut adalah seperti dalam dokumen senarai kuantiti (Bills Of Quantity) projek tersebut yang dinyatakan di dalam Lampiran III, Perjanjian Konsesi projek Klang Sentral. Namun demikian, kos sebenar tertakluk kepada pengesahan bersama oleh Auditor Syarikat dan Akauntan MPK.
- c) Pihak Syarikat Nadi Corporation Berhad yang telah dilantik oleh pemaju (NPO Development Sdn Bhd) sebagai pengurus syarikat-syarikat bas di Platform bas, Terminal A & B Klang Sentral memaklumkan bahawa jumlah bas yang masuk dan keluar ke Terminal Klang Sentral adalah lebih kurang 176 hingga 216 buah bas sehari di Terminal A yang terdiri daripada syarikat bas ekspres dan bas tempatan manakala lebih kurang 5 hingga 6 buah bas sehari yang keluar masuk ke Terminal B (Klang-Kuala Lumpur), Klang Sentral pada masa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

**TAJUK : PEMBEKALAN KOMPUTER UNTUK PEJABAT-PEJABAT TANAH/
DAERAH**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila berikan maklumat terperinci jumlah komputer yang diperlukan, jumlah komputer yang sedia ada dan kekurangan komputer mengikut pejabat-pejabat tanah/ daerah.
- b) Menurut sistem yang sedia ada, semua komputer adalah dibekalkan oleh ICT. Hal ini menyebabkan PTD tidak dibenarkan untuk membeli komputer dan seterusnya memperlahankan proses kemasukan data di PTD berasingan. Saya bercadang agar pejabat tanah diberi kuasa untuk membeli komputer untuk kegunaan pejabat tersebut. Sila Y.A.B. memberi pandangan anda.

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Y.B Rawang, berikut adalah maklumat terperinci jumlah komputer yang diperlukan, jumlah komputer sedia ada dan kekurangan komputer mengikut pejabat-pejabat tanah/daerah :

NO.	PEJABAT	BIL. DIPERLUKAN	BIL. SEDIAADA	CADANGAN AGIHAN 2009	
				PENGGANTIAN BSO	PERMOHONAN BARU
1	PEJABAT SUK SELANGOR	66	467	158	168
2	PD KLANG	20	96	20	16
3	PD PETALING	60	81	20	16
4	PD GOMBAK	46	98	20	16
5	PD KUALA SELANGOR	36	108	20	16
6	PD SABAK BERNAM	14	96	20	16
7	PD HULU SELANGOR	22	102	20	16
8	PD HULU LANGAT	48	114	20	16
9	PD KUALA LANGAT	35	94	20	16
10	PD SEPANG	75	82	20	16
	JUMLAH	422	1338	338	312

- b) Untuk makluman Y.B. Rawang, Pejabat Tanah/Daerah tiada mempunyai bajet ICT dan tiada kepakaran dari segi teknikal. Manakala tanggungjawab tersebut dipusatkan di bawah Pusat ICT bagi tujuan pengawalan terhadap pembelian aset harta modal dan khidmat sokongan teknikal bagi peralatan ICT tersebut. Walau bagaimanapun, sebarang keperluan-keperluan ICT adalah dipohon melalui Pusat ICT Selangor.

Untuk makluman Y.B Rawang, proses tender bagi peralatan ICT tahun 2009 sedang dilaksanakan dan penyerahan peralatan ICT kepada 9 Pejabat Tanah/Daerah dijangka pada bulan akhir Mac 2009. Sebanyak 650 unit peralatan ICT bagi cadangan agihan 2009 akan dibekalkan kepada Pejabat Tanah/Daerah di Negeri Selangor. Manakala bakinya akan diambil kira di dalam proses tender yang dijadualkan pada bulan Mei 2009.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : PENYELARASAN ANTARA PBT-PBT DAN JABATAN KERAJAAN
LAIN YANG TERLIBAT DALAM KERJA-KERJA JALANRAYA**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah mekanisma-mekanisma yang kini ada untuk memastikan bahawa tidak berlakunya penduaan kerja-kerja oleh PBT, Tenaga Nasional, SYABAS dan sebagainya?

JAWAPAN :

- a) Mekanisme sedia ada untuk menyelaras kerja-kerja pengorekan jalan untuk pembinaan infrastruktur adalah melalui PBT. Setiap syarikat utiliti perlu membuat permohonan dan mendapat kelulusan PBT sebelum menjalankan kerja-kerja yang melibatkan jalan Majlis. Pihak Majlis akan menyelaraskan perkara ini berdasarkan permohonan yang telah diterima dari syarikat utiliti.

Setiap jabatan yang terlibat akan memaklumkan kepada PBT jika sekiranya ada kerja-kerja pengorekan jalan raya. Oleh itu, penyelarasan akan dibuat oleh pihak PBT bagi mengelakkan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan lebih dari sekali.

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PERBELANJAAN PENGURUSAN AHLI-AHLI MAJLIS NEGERI SELANGOR

36. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah sebenar perbelanjaan yang melibatkan bayaran elaun tetap bulanan, keraian dan pengurusan pejabat untuk ahli-ahli majlis di setiap PBT bagi tahun 2008 di Negeri Selangor?
 - b) Senaraikan jumlah kutipan cukai pintu dan cukai taksiran untuk rumah kediaman dan premis komersial yang Berjaya dikutip oleh setiap PBT di Negeri Selangor bagi tahun 2008.

JAWAPAN :

- a) Jumlah sebenar perbelanjaan yang melibatkan bayaran elaun tetap bulanan dan pengurusan pejabat untuk Ahli-Ahli Majlis di setiap Pihak Berkuasa Tempatan Selangor bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2008
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	831,644.88
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	822,912.00
3	Majlis Perbandaran Klang	510,000.00
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	165,000.00
5	Majlis Perbandaran Subang Jaya	240,000.00
6	Majlis Perbandaran Selayang	168,000.00
7	Majlis Perbandaran Kajang	252,000.00
8	Majlis Perbandaran Sepang	695,112.00
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	105,600.00
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	103,600.00
11	Majlis Daerah Kuala Langat	103,600.00
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	105,600.00
Jumlah Keseluruhan		4,103,068.88

Untuk makluman, masih terdapat beberapa PBT yang belum memulakan pengurusan pejabat Ahli-Ahli Majlis pada tahun 2008 di atas kekangan peruntukan. Walau bagaimanapun, bagi PBT yang telah memulakan pengurusan pejabat Ahli Majlis, perbelanjaan adalah merangkumi kos sewaan pejabat, kos pembayaran gaji kakitangan dan juga kos utiliti. Sekiranya pejabat Ahli Majlis berkenaan di tempatkan di bangunan milik PBT, kos sewaan akan diserapkan kembali ke dalam akaun PBT. Sehubungan dengan itu, tiada bayaran keraian diperuntukkan kepada setiap Ahli Majlis di PBT.

- b) Pada tahun 2008, Jumlah kutipan cukai taksiran semasa yang berjaya dikutip oleh semua PBT Negeri Selangor adalah RM789,619,678.95, iaitu 89.4% daripada jumlah sasaran RM883,483,833.34. Manakala, kutipan tunggakan cukai taksiran yang berjaya dikutip pula adalah RM102,903,779.69 iaitu 69.65% daripada sasaran RM147,749,080.03.

Senarai jumlah kutipan cukai taksiran semasa dan tunggakan mengikut PBT di Negeri Selangor adalah seperti di lampiran.

**PENCAPAIAN KUTIPAN HASIL
PBT SEHINGGA 31 DISEMBER 2008**

BIL	PBT	KUTIPAN SEMASA			KUTIPAN TUNGGAKAN			JUMLAH (RM)
		JUMLAH PERLU DIKUTIP RM	KUTIPAN 2008 RM	%	JUMLAH PERLU DIKUTIP RM	KUTIPAN 2008 RM	%	
1.	MBSA	145,926,888.10	131,360,083.71	90.02%	25,046,992.41	14,392,471.82	57.46%	145,752,555.53
2.	MBPJ	163,712,182.00	145,018,152.00	88.58%	29,694,492.00	16,345,873.00	55.05%	161,364,025.00
3.	MPK	128,089,158.65	114,706,144.60	89.55%	20,039,968.29	17,969,371.76	89.67%	132,675,516.36
4.	MPAJ	81,181,827.50	69,291,925.35	85.35%	8,123,884.25	6,042,925.49	74.38%	75,334,850.84
5.	MPSJ	140,974,182.81	128,789,773.63	91.36%	17,895,902.84	14,366,485.89	80.28%	143,156,259.52
6.	MPS	76,788,342.86	68,982,326.72	89.83%	10,053,576.38	7,402,706.48	73.63%	76,385,033.20
7.	MPKJ	60,982,635.30	55,377,223.74	90.81%	14,107,955.38	6,914,314.38	49.01%	62,291,538.12
8.	MPSp	39,894,974.00	33,771,881.00	84.65%	5,907,592.00	4,318,419.00	73.10%	38,090,300.00
9.	MDKS	9,345,774.98	8,295,908.37	88.77%	3,468,793.69	2,514,001.01	72.47%	10,809,909.38
10.	MDHS	16,574,138.60	16,861,986.06	101.74%	9,279,220.85	9,491,063.72	102.28%	26,353,049.78
11.	MDKL	16,559,580.90	14,279,547.13	86.23%	3,176,453.72	2,777,561.90	87.44%	17,057,109.03
12.	MDSB	3,454,147.64	2,884,726.64	83.51%	954,248.22	368,585.24	38.63%	3,253,311.88
	JUMLAH	883,483,833.34	789,619,678.95	89.4%	147,749,080.03	102,903,779.69	69.65%	892,523,458.64

* Pihak Berkuasa Tempatan Sabak Bernam tiada Anak Syarikat

Sumber: Laporan Bulanan yang dihantar oleh PBT ke Seksyen PBT, UPEN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HJ WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : BALAI RAYA DAN DEWAN UNTUK KEGUNAAN ORANG RAMAI.

37. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar.
- a) Berapakah jumlah balai raya di kawasan kampung dan Taman-Taman di seluruh negeri Selangor. Apakah perancangan dalam jangka masa terdekat terhadap kemudahan awam tersebut?
- b) Sejak akhir-akhir ini sedang berlaku kerja-kerja menukar nama balai raya kepada Balai JKKK(di Sabak Bernam). Apakah rasional tindakan tersebut? Bukankah ini akan mengganggu aktiviti kemasyarakatan penduduk setempat.

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah jumlah balai raya di seluruh Negeri Selangor :-

BIL	DAERAH	JUMLAH BALAI RAYA (Buah)
1.	Petaling	103 buah
2.	Klang	66 buah
3.	Gombak	40 buah
4.	Hulu Langat	48 buah
5.	Sepang	52 buah
6.	Kuala Langat	77 buah
7.	Kuala Selangor	138 buah
8.	Hulu Selangor	94 buah
9.	Sabak Bernam	66 buah
JUMLAH		684 buah

Perancangan jangkamasa terdekat adalah menjalankan kerja-kerja membaik pulih terlebih dahulu bagi mana-mana balai-balai raya yang memerlukan. Penyerahan pengurusan balai-balai raya tersebut diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang dilantik. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju supaya sebuah balai raya di atas tanah Kerajaan bagi setiap kampung dijadikan balai JKKK. Balai JKKK ini diadakan bagi memudahkan JKKK kampung tersebut mentadbir kampung. Selain digunakan untuk mesyuarat peringkat kampung, balai JKKK ini juga digunakan sebagai tempat untuk penduduk kampung bertemu dengan Ahli JKKK bagi menyelesaikan masalah yang timbul.

- b) Tiada timbul isu balai-balai JKKK di daerah Sabak Bernam yang mengganggu aktiviti kemasyarakatan penduduk. Ini kerana balai JKKK ini masih boleh digunakan untuk aktiviti kemasyarakatan dengan tidak mengira kefahaman politik, agama, bangsa dan lain-lain yang sesuai dengan konsep balai raya iaitu untuk kegunaan dan kemudahan orang ramai / awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PERKEMBANGAN PERDAGANGAN DI NEGERI SELANGOR

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.
- a) Sila nyatakan jumlah perdagangan negeri Selangor di luar Negara bagi tahun 2008. Sila nyatakan butiran.
 - b) Sila nyatakan 10 negara terbesar yang menjadi rakan dagang negeri Selangor.
 - c) Sila nyatakan strategi kerajaan untuk meningkatkan jumlah perdagangan di negeri Selangor bagi tahun 2009.
 - d) Apakah jumlah kos perbelanjaan yang terpaksa digunakan untuk meningkatkan dan mempromosikan perdagangan di negeri Selangor bagi tahun 2009.

JAWAPAN :

- a) Negeri Selangor merupakan antara penyumbang terbesar perdagangan di Malaysia di mana urusan niaga perdagangan ini melalui Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA. Walau bagaimanapun, maklumat yang diperolehi daripada Malaysia *External Trade Development Corporation* (Matrade) hanya mempunyai butiran jumlah perdagangan bagi Malaysia dan tiada pecahan butiran mengikut negeri-negeri. Sehubungan dengan itu, jumlah perdagangan Malaysia pada 2008 berjumlah RM858.61 bilion dengan jumlah eksport sebanyak RM474.05 bilion melebihi dari jumlah import sebanyak RM384.56 bilion. Butiran lanjut seperti berikut:

Jumlah Eksport dan Import Malaysia 2008

	Jumlah Eksport (RM Bilion)	Jumlah Import (RM Bilion)	Jumlah Keseluruhan (RM Bilion)
Singapore	97.77	57.32	155.09
USA	82.74	56.45	139.19
Japan	71.79	65.10	136.89
People' Republic China	63.21	66.85	130.06
Thailand	31.75	29.27	61.02
Hong Kong	28.33	13.6	41.93
Republic of Korea	25.88	24.22	50.10
India	24.73	-	24.73
Australia	24.41	-	24.41
Netherlands	23.44	-	23.44
Germany	-	22.47	22.47
Indonesia	-	24.19	24.19
Taiwan	-	25.09	25.09
TOTAL	474.05	384.56	858.61

Sumber: External Trade Development Corporation (Matrade)

- b) Antara 10 negara terbesar yang menjadi rakan dagangan Malaysia Eksport dan Import 2008 adalah seperti berikut:
- i. Eksport Tahun 2008

Negara	Nilai eksport (RM bilion)
Singapore	97.77
USA	82.74
Japan	71.79
P.R.China	63.21
Thailand	31.75
Hong Kong	28.33
R.O.Korea	25.88
India	24.73
Australia	24.41
Netherlands	23.44

Sumber : Matrade

- ii. Import Tahun 2008

Negara	Import value (RM bilion)
P.R.China	66.85
Japan	65.10
Singapore	57.32
USA	56.45
Thailand	29.27
Taiwan	25.09
R.O.Korea	24.22
Indonesia	24.19
Germany	22.47
Hong Kong	13.60

Sumber : Matrade

- c) Kerajaan Negeri Selangor sedar bahawa jumlah perdagangan meningkat dari tahun demi tahun. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah dan akan terus melaksanakan beberapa strategi pada tahun 2009 agar prestasi ini dapat dipertahankan. Beberapa strategi yang dirancang ialah:
- i. Mempromosikan kawasan-kawasan tertentu seperti Pulau Indah sebagai kawasan aktiviti perdagangan atau *trading hub*;
 - ii. Program yang berorientasikan *Business networking* atau program temu suai perniagaan akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa;
 - iii. Menganjurkan misi lawatan penggalakan pelaburan dan perdagangan ke luar negara yang berpotensi; dan
 - iv. Penyertaan syarikat-syarikat dari Selangor dalam pameran-pameran yang dianjurkan di dalam dan luar negara
- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PENTERNAKAN BURUNG LAYANG-LAYANG

Penternakan burung layang merupakan satu industri baru dan ia boleh mencemarkan alam persekitaran.

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengadakan garis panduan agar perindustrian penternakan burung layang dapat dikawal rapi?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membenarkan secara rasmi (*legalized*) perindustrian tersebut?

JAWAPAN :

- a) **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia** telah menerbitkan buku (Januari 2005, Edisi kedua) panduan **Amalan Baik Penternakan Haiwan Untuk Burung Walit** sebagai rujukan kepada pengusaha dalam industri ini. Garis panduan ini mengandungi aspek pengurusan, kebersihan, alam sekitar dan fasiliti serta pengangkutan/pemindahan dan kebajikan burung walit.

Buku ini boleh juga dijadikan sebagai garis panduan oleh pengusaha atau pihak majlis (**Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**) bagi tujuan pengawalan pencemaran bunyi, pencemaran najis atau kacau ganggu. Bagi tujuan perlesenan, buku ini boleh diguna pakai sebagai syarat-syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan, di samping peraturan-peraturan sedia **ada** yang telah ditetapkan oleh pihak PBT ke atas premis-premis perniagaan atau bangunan.

Nota: Kawalan dari segi pengeluaran lesen dan penguatkuasaan adalah di bawah Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- b) Kebenaran secara rasmi adalah bergantung kepada Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan yang mengeluarkan lesen mengikut Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PRESTASI SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI (GLC)

40. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Sila senaraikan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri yang memperolehi keuntungan dan kerugian dalam urusniaga mereka?
 - b) Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil bagi mengatasi masalah kerugian yang dihadapi?

JAWAPAN :

- a) Terdapat 9 buah syarikat yang merupakan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC). Secara keseluruhannya, semua syarikat-syarikat ini menerima keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, kecuali 3 buah syarikat yang mengalami kerugian iaitu Bukit beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC), Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) dan juga Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB). Perincian Penyata Pendapatan syarikat-syarikat tersebut pada 31 Disember 2008 adalah seperti senarai di bawah:-

Bil	Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri	Untung / (Rugi) (RM JUTA)
1.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	27.802
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	19.207
3.	Selangor State Investment Centre (SSIC)	1.059
4.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYS)	6.100
5.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC)	(186)
6.	Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)	(151)
7.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	2.516
8.	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	(35.039)
9.	Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS)	247

- b) Kerajaan Negeri akan menyediakan perancangan khas program-program untuk 3 anak syarikat yang mengalami kerugian pada tahun 2008. Ini berikutan ketiga-tiga anak syarikat tersebut merupakan anak-anak syarikat yang baru menyertai Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2008 yang lalu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : BANJIR DI KAMPUNG BARU SG. BULOH

41. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah banjir Kg. Baru Sg.Buloh ini secara keseluruhan?
 - b) Berapakah bajet yang akan diperuntukkan untuk kerja tersebut.
 - c) Adakah Kerajaan Negeri membuat kajian menyeluruh sistem longkang, sungai dan perparitan di Kg. Baru Sg.Buloh dan bagaimanakah penyelesaian banjir dapat diselaraskan dengan isu kilang haram.

JAWAPAN :

- a) Langkah-langkah yang telah diambil oleh JPS adalah mengambil kira penyelesaian jangka masa pendek dan juga penyelesaian jangka masa panjang

- i. Kerja-kerja jangka masa panjang :

Projek Tebatan Banjir Lembangan Sungai Buloh

Kos : RM 29 juta
Mula : 21 Mei 2002
Siap : 21 Julai 2004

Projek Tebatan Banjir Sungai Hampar Fasa 1, Mukim Sg. Buloh
Daerah Petaling

Kos : RM 5 juta
Mula : 5 Mac 2008
Siap : 2 Mac 2010

- ii. Kerja-kerja jangka masa pendek :
Menaiktaraf sistem saliran, mendalamkan sistem perparitan utama membaiki tebing

Kos : RM 500,000.00

- b) -
 - c)
 - i. Kajian Tebatan Banjir dan Master Plan Lembangan Sungai Buloh oleh Juruperunding Dr. Nik associates pada tahun 2000
 - ii. Kajian dan penyediaan master plan saliran Bandar Lembangan Sungai Buloh oleh Jurutera Perunding Zaaba pada tahun 2008
 - iii. Projek Tebatan Banjir Sungai Hampar yang sedang dilaksanakan juga telah menangani isu kilang haram yang dibina di dalam R.O.W tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK ; PENANGKAPAN HAIWAN

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Sila berikan butir-butir kontraktor yang dibayar untuk penangkapan haiwan dari tahun 2003-2008 di semua PBT.
 - b) Butir-butir lengkap pembayaran yang dibuat kepada kontraktor di atas seperti amaun pembayaran, tarikh pembayaran, jenis haiwan dan bukti penangkapan.
 - c) Nyatakan lokasi atau tempat simpanan haiwan yang telah ditangkap (sama ada disimpan di dalam lori ataupun di dalam tempat kurungan haiwan).

JAWAPAN :

- a) Butir-butir kontraktor yang dibayar untuk penangkapan haiwan dari tahun 2003-2008 untuk semua PBT adalah seperti berikut :

BIL.	PBT	TAHUN	NAMA KONTRAKTOR	JUMLAH DI BAYAR
1	MBSA	2003	TIADA	TIADA
		2004	Vet-fine (M) Sdn Bhd	TIADA
		2005	Gior Enterprise	TIADA
			JAD Enterprise	TIADA
		2006	Mekarnet Sdn Bhd	TIADA
			JAD Enterprise	TIADA
		2007	JAD Enterprise	TIADA
		2008	Baity Services	TIADA
2	MBPJ	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA
		2005	TIADA	TIADA
		2006	TIADA	TIADA
		2007	TIADA	TIADA
		2008	TIADA	TIADA
3	MPK	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA
		2005	TIADA	TIADA
		2006	TIADA	TIADA
		2007	TIADA	TIADA
		2008	TIADA	TIADA
4	MPAJ	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA

		2005	TIADA	TIADA
		2006	Vet-fine (M) Sdn Bhd	TIADA
		2007	TIADA	TIADA
		2008	TIADA	TIADA
5	MPSJ	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA
		2005	Vet-Fine (M) Sdn. Bhd.	11.640,00
		2006	Vet-Fine (M) Sdn. Bhd.	54.255,00
			Jad Enterprise	22.115,00
		2007	Vet-Fine (M) Sdn. Bhd.	89.940,00
			Jad Enterprise	55.170,00
			Baity Services	50.055,00
		2008	Vet-Fine (M) Sdn. Bhd.	148.575,00
			Jad Enterprise	63.045,00
			Baity Services	170.640,00
6	MPS	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA
		2005	TIADA	TIADA
		2006	TIADA	TIADA
		2007	Vet-Fine (M) Sdn. Bhd.	8.977,50
			Jad Enterprise	37.310
		2008	Vet-Fine (M) Sdn. Bhd.	19.320
			Jad Enterprise	56.901,25
7	MPKj	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA
		2005	TIADA	TIADA
		2006	TIADA	TIADA
		2007	TIADA	TIADA
		2008	TIADA	TIADA
8	MPSp	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA
		2005	Jad Enterprise	TIADA
		2006	Jad Enterprise	TIADA
		2007	Jad Enterprise	TIADA
			Shazee Enterprise	TIADA
			Perniagaan P Sha	TIADA
		2008	Vet-Fine (M) Sdn. Bhd.	TIADA
			Rimbunan Bakti Sdn. Bhd.	TIADA
9	MDKS	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA
		2005	TIADA	TIADA
		2006	TIADA	TIADA

		2007	TIADA	TIADA
		2008	TIADA	TIADA
10	MDHS	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA
		2005	TIADA	TIADA
		2006	TIADA	TIADA
		2007	TIADA	TIADA
		2008	TIADA	TIADA
11	MDKL	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA
		2005	TIADA	TIADA
		2006	TIADA	TIADA
		2007	TIADA	TIADA
		2008	TIADA	TIADA
12	MDSB	2003	TIADA	TIADA
		2004	TIADA	TIADA
		2005	TIADA	TIADA
		2006	TIADA	TIADA
		2007	TIADA	TIADA
		2008	TIADA	TIADA

b) Tiada jawapan dari pihak UPBT.

c) Pada kebiasaannya haiwan yang ditangkap diletakkan di dalam tempat kurungan haiwan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing. Tempat kurungan mesti diluluskan oleh Majlis Daerah/ Pihak Berkuasa Tempatan dan didaftarkan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Lokasi sesuatu tempat kurungan hendaklah tidak menyebabkan kacau ganggu atau membahayakan kesihatan mana-mana orang yang mendiami kawasan berdekatan. Pihak Berkuasa tempatan yang bertanggungjawab menguruskan tempat kurungan hendaklah sentiasa memastikan pendaftaran bagi penangkapan, penahanan, pembebasan dan penghapusan haiwan di selenggara dan disimpan dengan baik sama ada oleh kakitangannya atau kontraktor yang dilantik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : LAMBAKAN KERETA BURUK

43. Di bawah *cable* voltan tinggi di tepi jalan masuk dari tol Bangi di Jalan 6 berhadapan seksyen 15 Bandar Baru Bangi dilongok beratus-ratus kereta buruk yang mencacatkan pandangan. Hal ini telah diadukan kepada MPKj dan Pejabat Daerah Hulu Langat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Pihak manakah yang melambakkan kereta-kereta buruk berkenaan?
- b) Adakah sebarang keizinan diberi bagi penggunaan tempat lambakan berkenaan?
- c) Apakah langkah-langkah yang patut diambil bagi mengeluarkan kereta-kereta buruk berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Pihak yang melambakkan kereta-kereta buruk berkenaan adalah pihak persendirian/Individu.
- b) Setakat ini tidak ada sebarang keizinan secara bertulis yang diberikan oleh pihak Majlis ataupun Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat bagi penggunaan tempat lambakan berkenaan.
- c) Pihak Majlis telah pun memanjangkan perkara ini ke Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat bagi mengeluarkan kenderaan-kenderaan tersebut memandangkan perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KAWASAN RIADAH ATAU REKREASI

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewajibkan kawasan riadah seperti gelanggang Futsal di kawasan-kawasan kediaman penduduk yang mempunyai kepadatan yang tinggi yang melebihi 1,000 unit rumah.

JAWAPAN :

- a) Pada masa ini belum ada garis panduan atau arahan dari Kerajaan Negeri bagi penyediaan gelanggang Futsal di kawasan kediaman melebihi 1,000 unit rumah. Walau bagaimanapun pihak pemaju disyaratkan untuk menyediakan keperluan padang bola sepak, gelanggang serba guna merangkumi badminton/ sepak takraw/ bola tampar dan lain-lain kemudahan riadah seperti 'jogging track' dan peralatan permainan kanak-kanak. Penyediaan gelanggang futsal pada masa ini adalah dilihat berdasarkan permintaan dari pihak penduduk setempat, kesesuaian lokasi dan peruntukan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri. Walau bagaimanapun cadangan dasar perancangan dan penyediaan padang bola sepak bagi kegunaan awam di kawasan perumahan di Selangor perlu dijadikan asas pertimbangan dan diselaraskan di peringkat Kebenaran Merancang bagi cadangan pembangunan perumahan di setiap PBT yang mempunyai kepadatan bilangan unit rumah sebanyak 1200 unit dengan mengambil 12 unit rumah per ekar dan anggaran penduduk dalam lingkungan 5400 orang. Maka satu padang bola sepak dengan keluasan minima 3 ekar perlu disediakan dan dikemukakan oleh pemaju perumahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENJUALAN TANAH MILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR

45. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah tanah milik kerajaan negeri Selangor yang telah dijual kepada anak-anak syarikat (GLC) daripada tahun 1999.
- b) Berapakah harga tanah tersebut dijual kepada GLCs

JAWAPAN :

- a) Sehingga kini Kerajaan Negeri tidak pernah menggunakan kaedah penjualan tanah kepada anak-anak syarikat (GLC). Pelupusan tanah Kerajaan Negeri kepada anak-anak Syarikat dibuat di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara 1965.
- b) Rujuk jawapan di atas

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pencapaian program MES sehingga Disember 2008?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan dalam pengurusan dan pentadbiran program MES?
- c) Apakah rancangan Fasa 2 untuk program MES?

JAWAPAN :

a) Sebagai makluman, pencapaian 7 program di bawah Agenda MES Fasa 1 sepanjang tahun 2008 yang lalu adalah seperti berikut :

i) Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu

Dianggarkan seramai 1.5 juta pengguna meter individu penduduk di Selangor telah menikmati kemudahan ini yang telah membantu mengurangkan beban kewangan yang dihadapi rakyat Selangor. Program ini merupakan dasar pemberian bekalan air percuma bagi 20 meter padu pertama kepada pengguna domestik yang bermeter individu setiap bulan yang telah dilaksanakan bermula 1 Jun 2008 dan masih dinikmati oleh rakyat Selangor sehingga kini.

ii) Program Peningkatan Hasil Batuan & Mineral

Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) telah ditubuhkan oleh kerajaan negeri bagi menjalankan operasi penumpuan pada aktiviti perniagaan pasir. Peningkatan hasil batuan dan mineral yang berjaya dikumpulkan akan dilaburkan dan hasil keuntungan di agih dan diserahkan semula kepada rakyat melalui program-program kebajikan dalam pelaksanaan agenda MES. Bermula dari 15 September 2008 dan sehingga kini, sejumlah RM1.555 juta royalti telah diterima oleh Kerajaan Negeri hasil dari program ini.

iii) Hadiah Anak Masuk Universiti

Melalui dasar ini, hadiah RM1,000 akan diberikan kepada anak Selangor yang melanjutkan pengajian di IPTA/IPTS yang diiktiraf oleh kerajaan, sama ada di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda dari keluarga berpendapatan RM1,500 ke bawah. Berkuatkuasa dari pengajian mulai Julai 2008, seramai 3,834 orang pelajar telah layak menerima manfaat ini.

iv) Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)

Susulan majlis pelancaran TAWAS yang telah diadakan pada Majlis Sambutan Ambang Merdeka Peringkat Negeri Selangor pada 30 Ogos 2008 yang lalu, satu Majlis Penyerahan Sijil Simpanan TAWAS AmBank dan pelancaran Kad SiManja Tawas telah disempurnakan pada 7 Februari 2009 di rumah kediaman Dato' Menteri Besar Selangor. Sehingga kini, seramai 3,000 bayi yang dilahirkan dari Januari 2008 telah didaftarkan ke TAWAS secara rasmi.

v) Skim Mesra Usia Emas

Di bawah skim ini, sejumlah RM2,500 akan diberikan kepada waris warga emas berusia 60 tahun ke atas di Selangor yang telah meninggal dunia. Sehingga kini, sejumlah RM9.7 juta telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan menjayakan skim ini.

vi) Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)

Pusat ini bertindak sebagai *first respondent* bagi membantu mereka yang teraniaya terutamanya golongan wanita dan kanak-kanak yang terlibat dalam kes seperti rogol, liwat, gangguan seksual dan keganasan rumah tangga. Sebanyak RM600 ribu telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri dalam usaha penyediaan logistik dan promosi penubuhan OSCC ini.

Sebanyak 6 buah hospital menyediakan perkhidmatan ini iaitu Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Kajang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

vii) Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang

Tabung ini diwujudkan bagi memberi bantuan pendidikan berupa biasiswa kepada anak-anak pekerja ladang bagi tujuan membiayai pendidikan mereka. Tabung ini juga turut memberi peranan bagi membiayai pembinaan dan penyelenggaraan asrama bagi anak-anak pekerja ladang diseluruh negeri Selangor. Sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan untuk merealisasikan program ini.

b)

c) Program agenda MES Fasa 2 dimulakan dengan kemudahan-kemudahan cuti bersalin 90 hari, cuti isteri bersalin 14 hari dan cuti kematian suami 30 hari. Pelaksanaan dasar baru ini dijelaskan maksudnya melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2009. Pelbagai program lain juga telah dirangka dan akan diperkenalkan secara berperingkat dari semasa ke semasa oleh pentadbiran kerajaan baharu Negeri Selangor untuk manfaat bersama seluruh rakyat Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PROGRAM UNTUK MENANGANI MASALAH BANJIR

47. Dalam satu mesyuarat EXCO tahun lepas, kerajaan negeri Selangor telah meluluskan peruntukan sebanyak RM21 juta dalam menangani masalah banjir.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan program yang telah atau sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri melalui agensi yang berkaitan dalam usaha membendung masalah yang sering kali berlaku di setiap daerah.
- b) Kebanyakan masalah banjir kilat berlaku akibat dari sistem perparitan yang bermasalah terutama di kawasan luar bandar seperti Pulau Indah, Perkampungan Telok Gong, kampung *Black Water* di Pelabuhan Klang. Oleh yang demikian, apakah bentuk kemudahan dalam penambahbaikan sistem perparitan untuk mengatasi masalah tersebut?
- c) Apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak berkenaan dalam hal-hal kecemasan atau luar jangka berkenaan banjir kilat di peringkat daerah khususnya di Pelabuhan Klang?

JAWAPAN :

- a) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah melantik perunding HLA untuk menjalankan Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Klang. Kajian tersebut dipersingkat Draf Final Report dan akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri.
- b) Ketiga-tiga kawasan tersebut terletak pada paras yang sangat rendah dan terdedah kepada bencana banjir. Oleh itu bagi mengatasi masalah tersebut langkah - langkah seperti berikut perlu dilaksanakan :
 - i) Melebar dan mendalamkan sistem perparitan.
 - ii) Menyediakan kolam takungan banjir
 - iii) Meninggikan benteng pantai melebihi paras air pasang / surut.
 - iv) Menyediakan sistem pam yang berkapasiti tinggi.

c) JAWAPAN OLEH PTD KLANG

Mekanisme bagi menangani kecemasan atau yang dikategorikan sebagai bencana di peringkat daerah dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah (JPBBD). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan dianggotai oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung sekiranya sebarang kejadian bencana berlaku seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pertahanan

Awam (JPA3), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Kesihatan Daerah, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TMB), SYABAS, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan sebagainya.

Pejabat Daerah berperanan sebagai penyelaras agar setiap bencana yang berlaku dapat diberikan bantuan dengan segera dan semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih berkesan.

Pejabat Daerah bertanggung jawab di dalam penyaluran bantuan kewangan segera kepada mangsa-mangsa bencana. Tabung Bantuan Bencana Negeri Selangor telah menetapkan garis panduan untuk pemberian bantuan kewangan segera kepada mangsa bencana. Bantuan kepada mangsa bencana disalurkan melalui Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah (JPBBD).

Perlu diingatkan bantuan bermaksud merupakan **bantuan ihsan** untuk meringankan penderitaan yang dialami oleh mangsa bencana tersebut dan **bukannya berbentuk ganti rugi atau pampasan**.

Syarat-syarat penerima bantuan adalah seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Mangsa dikira berdasarkan unit rumah;
- iii) Orang yang tinggal di rumah terlibat sahaja layak dipertimbangkan;
- iv) Pengesahan oleh Ketua Kampung atau Pengerusi JKJK; dan
- v) Mangsa dikehendaki melaporkan kepada PDRM dan JKM.

Bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

- i) Bagi mangsa yang terlibat mengikut keluarga, JPBBD akan mengeluarkan bantuan sebanyak RM300 sekeluarga;
- ii) Bantuan susulan akan diberikan oleh JKM dengan jumlah maksimum sebanyak RM500 sekeluarga terhad kepada golongan miskin sahaja, manakala bantuan LZS adalah terhad kepada orang Islam sahaja;
- iii) Bagi mangsa yang meninggal dunia, bantuan sebanyak RM1,000 seorang akan dikeluarkan;
- iv) Bagi rumah kediaman yang musnah sama sekali, bantuan RM500 sekeluarga akan dikeluarkan; dan
- v) Bagi rumah kediaman yang musnah sebahagiannya, bantuan sebanyak RM300 sekeluarga akan dikeluarkan, dan tertakluk kepada penilaian oleh pihak JKM.

Berhubung **banjir kilat** dan bantuan yang disediakan seperti yang dibangkit oleh Y.B. ADUN Pelabuhan Klang adalah seperti berikut:

- i) Pusat pemindahan banjir yang telah dikenal pasti akan dibuka berdasarkan keadaan dan jangka masa air surut. Bantuan segera yang disediakan oleh JKM seperti tikar, selimut, makanan kering dan set kit bencana.
- ii) Di samping itu, menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.6 Tahun 2008 – Penambahbaikan Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN), Y.B ADUN boleh menggunakan outright grant yang diperuntukkan sebanyak RM2,000 yang disediakan secara bulanan bagi tujuan sumbangan kepada mangsa bencana alam, kebakaran, penyakit kronik dan kemalangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : ORANG ASLI DI NEGERI SELANGOR

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila kemukakan bilangan perkampungan orang asli di seluruh Negeri Selangor menurut daerah.
 - b) Sila jelaskan bidang-bidang penyelarasan serta pembahagian tugas di antara agensi-agensi Persekutuan dan agensi-agensi Negeri Selangor dalam pentadbiran hal-ehwal orang asli di semua daerah dalam Negeri Selangor.
 - c) Berapa banyakkah dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi pentadbiran, pembangunan, pendidikan dan kebajikan orang asli di seluruh Negeri Selangor menurut daerah pada tahun 2008.

JAWAPAN :

- a) Terdapat 74 buah penempatan atau Kampung Orang Asli yang masih wujud di sekitar 5 Daerah di Negeri Selangor. Ianya merangkumi Daerah Hulu Selangor : 16 Kampung, Gombak dan Petaling : 11 Kampung, Hulu Langat : 9 Kampung, Sepang : 15 Kampung dan Kuala Langat dan Klang : 23 Kampung menjadikan semuanya 74 Buah Kampung Orang Asli yang berada di dalam Negeri Selangor.
- b) Tiada penyelarasan serta pembahagian tugas di antara agensi-agensi Persekutuan dan agensi-agensi Negeri Selangor dalam pentadbiran hal ehwal orang asli di semua daerah dalam Negeri Selangor. Hanya pentadbiran persekutuan sahaja.
- c) Tiada Peruntukan Kerajaan Negeri di salurkan ke Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

**TAJUK : MASALAH BANJIR YANG BERLAKU DI KAWASAN BALAKONG
SEPERTI DI TAMAN INDAH BATU 11, CHERAS, KAMPUNG
BARU BALAKONG, DAN TAMAN MURNI**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut?
- b) Anggaran kos yang akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri?
- c) Bilakah akan dilaksanakan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan yang diperlukan kepada MPKj bagi mengatasi banjir di Taman Indah Bt. 11, Balakong. Pihak MPKj juga membuat pembersihan sistem perparitan mengikut jadual sebulan sekali di kawasan tersebut.
- b) Kos yang diperuntukan adalah RM 450,000.00
- c) Pihak Majlis akan melaksanakannya sekiranya peruntukan mencukupi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK : CAJ GERAN-GERAN DI KAWASAN PERUMAHAN KAMPUNG TASIK,
AMPANG**

50. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Mengapakah wujudnya dua jenis caj geran yang berbeza di kawasan perumahan Kampung Tasik, Ampang.
 - b) Adakah pihak kerajaan akan kembalikan caj yang telah dibayar lebih setelah menyelaraskan caj-caj tersebut.
 - c) Berapakah lot di kawasan berkenaan yang belum menjelaskan premium tanah?

JAWAPAN :

- a) Untuk tapak tanah yang telah dibina rumah kediaman dan telah lama diduduki kadar bayaran premium yang dikenakan ialah RM2.00 sekaki persegi mengikut Pekeliling PTG.Sel.Bil.2/2001 bertarikh 31 Mei 2001 dan bagi tapak tanah yang kosong dan tidak ada rumah kediaman atau rumah yang dibina disewakan kepada orang lain, kadar bayaran premium yang dikenakan ialah $(1/2 \times 1/100 \times \text{Nilaian Semasa Tanah} \times 99 \text{ Tahun} \times \text{Luas})$ dan $(3/4 \times 1/100 \times \text{Nilaian Semasa Tanah} \times 99 \text{ Tahun} \times \text{Luas})$ untuk tapak perniagaan dan industri selaras dengan Kaedah Tanah Selangor Bertarikh 13 Mac 2003.
- b) Pihak kerajaan akan mengembalikan bayaran yang telah dibayar lebih setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
- c) - Bangunan Kediaman : 84 Pemohon
- Bangunan Perniagaan : 47 Pemohon

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: MASALAH PENGANGGURAN

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila senaraikan statistik penganggur di Negeri Selangor dari bulan Jun 2008 hingga Februari 2009.
 - b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Daripada data yang diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor, sehingga 13 Februari 2009, terdapat seramai 2,636 orang yang telah diberhentikan daripada pekerjaan. Ia terdiri daripada 1,785 orang pekerja tempatan dan 851 orang pekerja asing.

Daripada jumlah tersebut, jika dipecahkan mengikut komposisi jantina, seramai 383 orang pekerja lelaki dan 1,402 orang pekerja wanita warga tempatan telah diberhentikan berbanding 333 orang pekerja lelaki dan 518 pekerja wanita warga asing.

- b) Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:
 - i) membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh diberikan samada bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
 - ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan; dan
 - iii) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan dan ianya juga dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejak pemerintahan PR hingga Januari 2009, berapakah rumah ibadat bukan Islam telah diluluskan tanahnya? Sila berikan maklumat terperinci mengikut agama dan PBT.

JAWAPAN :

- a) Sehingga Mac 2009, Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam telah memperakukan/meluluskan sebanyak **29** permohonan bagi rumah-rumah ibadat selain Islam seperti berikut:

BIL	RUMAH IBADAT	JUMLAH
1.	KUIL	15
2.	TOKONG	7
3.	GEREJA	7
JUMLAH		29

Walau bagaimanapun, bagi setiap permohonan yang telah diperakukan atau disokong di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Islam, akan dikemukakan semula ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan.

Senarai bagi butiran terperinci bagi bangunan-bangunan keagamaan yang telah diluluskan adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A**SENARAI BANGUNAN KEAGAMAAN SELAIN ISLAM YANG TELAH DISOKONG PERMOHONAN DI MESYUARAT JAWATANKUASA
HAL EHWAL SELAIN ISLAM YANG DIADAKAN PADA 26 FEBRUARI 2009**

BIL	SENARAI RUMAH IBADAT	DAERAH	PTD/PBT	KEPUTUSAN MESYUARAT	ULASAN
1.	Pemegang Amanah Kuil Sri Maha Mariamman	Klang	PTD Klang	Disokong	Malaysian Hindu Sangam diminta untuk mendapatkan persetujuan secara bertulis dari pihak kuil bergabung.
2.	Persatuan Penganut Dewa Seh Keong	Klang	MPK	Disokong	Setuju dengan syarat setelah tokong yang baru siap dibina, tokong yang lama hendaklah dirobuhkan.
3.	Tetuan Kuil Sri Maha Mariamman Midlands, Seksyen 7 Shah Alam	Petaling	MBSA	Disokong	Permohonan ini dikekalkan dengan ketinggian 50 kaki sahaja.
4.	Pertubuhan Kuil Sri Maha Muthu Mariammman	Petaling	PTD Petaling	Disokong	Disokong dengan keluasan 10,000 kaki persegi.
5.	Sri Mayura Nathar Alayam	Sepang	PTD Sepang	Disokong	Disokong dengan keluasan 5475 meter persegi.

BIL	SENARAI RUMAH IBADAT	DAERAH	PTD/PBT	KEPUTUSAN MESYUARAT	ULASAN
6.	Persatuan Pengurusan Tokong Ban Siew Keng Jenjarom	Kuala Langat	PTD Kuala Langat	Disokong	Disokong dengan keluasan yang dipohon oleh pihak tokong.
7.	Pemegang Amanah Kuil Sri Selva Vinayagar	Hulu Selangor	PTD Hulu Selangor	Disokong	Disokong dengan keluasan 1439.00 meter persegi.
8.	Kuil Sri Mahamariamman Batang Kali	Hulu Selangor	PTD Hulu Selangor	Disokong	Disokong dengan keluasan 1411 meter persegi.
9.	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur	Gombak	PTD Gombak	Disokong	Disokong dengan keluasan 5122.48 meter persegi.
10.	Persatuan Penganut Sree Kaasi Visalatchi Visvanathan Thiru Kovil	Gombak	PTD Gombak	Disokong	Disokong dengan keluasan yang diberi oleh pihak pemaju.

LAMPIRAN A**SENARAI BANGUNAN KEAGAMAAN SELAIN ISLAM YANG TELAH DISOKONG PERMOHONAN DI MESYUARAT JAWATANKUASA HAL EHWAL SELAIN ISLAM YANG DIADAKAN PADA 15 DISEMBER 2008**

BIL	SENARAI RUMAH IBADAT	DAERAH	PTD/PBT	KEPUTUSAN MESYUARAT	ULASAN
1.	Pengurusan Kuil Sri Dugai Amman, Puncak Jalil	Petaling	PTD Petaling	Disokong	Menyokong dan kekal di kawasan sedia ada.
2.	Tetuan I&P Alam Impian Kuil Sri Maha Mariamman, Seksyen 35, Shah Alam	Petaling	MBSA	Disokong	Disokong dengan keluasan 10,000 kaki persegi yang diberi oleh pemaju.
3.	Persatuan Kebajikan Agama Buddha, Jenjarom Kuala Langat	Kuala Langat	PTG	Disokong	Disokong permohonan ini
4.	Persatuan Agama Buddha, Sepang	Sepang	PTG	Disokong	Disokong permohonan ini
5.	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur	Petaling	PTD Petaling	Disokong	Disokong dengan keluasan 6,377.9 meter persegi.
6.	Persatuan Penganut Sri Maha Siva Sakti Alayam	Petaling	PTD Petaling	Disokong	Disokong dengan keluasan sedia ada sahaja.

BIL	SENARAI RUMAH IBADAT	DAERAH	PTD/PBT	KEPUTUSAN MESYUARAT	ULASAN
7.	Persatuan Penganut Dewa Jiu Wang Ye, Pekan Sekinchan	Sabak Bernam	PTD Sabak Bernam	Disokong	Disokong dengan keluasan 4,237 meter persegi.
8.	Persatuan Penganut Tian Chuen	Hulu Langat	PTD Hulu Langat	Disokong	Disokong dengan keluasan 1439.00 meter persegi.
8.	Kuil Sri Mahamariamman Batang Kali	Hulu Selangor	PTD Hulu Selangor	Disokong	Disokong dengan keluasan 1411 meter persegi.
9.	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur	Gombak	PTD Gombak	Disokong	Disokong dengan keluasan 5122.48 meter persegi.
10.	Persatuan Penganut Sree Kaasi Visalatchi Visvanathan Thiru Kovil	Gombak	PTD Gombak	Disokong	Disokong dengan keluasan yang diberi oleh pihak pemaju.

**SENARAI BANGUNAN KEAGAMAAN SELAIN ISLAM YANG TELAH DISOKONG PERMOHONAN DI MESYUARAT JAWATANKUASA
HAL EHWAL SELAIN ISLAM YANG DIADAKAN PADA 14 OKTOBER 2008**

BIL	SENARAI RUMAH IBADAT	DAERAH	PTD/PBT	KEPUTUSAN MESYUARAT	ULASAN
1.	Jawatankuasa Pembinaan Rumah Berhala Lian Fook, Pekan Pandamaran	Klang	PTD Klang	Disokong	Disokong, namun pihak tokong perlu menganjukkan 100 kaki dari garisan tengah rizab jalan sedia ada untuk mengambil kira keperluan rizab jalan seperti yang dikehendaki oleh MPK.
2.	Persatuan Penganut Sri Maha Mariammman, Kota Kemuning	Klang	PTD Klang	Disokong	Disokong dengan keluasan 4,070 meter persegi. Namun keputusan ini tertakluk kepada syarat-syarat JPBD supaya menyediakan jalan keluar masuk selebar 50 kaki minima dari jalan sedia ada.
3.	Persatuan Penganut Kuil Sri Mahamariamman Kampung Muhibah Rawang.	Gombak	PTD Gombak	Disokong	Disokong dengan keluasan 857.9 meter persegi.

BIL	SENARAI RUMAH IBADAT	DAERAH	PTD/PBT	KEPUTUSAN MESYUARAT	ULASAN
4.	Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman, Kampung Laksamana, Bandar Selayang	Gombak	PTD Gombak	Disokong	Disokong dengan keluasan 743.224 meter persegi.
5.	The titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur, Bandar Baru Salak Tinggi	Selangor	PTD Sepang	Disokong	Disokong dengan keluasan 3035.14 meter persegi.
6.	Setiausaha Pemegang Amanah Gereja Methodist Malaysia, Mukim Tanjung Dua Belas	Kuala Langat	PTD Kuala Langat	Disokong	Disokong bagi lot 4, 5 dan 6 Seksyen 1, Mukim Tanjong Dua belas, Daerah Kuala Langat dengan keluasan yang dipohon.
7.	Kuil Sri Kalikambal Kamadeswarar , Ladang Ebor, Batu Tiga, Shah Alam	Petaling	PTD Petaling	Disokong	Disokong dengan keluasan 5657.5 meter persegi.
8.	Jawatankuasa Pembinaan Kuil Sri Mariamman, Seksyen 25 Taman Sri Muda.	Petaling	PTD Petaling	Disokong	Disokong dengan syarat pemohon perlu membeli kesemua 5 lot tanah dan tukar syarat kegunaan tanah dari bangunan kediaman ke rumah ibadat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : MASALAH BAU BUSUK DI TAMAN SRI MANJA, PJS 3, PETALING
JAYA**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam jangka masa pendek, pertengahan dan panjang untuk menangani masalah pencemaran gas hidrogen sulfida dan methane yang keluar daripada tasik lombong di Taman Sri Manja yang kini berada di tahap berbahaya dan mengakibatkan masalah-masalah kesihatan dan keselamatan?
- b) Siapakah akan menanggung kos bagi rawatan dan pemulihan untuk kawasan-kawasan yang terjejas?
- c) Adakah penempatan semula penduduk-penduduk akan dipertimbangkan sekiranya situasi menjadi lebih teruk terutamanya apabila sulfur dioksida mengakibatkan masalah kesihatan dan gas methane mungkin akan mengakibatkan pembakaran dan atau letupan pembakaran?

JAWAPAN :

- a) Rawatan dan tindakan yang diambil pada waktu ini adalah syor daripada keputusan Kajian Penilaian Pencemaran Persekitaran dan Geoteknikal di kawasan Tasik Lombong PJS 3 oleh Unit Perundingan Universiti Malaya iaitu:

Cadangan Jangka Masa Pendek:

- i) Rawatan berterusan kepada permukaan air – iaitu apa yang dilakukan sekarang
- ii) Menutup longkang besar - telah dibuat
- iii) Pemantauan gas dan air bawah tanah.
- iv) Memindahkan murid sekolah Tadika

Cadangan Jangka Masa Panjang:

- i) Menimbus lombong dengan tanah atau 'inert material' sahaja. – sedang berjalan sekarang.
- ii) Pengumpulan dan rawatan kepada 'leachate'
- iii) Pengumpulan dan rawatan gas
- iv) Mengalihkan semua inlet longkang yang masuk ke dalam lombong - dalam perancangan
- v) Pemantauan gas dan air bawah tanah.

- b) Pemaju adalah penyumbang dari segi kos dan rawatan untuk masalah pencemaran gas Hidrogen Sulfida di Tasik lombong Taman Sri Manja. Pemaju-pemaju tersebut adalah seperti berikut :
- i) Tetuan Susunan Baru Sdn Bhd
 - RM 70,000.00 3 Jun 2005
 - RM 2 juta 5 April 2007
 - ii) Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd - RM 50,000.00 5 April 2005
 - iii) Syarikat Lagenda Kencana Sdn Bhd - Mengambil alih melakukan rawatan dengan melantik kontraktor dan juga membiayai kos rawatan bermula pada September 2005 yang bernilai 1.7 juta.
- c) Menurut laporan kajian Universiti Malaya, sekiranya pencemaran H₂S dan 'Methane' dapat dikawal kepanasan dengan selamat maka penduduk tidak perlu dipindahkan daripada kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN HERBA DARI NEGERI SELANGOR

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.
- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan dan mempromosikan industri herba negeri Selangor di luar Negara.
 - b) Berapakah jumlah perdagangan yang dikenal pasti di dalam industri herba ke luar negara di negeri Selangor bagi 3 tahun yang lepas.
 - c) Bagaimanakah kerajaan akan membantu pengeluar-pengeluar produk herba tempatan untuk mencari peluang-peluang perdagangan di luar Negara.

JAWAPAN :

- a) PKPS tiada menjalankan promosi diluar negara. (Sila rujuk Lampiran bagi maklumat tambahan).
- b) PKPS tiada menjalankan perdagangan dalam industri herba ke luar negara.
- c) PKPS telah menubuhkan anak syarikat Polens (M) Sdn. Bhd. (POLENS) untuk menyediakan khidmat memproses produk-produk berasaskan madu lebah dan herba untuk pasaran. Pengusaha-pengusaha herba telah menggunakan kemudahan pembungkusan produk dalam bentuk kapsul, tablet dan sachet yang ada di POLENS sebelum memasarkan produk-produk mereka.

POLENS juga boleh membantu pengeluar-pengeluar berkenaan dalam pengurusan pendaftaran produk makanan kesihatan dan herba tradisional dengan Biro Pengawalan Farmasutikal Kebangsaan (BPFK) dan juga pendaftaran untuk pensijilan HALAL dan JAKIM.

(Sila rujuk Lampiran bagi maklumat tambahan).

LAMPIRAN

MAKLUMAT TAMBAHAN

- a) Pada 3 – 6 Julai 2008, PKPS telah menyertai pameran Indonesia Halal Exhibition & Global Halal Summit 2008 di Kartika Expo Center Balai Kartini, Jakarta, Indonesia. Produk-produk yang dipamerkan adalah misai kucing, mas cotek, ikan keli salai, buah belimbing dan jus buah-buahan. Produk-produk yang mendapat perhatian adalah ikan keli salai dan misai kucing.

Sebelum Kerajaan Negeri mengadakan promosi industri herba ke luar negara, beberapa keperluan bagi menyokong industri ini perlu disediakan dahulu di mana Kerajaan Negeri perlu menyediakan makmal bagi perkhidmatan ujian klinikal. Fungsi ujian klinikal ini adalah untuk mengenalpasti bahan aktif agar sesuatu produk yang ingin dipasarkan itu dapat memenuhi piawaian luar negara seperti *Institute For Medical Research* (IMR) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang terletak di Jalan Pahang, Kuala Lumpur.

- b) PKPS melalui Premium Bioherbs Sdn. Bhd. iaitu syarikat usahasama Premium Agro Products (60%/anak syarikat PKPS Agro Ind. Sdn. Bhd.) dan Agrotech Capital Pte. Ltd. (40%/ Gabungan Korea & Singapura) akan mula memasarkan produk-produknya ke Korea Selatan pada Suku Ke 4 2009 setelah mendapat kelulusan daripada Korean Food & Drugs Authorities (KFTA). Produk-produk yang akan dipasarkan adalah:-

Jenis Produk	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Tongkat Ali	225 kg (RM 5.995 juta)	450 kg (RM 11.990 juta)	675 kg (RM 17.985 juta)
Kacip Fatimah	90 kg (RM 1.539 juta)	180 kg (RM 3.077 juta)	270 kg (RM 4.616 juta)
Misai Kucing	90 kg (RM 0.839 juta)	180 kg (RM 1.679 juta)	270 kg (RM 2.518 juta)
Pueraria Mirifica	90 kg (RM 0.739 juta)	180 kg (RM 1.479 juta)	270 kg (RM 2.218 juta)

- c) Syarikat yang bertanggungjawab dalam membantu pengeluar-pengeluar produk tempatan adalah:-

POLENS (M) Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 1, Jalan Saham 23/2, Kawasan MIEL, Fasa 8, Seksyen 23, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

- Membantu pengeluar-pengeluar menyediakan khidmat pembungkusan termasuk label produk-produk herba dalam bentuk kapsul, tablet dll.
- Mempunyai kepakaran untuk menyediakan formulasi produk-produk mengikut keperluan pelanggan.

PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. melalui Premium Bioherbs Sdn. Bhd. yang beroperasi di Selangor Halal Hub, Pulau Indah, Klang, Selangor

- memberi khidmat pemprosesan dalam bentuk mengekstrak bahan aktif herba menggunakan teknologi nano untuk kegunaan produk separa lengkap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

**TAJUK : MESYUARAT UNTUK PELANTIKAN PEGAWAI DAN AHLI
JAWATANKUASA MASJID DALAM NEGERI SELANGOR DARUL
EHSAN**

55. Jabatan Agama Islam Selangor telah memperkenalkan sistem 'pilihan' bagi jawatan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid bagi sesi 2009-2012 untuk semua masjid di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun sebagai pra-syarat pemilihan, ahli-ahli Kariah sesebuah masjid wajib mengisi 'Borang Kehadiran Anak Kariah' untuk membolehkan mereka hadir ke Mesyuarat berkenaan. Ini telah menimbulkan kesulitan dan kemarahan di kalangan ahli-ahli Kariah setempat, terutama sekali kariah kawasan luar bandar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah prosedur mengisi Borang ini diperkenalkan walaupun ia bercanggah dengan SEKSYEN 2 TAFSIRAN (1), ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003 yang memperuntukkan bahawa "...Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—"ahli kariah" ertinya seseorang yang tinggal tetap atau pada kelazimannya bermukim dalam sesuatu kariah masjid..."
- b) Mengapakah ahli Kariah yang mengetahui mengenai Mesyuarat berkenaan tetapi tidak sempat mengisi Borang telah dihalang daripada menghadiri Mesyuarat berkenaan dan mengapakah sebaliknya, mereka yang tinggal jauh dan bukan ahli Kariah sesuatu masjid tetapi telah mengisi Borang tersebut walaupun bercanggah dengan maksud "ahli kariah" seperti yang diperuntukkan oleh SEKSYEN 2 TAFSIRAN (1) ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003 tersebut dibenarkan menghadiri Mesyuarat berkenaan; dan
- c) Mengapakah Pihak Berkuasa Negeri memperkenalkan peraturan tersebut yang bercanggahan dengan ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003 dan titah perintah dan kehendak Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan serta menggunakan Masjid sebagai tempat berpolitik.

JAWAPAN :

- a) Dalam perkara ini, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 ini hendaklah dibaca bersama Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid Dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor)(Pindaan) 2001 pada perkara 19(1)(h) iaitu; Setiausaha sesuatu masjid hendaklah ; "membanci dan mendaftarkan semua orang Islam yang bermastautin atau barmukim dalam kariah masjid itu". Pendaftaran anak kariah ini akan memudahkan proses pencalonan pegawai dan jawatankuasa masjid.

Borang Keahlian Anak Kariah diwujudkan bagi mendaftarkan anak kariah masjid dan surau berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid Dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor)(Pindaan) 2001. Bagi memudahkan proses Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid, Borang Keahlian yang telah disahkan dimasukkan ke dalam Buku Daftar Anak Kariah. Setiap anak kariah yang berdaftar berhak untuk menjadi pengundi dan dicalon dalam pencalonan tersebut. Proses ini bagi memastikan status anak kariah masjid-masjid supaya mengganggu proses pencalonan yang dijalankan. Mekanisme yang dilaksanakan ini telah berjalan dengan baik dan diterima oleh semua masjid di Negeri Selangor

(b) & (c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENINGKATAN KES JENAYAH

56. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan bilangan kes-kes jenayah dan jenisnya yang terdapat di Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah telah dibuat satu kajian khas tentang peningkatan kes-kes jenayah ini dan apakah sebenarnya punca-punca peningkatan tersebut?
- c) Apakah program-program yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani belia-belia yang terlibat dengan jenayah dan gejala sosial?

JAWAPAN :

- a) **KADAR JENAYAH INDEKS SELANGOR JAN 2009**

BIL	DAERAH	P/JAYA	S/JAYA	KLG	GBK	KJG	AMP.JAYA	S/A	K/LGT	K/SEL	H/SEL	S/BNM	SPG	JUMLAH
	J/KEKERASAN													
1	BUNUH	0	1	3	1	2	0	0	0	0	1	0	0	8
2	ROGOL	4	3	7	5	3	4	6	2	6	7	1	1	49
3	SMN B'KWN S'API	1	0	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0	3
4	SMN B'KWN T/API	142	91	102	131	83	102	38	15	14	18	3	16	755
5	SMN B'SENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
6	SMN TANPA S'API	16	8	11	22	14	10	3	4	0	0	1	3	92
7	CEDERA (324-6 KK)	11	26	21	8	21	19	7	12	5	3	0	4	137
JUM .KEKERASAN		174	129	144	167	123	135	55	33	25	30	5	24	1044
JENAYAH HARTABENDA														
1	CURI	111	96	38	79	62	89	79	16	8	13	9	22	622
2	C/M/VAN/LORI	23	28	31	20	25	23	9	3	5	2	2	1	172
3	C/MOTOKAR	76	63	45	27	51	41	41	4	7	0	5	3	363
4	C/MOTOSIKAL	242	155	189	184	203	153	119	44	35	21	12	31	1388
5	CURI RAGUT	17	26	9	5	7	51	23	6	0	3	1	0	148
6	PRC SIANG	77	51	16	56	57	54	17	0	1	0	0	6	335
7	PRC MALAM	59	97	49	70	36	77	22	19	6	24	4	12	475
JUM .HARTABENDA		605	516	377	441	441	488	310	92	62	63	33	75	3503
JUMLAH BESAR		779	645	521	608	564	623	365	125	87	93	38	99	4547

b) **Bagi Kes-kes Samun Berkawan Tanpa Senjata api:**

- Kurangnya kesedaran individu / mangsa akan langkah-langkah keselamatan.
- Individu yang lalai sentiasa menjadi 'easy prey' penjenayah.

Bagi kes curi motorsikal / Pecah rumah dan curi:

- Kurangnya kesedaran masyarakat umum berkaitan keselamatan kenderaan.
- Ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada kenderaan kurang kompeten dengan perkembangan teknologi masa kini

c) Kerajaan Negeri Selangor menerusi agensi-agensi termasuk Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa peka dan memandang serius masalah jenayah dan gejala sosial yang melibatkan belia-belia terutama membabitkan para pelajar pengajian tinggi dan pelajar sekolah, maka beberapa pendekatan diambil dalam menangani isu ini. Ini membabitkan beberapa penganjuran dan membantu mana-mana agensi kerajaan/ NGO dalam aktiviti yang dianjurkan. Di peringkat Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Selangor beberapa langkah diambil antaranya;

- i) Mengadakan program Kempen Pencegahan Jenayah dalam memberikan info-info serta kesedaran kepada para belia-belia berhubung jenayah.
- ii) Menyertai program-program yang dianjurkan di bawah Kementerian Belia Dan Sukan melibatkan acara sukan, sosial dan ceramah seperti Rakan Muda, Rakan Sebaya atau Rakan Rempit.
- iii) Mengadakan sesi-sesi pameran pencegahan jenayah dalam program yang dianjurkan oleh pihak IPTA/ IPTS dan sekolah-sekolah dan mengedarkan risalah-risalah, poster pencegahan jenayah.
- iv) Menempatkan pegawai-pegawai perhubungan IPTA/IPTS dan di sekolah-sekolah dalam membantu menangani masalah yang dihadapi oleh pihak berkenaan.
- v) Mengadakan sesi ceramah/ dialog melibatkan agensi swasta/NGO dalam program yang diadakan di peringkat perumahan/ desa / komuniti.
- vi) Sentiasa membuat pemeriksaan di pusat-pusat hiburan/ Cyber Cafe melibatkan para belia terutama para pelajar tidak terlibat dalam aktiviti ponteng sekolah.
- vii) Dalam menangani belia-belia dalam aktiviti Mat Rempit pihak PDRM hanya mengambil tindakan menguatkuasa undang-undang terhadap salah laku merempit di jalan raya dalam operasi-operasi yang dijalankan dari masa kesemasa. Sementara bagi perancangan tapak litar terpulang kepada kerajaan negeri untuk melulus dan melaksanakan program tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KELAS PENGAJIAN AL QURAN DAN FARDHU AIN (KAFA)

57. Bertanya kepada Y.A. B Dato' Menteri Besar ;
- a) Sila senaraikan jumlah sekolah-sekolah KAFA yang berada di Negeri Selangor sehingga tahun 2008 mengikut susunan daerah.
 - b) Sila senaraikan jumlah bilangan guru-guru KAFA sepenuh masa dan separuh masa di seluruh Negeri Selangor sehingga tahun 2008.
 - c) Sila senaraikan jumlah elaun guru-guru KAFA Negeri Selangor secara bandingan dengan Negeri-Negeri lain termasuk Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN :

- a) Senarai Jumlah KAFA Negeri Selangor 2008 Mengikut Susunan Daerah.

Bil.	Daerah	Jumlah
1.	Sabak Bernam	10
2.	Kuala Selangor	21
3.	Klang	22
4.	Petaling	97
5.	Kuala Langat	8
6.	Sepang	11
7.	Hulu Langat	58
8.	Gombak	56
9.	Hulu Selangor	5
	Jumlah	288

- b) Senarai Jumlah Bilangan Guru-guru KAFA Negeri Selangor Sepenuh Masa dan Separuh Masa Sehingga Tahun 2008.

Bil.	Sepenuh Masa	Separuh Masa
1.	6,236	Tiada

- c) Senarai Perbandingan Jumlah Elaun Guru-guru KAFA Negeri Selangor Dengan Negeri-negeri Lain di Malaysia pada 31 Januari 2009.

Jumlah Elaun Guru KAFA di Selangor	Negeri-negeri di Malaysia	Jumlah Elaun Guru KAFA di Malaysia	Jumlah Sebulan (RM)	Perbandingan (RM)
1,000.00	Perlis	500.00	500.00	- 500.00
	Kedah	500.00 + 60.00	560.00	- 440.00
	Pulau Pinang	500.00 + 50.00	550.00	- 450.00
	Perak	500.00 + 75.00	575.00	- 425.00
	Wilayah Persekutuan	500.00	500.00	- 500.00
	Negeri Sembilan	500.00	500.00	- 500.00
	Melaka	500.00 + 250.00	750.00	- 250.00
	Johor	500.00 + 312	812.00	- 188.00
	Pahang	500.00	500.00	- 500.00
	Terengganu	500.00	500.00	- 500.00
	Kelantan	500.00	500.00	- 500.00
	Sarawak	500.00	500.00	- 500.00
	Sabah	500.00	500.00	- 500.00

***Sumber : Ketua Penolong Pengarah JAKIM*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERUMAHAN PEKERJA ASING

58. Masalah tempat tinggal pekerja asing, telah menjadi satu masalah lama yang masih berterusan. Kebanyakan tuan punya kilang yang mengambil pekerja ini menempatkan mereka di mana-mana sahaja tanpa mematuhi apa jua garis panduan. Akibatnya ramai pekerja asing ditempatkan di rumah sewa di sesebuah taman perumahan atau di sesebuah rumah pangsa kos rendah. Keadaan sedemikian menimbulkan pelbagai masalah sosial dan pertelingkahan di antara pekerja asing dan penduduk tempatan. Pekerja asing ini juga hidup dalam keadaan yang tidak selesa kerana majikan memuatkan ramai pekerja dalam satu rumah sewa demi menjimatkan kos.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mendesak para majikan pekerja asing ini, agar mereka ditempatkan di tempat yang khusus, selesa dan tidak mewujudkan masalah kepada penduduk setempat.
- b) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membentuk suatu garis panduan, yang boleh diikuti oleh semua tuan punya kilang supaya majikan hanya dibenarkan mendirikan kilang, memulakan pembuatan jika dia menyediakan satu perumahan atau asrama yang sesuai dan selesa untuk para pekerja asing nya.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT mengawal perkara ini melalui peruntukkan undang-undang yang boleh diambil kepada para majikan di bawah Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan 1976) dan Akta 133 (Akta Jalan Parit dan bangunan) seperti berikut:

- i. **Seksyen 78 Akta 171 - Rumah yang diduduki dengan penuh sesak**

- Seseorang yang membenarkan sesebuah rumah diduduki dengan sebegitu penuh sesak hingga mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan penduduknya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

ii. **Seksyen 79 Akta 171 - Bila rumah disifatkan sebagai "penuh sesak"**

Bagi maksud Akta ini, sesebuah rumah hendaklah disifatkan sebagai sebegitu penuh sesak hingga mendatangkan bahaya atau mudarat kepada kesihatan penduduknya jika rumah itu atau mana-mana bilik di dalamnya didapati diduduki lebih daripada kadar seorang dewasa bagi tiap-tiap tiga ratus lima puluh kaki padu ruang dalam bersih dan dalam pengiraan itu tiap-tiap orang berumur lebih daripada sepuluh tahun hendaklah disifatkan sebagai seorang dewasa dan dua orang kanak-kanak berumur tidak lebih daripada sepuluh tahun hendaklah dikira sebagai seorang dewasa.

iii. **Seksyen 80. Kacau ganggu hendaklah dihapuskan**

Pihak berkuasa tempatan hendaklah mengambil langkah bagi memberhentikan, memusnahkan dan menghapuskan segala kacau ganggu dari jenis awam dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu pada premis awam atau persendirian dan boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap seseorang yang melakukan mana-mana kacau ganggu itu bagi menghapuskannya dan juga bagi mendapatkan ganti rugi.

iv. **Seksyen 85. Bangunan yang boleh dimasuki oleh orang ramai hendaklah bersih.**

- 1) Pemunya atau penduduk bagi sesuatu bangunan atau mana-mana bahagiannya yang boleh dimasuki oleh orang ramai hendaklah—
 - a) selalu membersihkannya dan sentiasa menjaga kebersihan bangunan itu atau bahagiannya supaya berada dalam keadaan bersih dan baik dan juga menjaga supaya ia berada dalam keadaan baik; dan
 - b) menjaga bangunan itu atau bahagiannya supaya bebas daripada apa-apa keadaan yang boleh membahayakan nyawa atau kesihatan pekerjaanya, orang ramai dan pengguna lain bangunan itu atau bahagiannya.

b) Satu garis panduan telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia iaitu Garis Panduan Perancangan Bagi Perumahan Pekerja Kilang sebagai panduan kepada PBT Selangor dalam memproses permohonan bagi membina kilang-kilang dan juga tapak pembangunan. Penyediaan asrama pekerja adalah berasaskan kepada garis panduan pekerja kilang dan dasar yang diperlukan antaranya adalah :

- i. Asrama pekerja didefinisikan sebagai premis yang digunakan sebagai tempat tinggal pekerja kilang
- ii. Penyediaan asrama pekerja dipertimbangkan bagi industri yang mempunyai 30 peratus daripada pekerja-pekerja asing dan bukan penduduk tempatan
- iii. Kawasan perindustrian baru yang berkeluasan 8 hektar (20 ekar) dan lebih dibolehkan untuk membina asrama pekerja dan 15 peratus daripada kawasan industri dibenarkan untuk asrama
- iv. Kepadatan pembangunan bagi asrama adalah di dalam lingkungan 250 penghuni/ekar
- v. Penukaran fungsi serta pengubahsuaian bangunan yang telah sedia ada kepada fungsi kediaman adalah seperti berikut ;

a) Lokasi

Kedudukan bangunan asrama mestilah diluar kawasan penamparan yang ditetapkan.

b) Susun atur Bangunan

Perlu diasingkan daripada aktiviti-aktiviti perindustrian

c) Jumlah Pekerja

Jumlah pekerja yang dibenarkan untuk menduduki sesuatu bangunan asrama tidak melebihi 500 orang

d) Kemudahan Awam

Kemudahan yang perlu disediakan perlulah mematuhi syarat seperti perancangan perumahan pekerja-pekerja kilang.

Bagi perancangan Taman Industri Teknologi Tinggi dasar perlaksanaan adalah pemaju perlu menyediakan rumah pekerja yang bersepadu dan lengkap

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PROJEK DI SUBANG JAYA

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan projek yang diperuntukkan oleh bajet tahun ini bagi tujuan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam di Subang Jaya.
- b) Berikan butir-butir projek yang terlibat.

JAWAPAN :

- a) Projek yang dilaksanakan ialah menaik taraf sungai kepada concrete channel sepanjang 3 km oleh pemaju semasa kelulusan merancang yang disyaratkan oleh JPS iaitu Sungai Penaga.
- b)

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN
1.	Cadangan Membina 1 Unit Jejantas Pejalan Kaki Di Persiaran Kewajipan, Berhadapan Goodyear Court 3, Subang Jaya, Selangor	RM 600,000.00
2.	Cadangan Menaik taraf Garisan Jalan Dan Perabot Jalan Di Persiaran Tujuan Dan Sumbangan West Interchange, Subang Jaya, Selangor.	RM 200,000.00
3.	Cadangan Menaik taraf Jalan Belakang Perumahan Rakyat (Flat SS 13 Blok A Hingga Blok P), Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.	RM 200,000.00
4.	Cadangan Menaik taraf Sebahagian Jalan SS 12/1F, SS 12, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.	RM 200,000.00
5.	Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Sistem Lampu Jalan Di Jalan USJ 12/1 Subang Jaya Untuk Majlis Perbandaran Subang Jaya.	RM 200,000.00
Jumlah		RM 1,400,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : KEGAWATAN EKONOMI

60. Kegawatan ekonomi dunia sedang berlaku dan melibatkan sama Negara Malaysia, khususnya Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Sejauh manakah terjejasnya sektor perindustrian di Selangor?
- b) Berapakah jumlah kilang-kilang yang terpaksa ditutup?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi meringankan beban yang dialami pekerja?

JAWAPAN :

- a) Kesan kegawatan ekonomi global menyebabkan sektor perindustrian di negeri Selangor mendapat kesan secara langsung. Antara syarikat yang teruk terjejas akibat kemelesetan ekonomi negara adalah dari sektor pembuatan (*semi-conductors*) di mana pihak terdapat pihak syarikat yang terpaksa menutup operasi setiap hujung bulan. Selain itu, terdapat juga syarikat-syarikat yang mengambil langkah bagi mengurangkan kos operasi syarikat seperti:-
 - i) Membuat pemberhentian pekerja,
 - ii) Mengurangkan waktu bekerja dan tiada kerja lebih masa
 - iii) Pekerja asing yang tamat kontrak perkhidmatan tidak diperbaharui kontraknya.
- b) Sehingga hari ini sebanyak dua syarikat milikan asing yang telah memaklumkan akan membuat penutupan syarikat secara berperingkat kepada SSIC Berhad. Syarikat tersebut ialah **Flextronics Technology (Shah Alam) Sdn Bhd** dan **Sidel Industry (Malaysia) Sdn Bhd**. Dijangkakan seramai 2,327 orang pekerja akan terlibat.

- c) Bagi meringan beban yang dialami oleh pekerja yang diberhentikan kerja Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat dan maklum balas serta membincangkan bentuk bantuan yang boleh ditawarkan bagi menangani isu pemberhentian pekerja khususnya di negeri Selangor. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada hari Jumaat setiap minggu dan antara agensi yang terlibat adalah:
- i) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN);
 - ii) Selangor *State Investment Centre* (SSIC) Berhad;
 - iii) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor;
 - iv) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Tengah;
 - v) Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Selangor;
 - vi) Jabatan Imigresen Negeri Selangor;
 - vii) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor;
 - viii) Lembaga Zakat Selangor (LZS);
 - ix) Persatuan Pengilang Malaysia (FMM);
 - x) Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); dan
 - xi) Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC).

Antara perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti bentuk bantuan menerusi program sedia ada yang boleh diberikan sama ada dalam bentuk bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
- ii) Membangunkan Selangor *Retrenchment Helpline* iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan;
- iii) Membangunkan Selangor *Career Exchange* bertujuan memberi kemudahan pencarian peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor awam di Selangor dan sektor swasta dalam skop yang lebih luas termasuk kepada para graduan dan pekerja yang diberhentikan;

- iv) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dan yang berkemungkinan diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan. Ia juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat sekali gus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja berkenaan diberhentikan; dan

- v) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah cara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklum balas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : STATUS BILLBOARD DI SEPANJANG LEBUHRAYA MRR II

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat manakah kuasa PBT terhadap kawasan yang didirikan billboard di sepanjang Lebuhraya MRR II dan jika ianya benar di bawah kuasa PBT, adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu Task Force bertujuan untuk pemutihan billboard tersebut dan memohon TOL bagi mengambil alih aktiviti billboard berkenaan.

JAWAPAN :

- a) Pengurusan papan iklan 'Billboard' di sepanjang MRR II jika ia berada di atas rizab Jalan Persekutuan maka ia dikawal selia oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Jika ia dibina di atas tanah Kerajaan Negeri Selangor maka ia di bawah kawal selia Pihak Berkuasa Tempatan dan tapak tersebut diwajibkan mempunyai 'TOL'. Penguatkuasaan arahan ini telah dimaklumkan melalui pekeliling UPEN Bil 5/2008 Dasar dan Garis Panduan Pembinaan Papan Iklan (Billboard) di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan berkuat kuasa pada 26 Ogos 2008. Penguatkuasaan secara besar-besaran belum lagi dijalankan kerana proses permohonan TOL di Pejabat Tanah dan Daerah sedang di dalam pelaksanaan berperingkat. Tambahan pula keadaan ekonomi semasa yang agak lembap telah menjejaskan industri ini. Pihak Kerajaan Negeri mula mengkaji pendekatan ini sebelum menjalankan penguatkuasaan agar keadilan dapat diberikan kepada pengusaha yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : RIZAB PBT

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Senaraikan rizab semua kerajaan tempatan di Selangor daripada tahun 2004 hingga 2008.
 - b) Terangkan sebab-sebab kemerosotan rizab sepanjang empat tahun ini jika ada.

JAWAPAN :

- a) Nilai Rizab PBT Negeri Selangor adalah berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi tahun 2003 sehingga 2007 sahaja berikutan Penyata Kewangan bagi tahun 2008 masih dalam proses audit oleh Jabatan Audit Negara . Senarai rizab adalah seperti di Lampiran.
- b) Terdapat peningkatan dan juga kemerosotan dalam rizab PBT dalam tempoh 5 tahun. Pengurangan rizab terutamanya dalam bentuk simpanan tetap dan pelaburan adalah disebabkan keperluan di peringkat PBT yang mana memerlukan simpanan tetap dicairkan seperti tiadanya geran tunai untuk penyelenggaraan jalan disalurkan oleh Kerajaan Negeri, peningkatan kos operasi yang semakin meningkat sedangkan kutipan hasil tidak mencukupi akibat nilai cukai taksiran tidak meningkat.

NILAI RIZAB PIHAK BERKUASA TEMPATAN SELANGOR TAHUN 2003 SEHINGGA 2007

PBT	TAHUN 2003		TAHUN 2004		TAHUN 2005		TAHUN 2006		TAHUN 2007	
	SIMPANAN TETAP	PELABURAN	SIMPANAN TETAP	PELABURAN	SIMPANAN TETAP	PELABURAN	SIMPANAN TETAP	PELABURAN	SIMPANAN TETAP	PELABURAN
MBSA	0.00	30,000,000.00	0.00	20,000,000.00	0.00	20,078,633.00	0.00	20,117,473.00	0.00	20,117,475.00
MBPJ	75,000,000.00	0.00	53,000,000.00	0.00	33,000,000.00	47,000,000.00	79,000,000.00	51,000,000.00	15,000,000.00	120,000,000.00
MPK	4,500,000.00	13,000,000.00	3,500,000.00	19,000,000.00	1,500,000.00	22,000,000.00	11,022,182.00	8,000,000.00	6,073,008.00	4,000,000.00
MPAJ	18,900,000.00	0.00	19,709,743.00	0.00	17,369,189.00	0.00	14,377,116.00	0.00	37,343,691.00	0.00
MPSJ	37,357,048.00	500,000.00	64,926,226.00	2,000,000.00	65,002,883.00	2,000,000.00	64,672,483.00	2,000,000.00	58,099,579.00	2,000,000.00
MPKJ	7,174,110.00	0.00	7,380,707.00	0.00	7,584,466.00	0.00	7,807,588.00	0.00	8,067,140.00	0.00
MPSP	18,407,062.00	0.00	18,407,062.00	0.00	18,407,063.00	0.00	18,407,063.00	0.00	29,407,063.00	0.00
MPS	10,100,000.00	0.00	13,000,000.00	0.00	9,700,000.00	0.00	12,800,000.00	0.00	7,909,789.00	0.00
MDKS	4,012,110.00	0.00	4,103,715.00	0.00	4,196,160.00	0.00	2,506,488.00	0.00	1,206,377.00	0.00
MDHS	7,360,057.00	0.00	4,337,285.00	0.00	1,975,507.00	0.00	3,545,886.00	0.00	0.00	0.00
MDKL	3,000,000.00	0.00	9,000,000.00	0.00	13,500,000.00	0.00	16,000,000.00	100,000.00	18,000,000.00	250,000.00
MDSB	300,000.00	0.00	250,000.00	0.00	250,000.00	0.00	1,923,754.00	0.00	3,723,753.00	0.00
JUMLAH	186,110,387.00	43,500,000.00	197,614,738.00	41,000,000.00	172,485,268.00	91,078,633.00	232,062,560.00	81,217,473.00	184,830,400.00	146,367,475.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KECURIAN PASIR

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Bagaimanakah dengan membekukan pemberian lesen akan mengurangkan berlakunya kecurian pasir?
 - b) Apakah jumlah kutipan saman yang dibuat serta pembayaran penjualan pasir sejak Kerajaan Negeri yang baru mentadbir?
 - c) Senaraikan daerah yang paling banyak berlaku kecurian pasir dan apa tindakan pihak Kerajaan Negeri.

JAWAPAN :

- a) Dasar Kerajaan Negeri membekukan pengeluaran permit pasir adalah untuk menyusun dan memperkemas sistem sedia ada di samping mengawal pengeluaran pasir di Negeri Selangor. Setakat ini melalui Kumpulan Semesta Sdn Bhd, Kerajaan Negeri telah berjaya mengawal lebih kurang 70% daripada pasaran pasir di Negeri Selangor. Sejak Kumpulan Semesta Sdn Bhd ditubuhkan, masalah kecurian pasir di kawasan-kawasan Kumpulan Semesta Sdn Bhd beroperasi adalah terkawal.
- b) Jumlah kutipan kompaun di bawah seksyen 426, Kanun Tanah Negara bagi tempoh April 2008 hingga Disember 2008 ialah sejumlah RM1,271,751.00. Manakala, kutipan bayaran royalti bagi pengeluaran permit 4C adalah sebanyak RM6,359,064.29.
- c) Daerah-daerah yang paling banyak berlaku kecurian pasir adalah seperti berikut:-
 - i) Hulu Langat;
 - ii) Kuala Langat;
 - iii) Hulu Selangor; dan
 - iv) Kuala Selangor

Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu kecurian pasir adalah seperti berikut: -

- i) Menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn Bhd bagi mengawal pemasaran pasir di Negeri Selangor;
- ii) Melaksanakan Operasi Statik 24 jam di lokasi-lokasi yang dikenal pasti menjalankan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah; dan
- iii) Operasi serbuan dan penangkapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR(PKPS)

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pelaburan PKPS dalam sektor pertanian dalam tahun 2005-2008 dan berapakah pendapatannya?
- b) Apakah projek-projek PKPS yang masih menanggung kerugian sehingga Disember 2008?
- c) Berapakah lokasi projek PKPS yang melibatkan pembalakan si Hutan Simpanan dan berapakah jumlah hasil pembalakan?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelaburan dan pendapatan PKPS dalam sektor pertanian adalah seperti berikut :-

BUTIRAN	2005	2006	2007	2008
PELABURAN	9,859,670	-	12,749,381	-
PENDAPATAN	7,212,743	8,306,174	17,063,979	17,212,955

- b) Projek-projek PKPS yang menanggung kerugian sehingga 2008.

ANAK SYARIKAT	KERUGIAN	
	SEMASA	TERKUMPUL
POLENS (M) SDN. BHD. (Memproses makanan kesihatan berasaskan produk madu dan herba)	(1,438,609)	(2,921,961)

ANAK SYARIKAT	KERUGIAN	
	SEMASA	TERKUMPUL
MAIS FOOD INDUSTRIES SDN. BHD. (Mengeluarkan dan memasarkan makanan halal)	(832,196)	(1,764,674)
PKPS LANDSCAPING SERVICES SDN. BHD. (Melaksanakan projek nurseri dan kontrak perlantikan)	(60,289)	(1,115,346)

SYARIKAT DI BAWAH ANAK SYARIKAT PKPS AGRO INDUSTRIES SDN. BHD.	KERUGIAN	
	SEMASA	TERKUMPUL
PREMIUM AGRO PRODUCT SDN. BHD. (Pengeluaran baja organik)	(246,741)	(1,836,390)

SYARIKAT SEKUTU PKPS	KERUGIAN	
	SEMASA	TERKUMPUL
PKPS FARM MART SDN. BHD. (Penternakan ikan air tawar khususnya talapia merah)	(42,434)	(1,521.823)

- c) Terdapat 4 lokasi projek PKPS yang melibatkan pembalakan di Hutan Simpan iaitu seperti berikut :-

PROJEK	KELUASAN (HEKTAR)
Hutan Simpan Bukit Tarek (Program Penghutan Semula)	5,000
Hutan Simpan Rantau Panjang (Program Penghutan Semula)	5,000
Hutan Simpan Bukit Belata (License Agreement)	703
Hutan Simpan Jeloh, Hulu Langat (License Agreement)	200

Sehingga Disember 2008, jumlah hasil yang telah diperolehi adalah sebanyak RM 378,791 dan pada tahun 2009, sejumlah RM 358,415 dijangka akan diperolehi.

Di dalam Program Penghutan Semula hasil didapati oleh PKPS ialah dalam bentuk :-

1. Pajakan Tanah.
2. Bayaran 4% dari hasil keluaran balak sediaada.
3. Bayaran 4% dari hasil keluaran balak yang ditanam oleh pemajak setelah ditebang di masa akan datang.
4. Bayaran 4% dari lain-lain hasil yang dikeluarkan dari tanah yang dipajak (eg. Tanaman selingan).

Hasil yang lebih tinggi diperolehi oleh pihak Kerajaan Negeri melalui kutipan yang dibuat oleh Jabatan Perhutanan Negeri dalam bentuk :

1. Premium Pembalakan - RM 400 – 2000 /ha.
2. Permit penggunaan tanah - RM 250/ha/tahun.
3. Lain-lain bayaran seperti pendaftaran jentera (RM 100/buah) dan bayaran ukur serta menanda sempadan.

LAMPIRAN

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)

MAKLUMAT TAMBAHAN

Soalan b)

1. Syarikat yang akan ditutup operasi ialah :-
 - i) Mais Food Industries Sdn. Bhd.
 - ii) PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd.

2. Syarikat yang akan dijual kepada pengurusan sediada (MBO) :-
 - i) Premium Bioherbs Sdn. Bhd.

3. PKPS Farm Mart Sdn. Bhd. akan dijual kepada rakan usahasama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : WABAK DENGGI MENULAR DAN KES CHIKUGUNYA

65. Penularan wabak denggi terus meningkat terutama di negeri Selangor. Sebanyak 1,727 kes demam denggi telah dilaporkan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan langkah-langkah drastik dan keberprihatinan yang telah diambil oleh pihak yang bertanggungjawab dalam pembasmian nyamuk aedes dan kes Chikugunya di samping penyertaan orang ramai dalam menjaga kebersihan kawasan.
- b) Sejauh manakah tindakan yang dikenakan oleh pihak yang bertanggungjawab kepada mereka yang didapati bersalah kerana menjadikan premis mereka tempat pembiakan nyamuk aedes terutama di tapak-tapak projek yang terbengkalai?
- c) Sila beri perincian berkenaan kawasan yang telah dikenal pasti berisiko tinggi dalam kes demam denggi dan chikugunya dalam tempoh pemantauan pihak yang bertanggungjawab.

JAWAPAN :

- a) Bermula daripada 31 Januari 2009, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah melaksanakan operasi basmi aedes bersepadu pada hujung minggu (31/1/09 – 1/2/09, 14/2/09-15/2/09 dan 28/2/09–1/3/09) melibatkan mobilisasi anggota dari kesemua daerah di Selangor seramai 476 orang, 149 pasukan semburan kabus serta 19 unit ULV. Semasa operasi ini anggota kesihatan melaksanakan kempen “luangkan 10 minit hujung minggu anda”, dan membuat pemeriksaan pembiakan aedes dari rumah ke rumah serta semburan kabus di keseluruhan lokaliti wabak yang telah dikenal pasti. Jabatan Kesihatan juga akan memastikan setiap kes yang dinotifikasi kepada Pejabat Kesihatan Daerah akan di buat langkah kawalan iaitu pemeriksaan pembiakan aedes serta semburan kabus di rumah pesakit dan 200 meter sekitarnya dalam masa kurang 48 jam. Terkawal dengan memobilisasi anggota daripada daerah yang kurang kes denggi ke daerah yang tinggi kes denggi iaitu Petaling, Gombak, Hulu Langat dan Klang.
- b) Sehingga 28 Februari 2009, sejumlah 2,051 kompaun bernilai RM 201,625.00 telah dikenakan kepada premis yang membiak nyamuk aedes. Daripada jumlah tersebut, 1,905(2.9%) melibatkan rumah kedai, 57(2.8%) kilang, 15(0.7%) tapak binaan dan 12(0.6%) sekolah.
- c) Terdapat 53 Kawasan yang telah dikenal pasti sebagai lokaliti wabak tidak terkawal di Selangor iaitu 26 lokaliti di daerah Petaling (5 lokaliti di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya dan 21 di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam), 8 lokaliti di daerah Hulu Langat (3 lokaliti di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan 5 di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang) 9 lokaliti di daerah Gombak, 5 lokaliti di daerah Klang, 3 lokaliti di daerah Hulu Selangor dan 2 lokaliti di daerah Sepang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila kemukakan senarai lengkap anak-anak syarikat utama dan anak-anak syarikat subsidiari Kerajaan Negeri.
 - b) Berapakah hasil pendapatan anak-anak syarikat ini pada tahun 2007 dan 2008 (jika ada)?
 - c) Berapa banyakkah jika ada cukai tertunggak yang masih belum dilunaskan oleh setiap anak syarikat berkenaan kepada Kerajaan Negeri.

JAWAPAN :

- a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri mempunyai 9 Anak-anak syarikat dan senarai lengkap anak-anak syarikat subsidiari Kerajaan Negeri adalah seperti di Lampiran A.
- b) Hasil pendapatan 9 anak-anak syarikat Kerajaan Negeri pada tahun 2007 dan 2008 adalah seperti berikut:-

Bil	Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri	Hasil Pendapatan (RM '000)	
		2007	2008
1.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	432,895	13,940
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	31,612	39,503
3.	Selangor State Investment Centre (SSIC)	5,057	5,388
4.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYS)	76,689	94,147
5.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC)	3,957	3,510
6.	Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)	-	4
7.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	-	7,018
8.	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	-	3,525
9.	MSNS Holdings Sdn Bhd (MSNS)	2,924	590

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK : PENYEWAAN KAWASAN LAPANG DI JALAN 6/2 PANDAN
PERDANA, DUN TERATAI**

67. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Sila kemukakan semua butir-butir yang terkandung di dalam kontrak penyewaan kawasan lapang di lokasi tersebut.
 - b) Sila nyatakan syarikat-syarikat yang terlibat dalam penyewaan kawasan lapang tersebut di atas dan siapakah pengarahnya dan modal syarikat-syarikat?
 - c) Sila nyatakan kadar sewa untuk kawasan lapang tersebut?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan keputusan Mesyuarat Penuh Majlis Bil 7/2007 yang telah diadakan pada 28 Jun 2007 telah meluluskan tempoh penyewaan tapak tersebut kepada Pandan Puri Holding Sdn. Bhd. Tempoh penyewaan adalah selama 5 tahun (3 tahun + 2 tahun) dan tarikh tamat sewa tapak adalah pada 31 Julai 2012. Permohonan merizabkan tanah tersebut telah dihantar dan penyewaan akan ditamatkan setelah arahan "gazette" dikeluarkan.
- b) Penyewa tanah tersebut adalah Pandan Puri Holding Sdn. Bhd. Syarikat tersebut mempunyai Modal Dibenar RM500,000.00 dan Modal Berbayar RM500,000.00. Syarikat ini merupakan 100% pegangan bumiputera dan terdiri daripada 2 pengarah iaitu seperti berikut;
 - i) Raja Ismail bin Raja Mohd Ali
 - ii) Anuar bin Ibrahim
- c) Kadar sewa tapak untuk padang sasaran golf sebanyak RM6,000.00 sebulan dan tapak medan selera sebanyak RM2,000.00 sebulan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PUSAT PEMULIHAN DADAH

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pusat pemulihan dadah yang terdapat di seluruh Negeri Selangor? Sila senaraikan lokasi-lokasi serta maklumatnya dengan terperinci.
- b) Sila senaraikan statistik penagih dadah dari tahun 2000 hingga 2008

JAWAPAN :

- a) Negeri Selangor mempunyai 3 Pusat Pemulihan Dadah bagi kategori PUSPEN (Pusat Pemulihan Narkotik) bawah kendalian kerajaan yang sebelum ini dikenali sebagai Pusat Serenti. Maklumat pusat-pusat berikut adalah seperti keterangan di bawah :

Bil	ALAMAT PUSPEN	KOMANDAN	NO TEL & FAX
1	PUSPEN Serendah OFF KM 36, Jalan Ipoh 48200 Serendah Selangor Darul Ehsan	Tn. Ahmad Shobri bin Abd. Kadir	T 03-60813084 F 03-60813082
2	PUSPEN Dengkil KM4, Jalan Dengkil Banting 43800 Dengkil Selangor Darul Ehsan	Tn. Shahrudin bin Mahamad Yunus	T 03-87686049 F 03-87687948
3	PUSPEN Sepang Lot 13999, Ampat Tenang Mukim Dengkil Daerah Sepang Selangor Darul Ehsan	Pn. Azizah bt Ahmad	T 03-87318584 F 03-87068042

Manakala terdapat 14 buah Pusat Pemulihan Dadah Persendirian kendalian swasta yang berdaftar di bawah AADK Malaysia.

**STATUS TERKINI NAMA DAN ALAMAT SERTA KAEDAH RAWATAN YANG
DIGUNAKAN OLEH PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN DI NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN**

DAERAH HULU LANGAT

BIL	NAMA PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN	ALAMAT	NAMA PENGUAS A NO. TEL	KAEDAH RAWATAN	PENDAFTARAN DENGAN AADK	
					YA / TID AK	SAH SEHINGGA
1	Carish Youth Centre	Beg Berkunci 210, 43509 Semenyih Selangor	Soh Sheng Kung 03- 87611254	Keagamaan	Ya	Didaftarkan pada 2 Jan 2001
2	Ark Rehabilitation Centre	No.1, Jln Harmoni 13, Taman Harmoni 43500, Semenyih	Yeo Ong Kau 03- 87234218 016- 3766700	Keagamaan	Ya	Didaftarkan pada 2 Jan 2001
3	True House Of Victory	54A, Jln Kampung Rinching Hulu 43500 Semenyih	Mok Seuw Lam 03- 79818151	Keagamaan	Ya	Didaftarkan pada 2 Jan 2001
4	Rumah Sahabat	Batu 4 ¼, Kampung Haji Thambi, 41000 Hulu Langat	En. Zakarian Bin Hj. Thambi 013- 6036969	Cold Turkey	Ya	Didaftarkan pada 10 Mac 2003

**STATUS TERKINI NAMA DAN ALAMAT SERTA KAEDAH RAWATAN YANG
DIGUNAKAN OLEH PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN DI NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN**

DAERAH KLANG

BIL	NAMA PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN	ALAMAT	NAMA PENGUASA NO. TEL/ FAX	KAEDAH RAWATAN	PENDAFTARAN DENGAN AADK	
					YA / TIDAK	SAH SEHINGGA
1	Dispile House	No. 91 A Jalan Batu 3, 41300 Klang	En. Micheal Tan Lian Chung 03-33417780 019-3231788 (Pastor Mark)	Cold Turkey Keagamaan (KRISTIAN)	Ya	Berdaftar Mulai Tahun 2001
2	Grace Centre	Lot 845 Jalan Selladevan Off Jalan Sg. Kandis, 41000 Klang	Long Hin San 012-2029425	Cold Turkey	Ya	Berdaftar Mulai Tahun 2001
3	Boas Centre	No.17 Jalan Landasan Bukit Kuda, 41300 Klang	Pastor Nathan 019-6175799 03-33427561	Keagamaan (KRISTIAN)	Ya	Berdaftar Mulai Tahun 2003
4	Corner Stone	Lot 1540/1, Jln Sg. Kandis, Kg. Sg. Kandis Klang	David Lau Ken Kong 03-33748825 019-2160335	Keagamaan (KRISTIAN)	Ya	Berdaftar Mulai Tahun 2003

**STATUS TERKINI NAMA DAN ALAMAT SERTA KAEDAH RAWATAN YANG
DIGUNAKAN OLEH PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN DI NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN
AADK DAERAH PETALING**

BIL	NAMA PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN	ALAMAT	NAMA PENGUASA NO. TEL/ FAX	KAEDAH RAWATAN	PENDAFTARAN DENGAN AADK	
					YA / TIDAK	SAH SEHINGGA
1	Christian Care Centre	No. 326 Lorong 3D Kg. Baru Subang, 40000 Shah Alam	Brother Matthew/ mr. simon 03-78461914	Keagamaan (KRISTIAN) & Vokasional	Ya	Didaftarkan pada tahun 2001
2	Lifeline Drug Rehabilitation Centre	No 2 Jln RU 7/1 46050 Petaling Jaya	Mr Tan Meng Seong 03-79561086	Keagamaan	Ya	Sejak tahun 2001
3	Morning Glory	No 100 Jln BM ¼ Taman Bukit Mayang Mas 47301 Petaling Jaya	Pastor Richard Lee 03-7049220	Keagamaan (KRISTIAN)	Ya	Sejak Tahun 2001
4	Community Excell Services Breakthrough	No 547 Jln 17/15 46400 Petaling Jaya	Pastor Samuel Khishnan 03-79587388	Keagamaan (KRISTIAN) Cold Turkey Kaunseling	Ya	Sejak Tahun 2001
5	Yayasan Salam Malaysia	8, Jalan Utara 46200 Petaling Jaya	En. Md Ghani Ibrahim	Keagamaan	Ya	Tahun 2009

**STATUS TERKINI NAMA DAN ALAMAT SERTA KAEDAH RAWATAN YANG
DIGUNAKAN OLEH PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN DI NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN**

AADK DAERAH SABAK BERNAM

BIL	NAMA PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN	ALAMA T	NAMA PENGUASA NO. TEL/ FAX	KAEDAH RAWATAN	PENDAFTARAN DENGAN AADK	
					YA / TIDAK	SAH SEHINGGA
1	Rumah Kebajikan Darul Islam	Sungai Tengar, Sungai Air Tawar	Ustaz Hassan 03-32136928	Terapi Kerohanian Agama Islam	Ya	Didaftarkan pada tahun 2001

- b) Berikut adalah senarai statistik penagih dadah yang telah dikesan dari tahun 2000 hingga 2008.

BIL	DAERAH	TAHUN								
		2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
1	Petaling	846	436	364	333	263	217	100	153	187
2	Klang	437	164	823	478	1,704	281	341	251	93
3	Gombak	482	592	398	454	303	550	339	252	196
4	Hulu Langat	787	2,094	1,499	1,466	460	793	695	149	142
5	Ampang	0	0	0	0	294	228	87	170	171
6	Kuala Langat	222	47	137	172	58	15	2	12	69
7	Sepang	175	127	203	229	180	162	118	66	33
8	Hulu Selangor	142	154	37	137	134	144	48	140	106
9	Kuala Selangor	258	252	210	199	166	99	93	176	125
10	Sabak Bernam	112	42	27	41	158	73	13	40	54
Jumlah Keseluruhan		3,461	3,908	3,698	3,509	3,720	2,562	1,836	1,409	1,176

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : RUMAH UNTUK MISKIN

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejak pemerintahan PR, berapakah rumah keluarga miskin telah dibina semula atau ditambah baik di bawah program kerajaan prihatin. Sila berikan maklumat terperinci mengikut daerah.
- b) Apakah rancangan pihak kerajaan negeri dalam tahun ini untuk memastikan bahawa mereka yang masih tinggal di rumah yang buruk boleh mendapat keprihatinan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Program Kerajaan Prihatin merupakan satu program yang bertujuan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh. Ianya memberi bantuan bina semula rumah yang keseluruhannya terlalu daif dan tidak boleh lagi dibaiki pada harga RM25,000.00 sebuah. Rumah yang dibina lengkap dengan tiga (3) atau dua (2) atau satu (1) bilik tidur dan bilik air pada keluasan maksima 560 kaki persegi bergantung pada jumlah bilik yang diluluskan, termasuk pendawaian elektrik dan pemasangan paip air dalaman. Program ini juga memberi bantuan baik pulih bahagian rumah ibu yang mengalami kerosakan pada kos tidak melebihi RM7,000.00.

Berikut disenaraikan pecahan bantuan yang telah diberikan kepada setiap daerah bagi tahun 2008;

Bil	Daerah	Bina baru	Baik pulih	Jumlah
1.	Klang	20	10	RM 508,000.00
2.	Petaling	7	-	RM 173,000.00
3.	Kuala Langat	23	14	RM 740,000.00
4.	Hulu Langat	10	3	RM 266,000.00
5.	Sabak Bernam	31	59	RM1,132,000.00
6.	Kuala Selangor	14	34	RM 405,500.00
7.	Gombak	14	15	RM 446,000.00
8.	Hulu Selangor	6	8	RM 189,000.00
9.	Sepang	7	11	RM 230,000.00
	JUMLAH	132	154	RM4,089,500.00 (286 rumah)

- b) Perancangan Kerajaan Negeri pada tahun 2009 dalam memastikan mereka yang masih tinggal di rumah yang buruk mendapat keprihatinan Kerajaan Negeri adalah dengan meneruskan program Kerajaan Prihatin dan menambah baik sistem pengumpulan data i-Bantu serta mewujudkan program-program bantuan lain bagi membantu golongan sasaran antaranya;

Kerajaan Negeri melalui Bajet 2009 telah menggariskan lima (5) strategi khusus bagi memastikan kestabilan ekonomi Negeri Selangor seterusnya menangani masalah kemiskinan. Antara strategi tersebut ialah :

Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Antara program MES yang telah dilaksanakan bagi Fasa 1 termasuklah program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma, Hadiah Anak Masuk Universiti, Bantuan Warga Usia Emas, Pusat Khidmat Kisi Seheniti (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Selain dari itu beberapa program MES yang akan dilaksanakan secara berfasa khusus untuk golongan berpendapatan rendah termasuklah Caruman Takaful bagi OKU/Anak Yatim, Bantuan Kepada Peniaga Muda, Bimbingan Perniagaan Kepada Belia, Bantuan Anak ke Nurseri RM75 sebulan/orang, Bantuan Anak Pra Sekolah RM50 sebulan/orang, Bantuan Mendirikan Rumah Tangga, Elaun Ibu Tunggal, Elaun Khas Suri Rumah dan Bantuan memiliki Kediaman.

Menerusi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dijangka dapat mengurangkan beban rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dalam menghadapi krisis ekonomi global dan kemiskinan di Negeri Selangor.

Selain itu Kerajaan Negeri Juga telah merangka program-program yang dilihat dapat membantu golongan miskin di Selangor mendapat bantuan yang sewajarnya dengan menyediakan bantuan seperti berikut;

i. Program Kerajaan Prihatin

Program Kerajaan Prihatin bertujuan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh.

Objektif program ini diwujudkan adalah untuk memberi bantuan membina semula rumah yang keseluruhannya terlalu daif dan tidak boleh lagi dibaiki pada harga RM25,000.00 sebuah. Rumah yang dibina lengkap dengan tiga (3) bilik tidur dan bilik air serta berkeluasan 560 kaki persegi termasuk pendawaian dalaman elektrik dan pemasangan paip air dalaman; atau memberi bantuan membaik pulih bahagian rumah ibu yang mengalami kerosakan pada kos tidak melebihi RM7,000.00.

ii. Program "Blueprint" Kemiskinan

Program "blueprint" merupakan program bantuan peralatan yang diberikan kepada golongan sasaran yang mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang contohnya;

- a. Kemahiran jahitan
- b. Kemahiran masakan
- c. Kemahiran perniagaan

iii. Program Kemahiran Teknikal

Program ini diwujudkan adalah untuk membantu anak-anak golongan sasaran untuk mendapatkan pendidikan tertinggi dengan menyediakan sejumlah 170 tempat setiap tahun di INSPENS. Tujuan program akan memberi peluang kepada anak-anak golongan sasaran yang keciciran atau tidak mampu untuk menyambung pelajaran ke peringkat tertinggi.

iv. Program Kesihatan

Program Kesihatan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan sasaran untuk mendapatkan bantuan kesihatan dalam dua jenis penyakit iaitu;

- a) Katarak Mata
- b) Dialisis Buah Pinggang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah PBT-PBT bermakna untuk membuat keuntungan daripada pemilikan dan penyewaan harta, perkhidmatan penyelenggaraan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain terutamanya apabila tujuan PBT adalah berdasarkan pemberian perkhidmatan dan bukan pusat keuntungan?
- b) Sila senaraikan harta-harta dan aset-aset yang dimiliki oleh setiap PBT dalam negeri dan nilai bersih.

JAWAPAN :

- a) Objektif utama penubuhan PBT adalah untuk menyediakan perkhidmatan serta kemudahan –kemudahan awam kepada semua penduduk di dalam kawasan pentadbirannya bagi meningkatkan kesejahteraan dan keselesaan penduduk dan bukannya bertujuan untuk membuat keuntungan.

Pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berasaskan tiga sumber iaitu hasil cukai ,hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Caj yang dikenakan ke atas sewaan harta seperti dewan, gelanggang dan sebagainya adalah termasuk dalam kategori hasil bukan cukai. Kenaan sewaan harta ini bukan untuk mendapatkan keuntungan, sebaliknya kos yang dikenakan bagi sewaan adalah sangat minimum. Caj yang minimum ini dikenakan untuk memastikan bangunan-bangunan kerajaan dapat di selenggara dan dijaga dengan baik. Setiap hasil yang dikutip oleh PBT seterusnya akan dikembalikan kepada rakyat dengan memberikan perkhidmatan seperti penyelenggaraan jalan dan bangunan, kutipan sampah, pembersihan longkang, pemotongan rumput dan sebagainya.

- b) Jumlah Nilai Aset bersih di PBT Negeri Selangor adalah berdasarkan Penyata Kewangan bagi tahun 2007 yang telah diaudit. Jumlah nilai aset dirumuskan berdasarkan aset tetap yang di nyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul. Kaedah pengiraan nilai aset bersih ini adalah mengikut kaedah garis lurus. Nilai aset bersih mengikut PBT bagi tahun 2007 adalah seperti di lampiran 'B'.

NILAI ASET BERSIH PIHAK BERKUASA TEMPATAN SELANGOR TAHUN 2007

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	MBSA	MBPJ	MPK	MPAJ	MPSJ	MPKJ
<u>HARTANAH LOJI DAN PERALATAN</u>						
Tanah	42,575,320.00	23,358,309.00	3,641,330.00	-	710,831.00	2,741,743.00
Bangunan	209,496,263.00	90,601,847.00	98,169,691.00	51,881,652.00	137,514,812.00	25,224,517.00
Jentera Dan Mesin	233,910.00		83,089.00		28,609.00	34,084.00
Kenderaan Dan Jentera Berat	2,031,823.00	2,425,971.00	1,061,380.00	707,083.00	1,930,760.00	2,350,131.00
Perabot Dan Lengkapan Pejabat	7,973,084.00	2,335,979.00	2,683,071.00	1,990,158.00	10,157,183.00	1,935,799.00
Lain-lain Kelengkapan	140,618.00					
JUMLAH	262,451,018.00	118,722,106.00	105,638,561.00	54,578,893.00	150,342,195.00	32,286,274.00
KERJA DALAM PROSES	6,774,922.00	-	16,756,743.00	8,769,498.00	7,008,656.00	24,258,168.00
JUMLAH KESELURUHAN	269,225,940.00	118,722,106.00	122,395,304.00	63,348,391.00	157,350,851.00	56,544,442.00
<u>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</u>						
PIHAK BERKUASA TEMPATAN	MPSP	MPS	MDKS	MDHS	MDKL	MDSB
<u>HARTANAH LOJI DAN PERALATAN</u>						
Tanah	17,529.00	-	-	38,012.00	2,380.00	47,758.00
Bangunan	29,256,529.00	87,409,387.00	24,737,523.00	20,866,711.00	3,033,705.00	43,243,332.00
Jentera Dan Mesin		23,215.00		19.00	2,296.00	63,734.00
Kenderaan Dan Jentera Berat	1,717,678.00	2,036,324.00	344,452.00	677,897.00	213,110.00	380,716.00
Perabot Dan Lengkapan Pejabat	681,295.00	4,268,518.00	1,077,590.00	628,285.00	1,049,809.00	427,644.00
Lain-lain Kelengkapan		44,208.00		183,144.00	11,093,020.00	2.00
JUMLAH	31,673,031.00	93,781,652.00	26,159,565.00	22,394,068.00	15,394,320.00	44,163,186.00
KERJA DALAM PROSES	21,717,335.00	1,266,558.00	-	5,309,862.00	360,000.00	-
JUMLAH KESELURUHAN	53,390,366.00	95,048,210.00	26,159,565.00	27,703,930.00	15,754,320.00	44,163,186.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PENARIKAN DIRI OLEH PENGILANG-PENGILANG ASING

71. Dalam masa kelembapan ekonomi, terdapat pengilang-pengilang asing menarik diri dari Malaysia.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Terdapat berapa bilangan pengilang telah menarik diri dari Selangor?
- b) Setakat ini berapa orang pekerja kilang dibuang kerja kerana penarikan diri pengilang asing?
- c) Apakah tindakan atau bantuan kerajaan negeri kepada pengilang-pengilang asing untuk terus beroperasi di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Sehingga hari ini sebanyak dua syarikat milikan asing yang telah memaklumkan akan membuat penutupan syarikat secara berperingkat kepada SSIC Berhad. Syarikat tersebut ialah **Flextronics Technology (Shah Alam) Sdn Bhd** dan **Sidel Industry (Malaysia) Sdn Bhd**. Dijangkakan seramai 2,327 orang pekerja akan terlibat.
- b) Jumlah pekerja yang telah diberhentikan bagi tahun 2008 dan Januari 2009 adalah seperti berikut:-

Tahun	Pemberhentian Biasa			Pemberhentian VSS			Jumlah		
	Tempatan	Asing	Jumlah	Tempatan	Asing	Jumlah	Tempatan	Asing	Jumlah
2008	2,733	683	3,416	2,567	0	2,567	5,300	683	5,983
Jan. 2009	-	-	1,754	-	-	451	-	-	1,205

* Sumber : Jabatan Tenaga Kerja, Selangor

- c) Bagi memastikan pengilang-pengilang asing untuk terus beroperasi di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah berikut:-
- i) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - ii) Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - iii) Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
 - iv) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - v) Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One Stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - vi) Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
 - vii) Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memantau isu/permasalahan yang dihadapi oleh pengilang.
 - viii) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - ix) Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PRESTASI KERJA ALAM FLORA

72. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah spesifikasi yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Seluruh Selangor untuk memantau prestasi kerja-kerja yang dilakukan oleh syarikat Alam Flora?
- b) Sila senaraikan prestasi kerja-kerja tersebut mengikut kawasan majlis di seluruh Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Pengurusan sisa pepejal terbahagi kepada 2 bahagian iaitu kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Setiap PBT mempunyai spesifikasi yang berlainan mengikut keperluan dan kemampuan kewangan mereka.

Spesifikasi kutipan secara amnya adalah seperti berikut:-

- Premis kediaman 3 kali seminggu berselang dari rumah ke rumah.
- Premis perniagaan 6 kali seminggu dari kebuk sampah atau pusat tong.
- Rumah pangsa 6 kali seminggu dari pusat tong.
- Pasar awam 7 kali seminggu dari pusat tong.

Spesifikasi pembersihan awam secara amnya adalah seperti berikut:-

- Sapuan jalan di kawasan komersial/perniagaan, protokol dan utama 6 kali seminggu.
- Sapuan jalan di kawasan perumahan 2 kali sebulan.
- Sapuan padang permainan 6 kali sebulan.
- Membersih longkang di kawasan komersial/perniagaan, protokol dan utama 6 kali seminggu.
- Membersih longkang di kawasan perumahan 2 kali sebulan.
- Membersih longkang monson 2 kali sebulan.
- Potong rumput di kawasan komersial/perniagaan, protokol dan utama 2 hingga 3 kali sebulan.
- Potong rumput di kawasan perumahan 2 kali sebulan.
- Potong rumput di kawasan lapang dan taman permainan 2 hingga 3 kali sebulan.
- Membersih perhentian bas/teksi 6 kali seminggu
- Membersih perangkap sampah dan log boom 6 kali seminggu
- Membersih pasar malam mengikut setiap kali pasar malam diadakan.

- b) Prestasi AFSB mengikut PBT adalah bebeza-beza memandangkan setiap PBT mempunyai kaedah dan kriteria penilaian masing-masing mengikut keperluan lokaliti. Berikut adalah prestasi AFSB di setiap PBT yang telah diambilalih:-

BIL	PBT	PRESTASI AFSB
1	MB Shah Alam	Memuaskan
2	MB Petaling Jaya	81%
3	MP Ampang Jaya	83%
4	MP Klang	Tiada data diterima
5	MP Kajang	Memuaskan
6	MP Selayang	80%
7	MP Subang Jaya	Memuaskan
8	MP Sepang	Tiada data diterima
9	MD Kuala Langat	(2006,2007 Surat penghargaan Majlis Daerah paling bersih)
10	MD Kuala Selangor	90%
11	MD Hulu Selangor	Belum diambil alih
12	MD Sabak Bernam	85%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : MASALAH JALAN RANAP DAN HAKISAN TANAH

73. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan berlakunya jalan ranap dan runtuh di Jalan Utama Bagan Sekinchan Menuju ke Sungai Labu dalam tempoh masa 2 tahun?
- b) Sila nyatakan apakah kaedah penambahbaikan yang bakal dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri bagi menyelesaikan masalah tersebut secara tuntas?
- c) Sila nyatakan nama kontraktor yang dilantik dan nama Lembaga Pengarah serta berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan untuk kerja-kerja tersebut?

JAWAPAN :

- a) Jalan Utama Bagan Sekinchan berada di atas lapisan tanah lembut/lumpur pantai (soft coastal aluvium) sehingga kedalaman 30m hingga 40m dan jalan ini terletak di tepi parit besar JPS. Disebabkan keadaan ini, sebarang aktiviti pengorekan tanah di tepi jalan atau di dalam parit akan menjadikan tebing jalan menjadi lemah dan runtuh. Di dalam kes ini, ada kesan penggalian jalan oleh Syabas untuk menanam paip ciri bersaiz 1000mm Ø. Juga dikesan aktiviti membersihkan serta mendalamkan parit oleh JPS. Di samping itu, terdapat proses kerukan (scouring) apabila kunci air dibuka. Semua aktiviti ini telah menyumbang kepada keruntuhan tebing jalan ini.
- b) Kaedah penambahbaikan yang dicadangkan untuk kerja-kerja tersebut menggunakan kaedah 'pile embankment'.
- c) Setakat ini, belum ada pelantikan kontraktor lagi dan JKR bercadang akan membuat tender terpilih untuk pelaksanaan projek ini. Anggaran kos pembaikan berjumlah RM3,450,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK NURSERI PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN
SELANGOR**

74. Suatu perjanjian usaha sama Projek Nurseri dan Perlaksanaan (Projek 2006) telah ditandatangani antara PKPS dan peniaga nurseri di sepanjang jalan Subang ke Sg. Buloh tanah simpanan Jabatan Bekalan Air Selangor telah memperoleh Lesen Menduduki Sementara ke atas tanah tersebut dari Ogos 2005 hingga Julai 2008. Wang sewaan sebanyak RM800 dikenakan oleh PKPS daripada Pengusaha lot Nurseri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Pada bulan November 2008 pihak pengusaha telah menerima surat daripada PKPS bahawa mulai Januari 2009 pengurusan '*Selangor Greenland*' akan diambil alih oleh PKPS Landscaping Services Sdn Bhd. Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri terhadap para pengusaha Nurseri di kawasan ini ?
- b) Sejak projek pelebaran jalan Shah Alam ke Sg. Buloh oleh JKR, para pengusaha menghadapi pelbagai masalah dan perniagaan mereka juga terjejas. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menempatkan para pengusaha Nurseri ini di suatu tempat yang kekal agar perniagaan mereka dapat berkembang.

JAWAPAN :

- a) Pada masa ini PKPS tiada sebarang perancangan jangka panjang terhadap para pengusaha Nurseri di kawasan "Selangor Greenlane". Mulai Disember 2008, tanah tapak Projek Nurseri dan Perlaksanaan tersebut telah tamat Lesen Tumpangan Sementaranya (T.O.L). Permohonan pembaharuan T.O.L kepada Pejabat Tanah Petaling telah diuruskan oleh anak syarikat PKPS iaitu PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd.(PLSSB), tetapi belum ada sebarang jawapan.
(Sila rujuk lampiran bagi maklumat tambahan)
- b) Pada masa ini PKPS tiada sebarang perancangan untuk menempatkan para pengusaha Nurseri di suatu tempat yang kekal.

**TAJUK : PROJEK NURSERI PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN
SELANGOR**

MAKLUMAT TAMBAHAN

Soalan A

Projek Nurseri dan Perlengkapan di 'Selangor Greenlane' pada asalnya adalah projek penempatan semula sebahagian pengusaha di kawasan hospital kusta (Sg. Buloh) yang telah diambil balik oleh Kerajaan bagi pembangunan. Kerajaan Negeri telah melantik PKPS untuk menguruskannya. Kawasan rezab jalan dan laluan paip JBA (Syabas) di sepanjang jalan Subang ke Sg. Buloh telah dipilih dan diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri secara T.O.L yang diperbaharui setiap 3 tahun.

Semenjak kerja-kerja melebarkan jalan di kawasan berkenaan dimulakan, berbagai masalah telah dialami oleh pengusaha nurseri yang beroperasi di kawasan tersebut. Sebanyak 10 lot pengusaha telah diambil bagi tujuan pembinaan jalan, beberapa lot tidak dapat melaksanakan perniagaan dan terjejas pendapatan kerana kerja-kerja pembangunan jalan, kekurangan ruang letak kenderaan dan berbagai masalah lain telah berlaku. PKPS telah menawarkan kawasan baru penempatan semula 10 pengusaha yang terlibat ke kawasan pinggir jalan di hadapan Selangor Fruit Valley tetapi telah ditolak oleh mereka dengan alasan lokasi yang jauh dan kurang pelanggan.

Permohonan PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd. (PLSSB) bagi membaharui Lesen T.O.L bagi tapak projek tersebut pada bulan Oktober 2008 masih belum diluluskan. Disebabkan faktor tersebut perjanjian sewaan dengan setiap pengusaha lot-lot nurseri tidak dapat diadakan antara PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd. (PLSSB) dengan pengusaha bagi mengelak masalah perundangan.

Pihak syarikat ini sedang meneruskan usaha bagi membaharui Lesen T.O.L tapak projek berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : TAMAN SUBANG RIA

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status permohonan mewartakan Taman Subang Ria di Subang Jaya sebagai kawasan hijau?
- b) Adakah ratio kawasan hijau di Subang Jaya mencukupi dan jika tidak, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasinya?

JAWAPAN :

- a) Status Tanah Subang Ria adalah hak milik persendirian (Pajakan 99 tahun) dengan kegunaan taman rekreasi dan lain-lain kegunaan yang berkaitan. Di dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor dan Draf Rancangan Tempatan MPSJ, tanah ini telah di zonkan sebagai kegunaan kawasan hijau. (rekreasi)
- b) Keluasan sedia ada – 2357.33 hektar (7.56% daripada keseluruhan gunatanah).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : HARGA MENURUN

76. Harga getah dan kelapa sawit menurun dan pendapatan pekerja bagi kedua sektor ini terjejas.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi membantu dan meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pekerja-pekerja kedua sektor di atas?
- b) Berapakah pekerja/pemilik yang melibatkan kedua-dua bidang di atas?
- c) Apakah tidak wajar mereka diberi perlindungan takaful atau ansuran?

JAWAPAN :

- a) Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh MPOB bagi membantu 46,000 pekebun kecil kelapa sawit di Negeri Selangor akibat penurunan harga kelapa sawit ialah:-
 - i) Pemberian bantuan biji benih klon bermutu tinggi bagi pekebun kecil yang ingin menanam semula kelapa sawit.
 - ii) Pemberian insentif integrasi ternakan kambing (10 ekor kambing bagi 5 hektar kebun).
 - iii) Pemberian insentif integrasi tanaman bernilai RM 1,500.00 / hektar (input pertanian).

Sementara itu, RISDA pula telah mengambil langkah-langkah berikut bagi membantu pekebun kecil getah iaitu:-

- i) Bantuan baja / input pertanian bernilai RM 1,000.00 / peserta.
 - ii) Kursus formal penggunaan alat perangsang pokok getah bagi meningkatkan hasil getah secara purata daripada 1,000 kg / hektar kepada 1,500 kg / hektar.
- b) Seramai 54,823 pekebun kecil kelapa sawit dan 7,568 pekebun kecil getah telah mendapat manfaat daripada program yang telah dijalankan oleh MPOB dan RISDA.
- c) MPOB / RISDA belum mendapat kata putus kewajaran pekebun kecil kelapa sawit / getah diberi perlindungan takaful / insurans bagi menangani penurunan harga komoditi tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : SYARIKAT BILLBOARD

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah pemantauan dan tindakan yang diambil terhadap pengusaha/syarikat billboard bermasalah yang dilaporkan tidak membayar lesen atau sewa tapak di sekitar negeri Selangor.
- b) Sila senaraikan pengusaha/syarikat billboard yang dikategorikan bermasalah.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah menetapkan Dasar dan Garis Panduan Papan Iklan Luaran (Billboard) Negeri Selangor dan semua Pihak Berkuasa Tempatan telah pun melaksanakan semua arahan yang telah dikeluarkan. Semua syarikat telah dimaklumkan secara bertulis dan syarikat yang ingkar dengan tempoh masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, maka struktur yang terlibat akan dirobuhkan.
- b) Syarikat-syarikat yang bermasalah di Negeri Selangor adalah seperti berikut :

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENGUSAHA/SYARIKAT BILLBOARD
1	MBSA	1. KARISMA VISTA SDN BHD
2	MBPJ	1. KARISMA VISTA SDN BHD
3	MPK	1. KARISMA VISTA SDN BHD
		2. POPULAR MEDIA SDN BHD
4	MPSJ	1. TIADA MASALAH
5	MPAJ	1. KARISMA VISTA SDN BHD
6	MPKj	1. KARISMA VISTA SDN BHD
7	MPS	1. KARISMA VISTA SDN BHD
		2. BIG TREE OUTDOOR SDN BHD
		3. ALFE SDN BHD
		4. MEDIAHOUSE SDN BHD
		5. HONG BEE LAND SDN BHD
		6. HONG LEONG PROPERTIES SDN BHD
8	MPSp	1. TIADA MASALAH
9	MDKS	1. SAP HOLDING BHD
10	MDHS	1. TIADA MASALAH
11	MDKL	1. TIADA MASALAH
12	MDSB	1. TIADA MASALAH

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PASARAYA BESAR

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri pernah menetapkan apa-apa garis panduan untuk mengawal pembinaan pasar raya besar di Selangor, khususnya di kawasan semi-bandar dan kawasan desa untuk melindungi kedai runcit kecil-kecilan?

JAWAPAN :

- a) Pasar raya Besar adalah bermaksud penubuhan perniagaan runcit bersaiz besar yang beroperasi sebagai premis perniagaan yang mempunyai keluasan ruang lantai tidak kurang daripada 8,000 meter persegi. Pasar raya besar menjual semula pelbagai jenis barangan tanpa diubah bentuk dan dijual secara langsung kepada orang awam untuk kegunaan sendiri, isi rumah ataupun pertubuhan.

Pada amnya, tidak ada dasar dan garis panduan khusus terhadap mengawal pembinaan pasar raya besar di Negeri Selangor. Pembinaan pasar raya besar adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna seperti yang diputuskan oleh Jemaah Menteri yang bersidang pada 24hb April 2004. Pembinaan pasar raya besar perlu melalui permohonan kebenaran merancang dengan disertakan surat kelulusan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna.

Walau bagaimanapun, pertimbangan kelulusan pembinaan pasar raya besar adalah merujuk kepada Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor dan Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Hypermarket Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia.

Antara faktor-faktor dan kaedah yang diguna pakai dalam pertimbangan untuk meluluskan pembinaan pasar raya besar adalah seperti berikut:

- i) Pembinaan setiap pasar raya besar hanya dibenarkan beroperasi dalam kawasan tadahan yang mempunyai 350,000 penduduk.
- ii) Pembinaan bangunan hanya 'free standing' dengan keluasan tapak sekurang-kurangnya 2 hektar dan ruang lantai tidak kurang daripada 8,000 meter persegi.
- iii) Pembinaan pasar raya besar hanya dibenarkan di dalam zon perdagangan yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Tempatan.
- iv) Pasar raya besar hanya dibenarkan pada jarak tidak kurang daripada 3.5 km dari kawasan perumahan dan pusat bandar terdekat.
- v) Sebelum pembinaan pasar raya besar dipertimbangkan, kajian impak mengenai perniagaan runcit setempat hendaklah dijalankan supaya peniaga kecil tidak terjejas.
- vi) Kelebaran jalan utama adalah sekurang-kurangnya 66 kaki.
- vii) Menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi iaitu 1 petak bagi 15 meter persegi dan tambahan 20% petak motosikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMILIHAN JAWATANKUASA MASJID

79. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
- a) Bagaimanakah status pemilihan jawatankuasa masjid yang baru bagi seluruh negeri Selangor.
 - b) Bilakah penyerahan tugas kepada Jawatankuasa yang baru dibuat.
 - c) Senaraikan Jawatankuasa Masjid yang baru dilantik.

JAWAPAN :

- a) Status pemilihan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid seluruh Negeri Selangor adalah pada peringkat pencalonan di masjid-masjid. Setelah selesai akan di bawa dan di bincang di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Peringkat Daerah. Seterusnya di bentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS untuk kelulusan dan pengesahan dalam Mesyuarat MAIS.
- b) Penyerahan tugas kepada Pegawai dan Jawatankuasa masjid yang baru akan dilaksanakan pada 01 Jun 2009.
- c) Keseluruhan Pegawai dan Jawatankuasa masjid yang akan dilantik adalah seramai 22 orang iaitu :
 - i) 1 orang Nazir
 - ii) 3 orang Imam
 - iii) 2 orang Bilal
 - iv) 2 orang Siak
 - v) 1 orang Timbalan Nazir
 - vi) 1 orang Setiausaha
 - vii) 1 orang Penolong Setiausaha
 - viii) 1 Orang Bendahari
 - ix) 6 orang AJK
 - x) 1 orang Wakil Pemuda
 - xi) 1 orang Wakil Wanita
 - xii) 2 orang Pemeriksa Kira-Kira

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PERLOMBONGAN PASIR DAN BATUAN

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah lokasi lombong pasir yang diluluskan selepas Jun 2008?
- b) Apakah syarat-syarat dalam pemilikan syarikat perlombongan pasir?
- c) Berapakah lokasi kuari batuan yang berlesen dan apakah syarikat-syarikat yang terlibat?

JAWAPAN :

- a) Selepas Jun 2008 sehingga kini, terdapat 3 lokasi pengeluaran pasir yang telah diluluskan kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd.
- b) Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd., syarat-syarat pemilikan syarikat perlombongan pasir yang dipelawa untuk menyertai tender Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:-
 - i) Syarikat yang beroperasi di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
 - ii) Keupayaan kewangan;
 - iii) Pengalaman;
 - iv) Kakitangan; dan
 - v) Peralatan yang sesuai
- c) Senarai syarikat dan lokasi perlombongan kuari yang masih mempunyai lesen dan permit adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

SYARIKAT DAN LOKASI KUARI DI NEGERI SELANGOR

BIL	NAMA SYARIKAT	DAERAH	STATUS TANAH	KELUASAN	JUMLAH ROYALTI SETAHUN (RM)
1	Batu Tiga Quarry Sdn Bhd	Hulu Selangor	Tanah Hakmilik	40.467 hektar	124,200.00
2	Swasta Rasmi Ent. Sdn Bhd	Kuala Langat	Tanah Hakmilik	81.38 hektar	117,000.00
3	Bandar Tanming Sdn Bhd	Kuala Langat	Tanah Hakmilik	121 ekar	117,000.00
4	Sri Rawang	Gombak	Tanah Hakmilik	88 ekar	650,438.22
5	Kuari Permata	Gombak	Tanah Hakmilik	10.78 ekar	162,000.00
6	Sunway Quarry	Gombak	Tanah Hakmilik	83 ekar	504,414.00
7	APMC Sdn Bhd	Gombak	Tanah Hakmilik	128 ekar	3,042,506.50
8	Dolomite Industries Company Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	21.8487 hektar	603,000.00
9	Sungai Long Industries Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	259.4245 hektar	312,000.00
10	Kajang Rocks Quarry Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	12A 2R 20P 7A 2R 32P	784,200.00
11	Kajang Granite Quarry Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Syarikat	28.56 hektar	822,000.00

12	Kenneison Quarries Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	625 ekar	1,025,820.00
13	Hanson Quarry Products Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	89.87 ekar 5.157 ekar	431,099.00
14	Semenyih Quarry Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	75.15 ekar	355,800.00
15	Gerak Harapan Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	80,000 meter persegi	901,200.00
16	Sri Semangkok Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	20 ekar	431,400.00
17	Batu Tiga Quarry Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	55 ekar	173,968.90
18	Wiramuda Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Syarikat	20.976 ekar	96,000.00
19	Golden Plus Granite Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	104.4 ekar	822,000.00
20	K.S.Chin Mineral Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	60.374 hektar	39,000.00
21	Supreme Sdn Bhd	Hulu Langat	Tanah Hakmilik	30.99 ekar 26.75 ekar	15,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR KILANG DI KAWASAN KAMPUNG

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Terdapat pembinaan kilang-kilang di dalam kawasan kampung yang mana kemudahan jalan raya diguna bersama oleh kedua-dua belah pihak. Sedia maklum bahawa jalan-jalan yang sedia ada di kawasan perkampungan kecil dan tidak dapat menampung beban berat kenderaan yang mencecah sehingga 40m/tons dan ini menyebabkan jalan tersebut rosak. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan perkara tersebut.
- b) Apakah ukuran paip air yang disalurkan kepada kilang-kilang di kawasan perkampungan mengikut spesifikasi industri sedangkan kilang-kilang tersebut di dalam kawasan kampung.

JAWAPAN :

a) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini.**

b) Bagi menentukan ukuran paip air yang disalurkan ke kilang-kilang di kawasan perkampungan adalah berdasarkan kepada **keperluan air sehari** yang dipohon untuk kilang tersebut. Keperluan air adalah berdasarkan kepada aktiviti yang dijalankan oleh kilang tersebut. Keperluan air untuk sesebuah kilang tidak tertakluk kepada lokasi di mana kilang tersebut dibina, di kawasan perkampungan atau di bandar, perkiraan keperluan air adalah sama.

Selain daripada itu, ukuran paip air juga berdasarkan kepada **perkiraan hidraulik dan nilai tekanan selamat** di lokasi penyambungan. Contohnya, walaupun keperluan air adalah kecil dan secara amnya, paip bersaiz 150mm mampu untuk menampung keperluan air tersebut tetapi menurut perkiraan hidraulik, baki tekanan pada aras bekalan tertinggi di kilang tersebut tidak dapat memenuhi keperluan minima 7.5m yang ditetapkan oleh SYABAS dan kehilangan turus air adalah melebihi 2 /1000, maka perunding yang dilantik oleh pemilik kilang perlu membesarkan ukuran paip tersebut agar keperluan-keperluan SYABAS dipatuhi.

Ukuran paip air juga bergantung kepada **jarak dari lokasi penyambungan ke kawasan di mana kilang tersebut dibangunkan**. Jarak yang jauh akan menyebabkan kehilangan turus yang tinggi dan menghasilkan baki tekanan yang rendah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : LESEN-LESEN PERNIAGAAN

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan bilangan lesen bagi pusat-pusat "pub", disko, dangdut, karaoke, rumah urut, empat nombor ekor, slot-machine dan snooker yang telah diluluskan menurut majlis daerah atau majlis perbandaran.
- b) Berapakah hasil pendapatan daripada pusat-pusat seperti di atas menurut daerah atau majlis perbandaran.
- c) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap kelulusan lesen bagi pusat-pusat di atas sekiranya terbukti bahawa ianya lebih membawa unsur-unsur negatif terhadap proses dan program pembangunan insan rakyat Negeri Selangor.

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah senarai lesen perniagaan bagi pusat hiburan, rumah urut, kedai nombor ekor, slot mesin dan snuker yang telah diluluskan mengikut PBT di Negeri Selangor :

BIL.	PBT	PUSAT HIBURAN	RUMAH URUT	KEDAI NO EKOR	SLOT MACHINE	SNOOKER	JUMLAH
1	MBSA	9	38	6	2	5	60
2	MBPJ	246	36	0	0	0	282
3	MPK	12	41	20	0	54	127
4	MPAJ	5	9	3	0	2	19
5	MPSJ	53	121	43	5	9	231
6	MPS	29	0	0	0	10	39
7	MPKj	24	61	14	0	5	104
8	MPSp	10	6	5	0	10	31
9	MDKS	3	1	0	9	0	13
10	MDHS	1	0	5	0	6	12
11	MDKL	15	0	0	0	0	15
12	MDSB	0	9	7	0	10	26
JUMLAH		407	322	103	16	111	959

- b) Berdasarkan maklumat yang diberikan, secara keseluruhannya kerajaan Negeri memperoleh sebanyak **RM1,083,664.00** hasil daripada operasi pusat-pusat hiburan, rumah urut, kedai nombor ekor, slot mesin dan snuker di seluruh PBT Negeri Selangor. Berikut adalah pecahan daripada jumlah pendapatan bagi operasi tersebut bagi PBT-PBT di Selangor :

BIL.	PBT	PUSAT HIBURAN	RUMAH URUT	KEDAI NO EKOR	SLOT MACHINE	SNOOKER
1	MBSA	34,260	16,300	2,500	4,280	16,460
2	MBPJ	16,000	0	0	0	0
3	MPK	375,150	0	0	0	0
4	MPAJ	19,220	13,554	2,400	0	21,016
5	MPSJ	0	137,918.65	16,340	0	0
6	MPS	8,819	0	0	0	0
7	MPKj	117,188	98,909.60	14,735	0	0
8	MPSp	31,770	0	0	0	0
9	MDKS	600	200	0	4,300.00	0
10	MDHS	0	0	0	0	0
11	MDKL	83,000	0	0	0	0
12	MDSB	48,744	0	0	0	0
JUMLAH		734,751	266,882	35,975	8,580	37,476

- c) Buat masa ini Kerajaan Negeri telah membekukan pengeluaran lesen- lesen baru untuk pusat-pusat hiburan di semua PBT Negeri Selangor. Hanya pemegang lesen sedia ada sahaja yang dibenarkan untuk memperbaharui lesen perniagaan mereka. Sekiranya pemegang-pemegang lesen sedia ada didapati melanggar syarat-syarat lesen, PBT boleh mengambil tindakan kompaun atau membekukan lesen perniagaan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : KAWASAN LAPANG DI JALAN 9/10, PANDAN PERDANA, DUN TERATAI

83. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Siapakah penyewa atau pemilik tanah tersebut. Sila nyatakan pengarah-pengarah dan latar belakang syarikat berkenaan secara terperinci.
 - b) Sila kemukakan semua butir-butir termasuk syarat-syarat yang terkandung di dalam kontrak dan tarikh tamat untuk sewa tapak tersebut.
 - c) Terdapat satu bahagian di kawasan berkenaan yang telah digazett sebagai tapak gerai, bilakah pihak berkuasa boleh membersihkan tapak tersebut dan membolehkan gerai-gerai di sebelah kawasan berkenaan berpindah ke dalam tapak berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Tanah tersebut merupakan tanah milik Majlis yang diperolehi secara Lesen Menduduki Sementara (LMS) dan telah disewakan kepada Dominant Crest Sdn. Bhd. Dominant Crest Sdn. Bhd terdiri daripada pemegang saham iaitu;
 - i) DSSB Development Sdn. Bhd - 80% saham
 - ii) iWawanJoswara - 20% saham

Pengarah pengarah syarikat tersebut seperti berikut;

 - i) Fong Kin
 - ii) Tan In Fatt
 - iii) Chang Chee Min
 - iv) Wawan Joswara
- b) Melalui keputusan Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2004 bertarikh 27hb Februari 2004 telah meluluskan syarikat Dominant Crest Sdn. Bhd. sebagai syarikat yang menguruskan medan selera tersebut. Pihak pemaju dikehendaki membina medan selera dengan kos yang tanggung oleh pihak pemaju sendiri. Pihak pemaju adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan dan penyelenggaraan, pengurusan pembuangan sampah, kebersihan dan keselamatan serta membaiki sebarang kerosakan ke atas medan selera tersebut. Tawaran yang diberi oleh pihak Majlis adalah selama 15 tahun berkuat kuasa pada 30hb Mac 2004. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua gerai BOT dikaji semula dan hendaklah mengikut dasar dan peraturan yang telah ditetapkan.
- c) Medan selera tersebut dibina adalah bertujuan untuk menempatkan peniaga – peniaga yang menjalankan perniagaan di sekitar tersebut. Walau bagaimanapun ramai peniaga yang tidak berminat untuk menjalankan perniagaan di medan selera tersebut kerana lokasi yang tidak strategik bagi mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: KAMPUNG ORANG ASLI

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan kampung orang asli yang terdapat di seluruh Negeri Selangor? Sila senaraikan lokasi-lokasi serta bilangan penduduknya.
- b) Selain daripada sumbangan kewangan yang diberi oleh kerajaan, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan taraf hidup mereka?

JAWAPAN :

- a) Terdapat 74 buah penempatan atau Kampung Orang Asli yang masih wujud di sekitar 5 Daerah di Negeri Selangor. Ianya merangkumi Daerah Hulu Selangor : 16 Kampung, Gombak dan Petaling : 11 Kampung, Hulu Langat : 9 Kampung, Sepang : 15 Kampung dan Kuala Langat dan Klang : 23 Kampung menjadikan semuanya 74 Buah Kampung Orang Asli yang berada di dalam Negeri Selangor.

BIL	KAMPUNG	DAERAH	KIR	AIR
1	KAMPUNG TUN ABDUL RAZAK	HULU SELANGOR	117	441
2	KAMPUNG GERACHI JAYA	HULU SELANGOR	40	135
3	KAMPUNG PERTAK	HULU SELANGOR	46	150
4	KAMPUNG BULOH TELOR	HULU SELANGOR	22	74
5	KAMPUNG KUALA KERLING	HULU SELANGOR	30	100
6	KAMPUNG ULU MELAKA, SERENDAH	HULU SELANGOR	61	205
7	KAMPUNG SUNGAI GARING	HULU SELANGOR	4	13
8	KAMPUNG SUNGAI KELUBI	HULU SELANGOR	18	87
9	KAMPUNG BUKIT MANCHONG	HULU SELANGOR	86	350
10	KAMPUNG SERIGALA	HULU SELANGOR	30	105
11	KAMPUNG CHANGKAT BINTANG	HULU SELANGOR	32	88
12	KAMPUNG HULU TAMU	HULU SELANGOR	54	165
13	KAMPUNG SUNGAI JANG	HULU SELANGOR	9	35
14	KAMPUNG GURNEY, ULU YAM	HULU SELANGOR	36	115
15	KAMPUNG SONGKOK	HULU SELANGOR	15	42
16	KAMPUNG KOLAM AIR	HULU SELANGOR	12	24
17	KAMPUNG BUKIT LAGONG	GOMBAK	13	78
18	KAMPUNG BATU 16, GOMBAK	GOMBAK	9	62
19	KAMPUNG HULU KEMENSAH	GOMBAK	11	78
20	KAMPUNG ULU KUANG	GOMBAK	60	390

21	KAMPUNG SUNGAI BULOH	GOMBAK	14	75
22	KAMPUNG SUNGAI RELANG	GOMBAK	6	45
23	KAMPUNG ULU BATU	GOMBAK	15	90
24	KAMPUNG AIR KUNING	PETALING	33	102
25	KAMPUNG BUKIT LANJAN	PETALING	160	529
26	KAMPUNG SUNGAI RASAU HULU	PETALING	20	100
27	KAMPUNG SUNGAI RASAU HILIR	PETALING	46	194
28	KAMPUNG BATU 28, JENDERAM	SEPANG	35	107
29	KAMPUNG KELINSING	SEPANG	26	87
30	KAMPUNG BUKIT TAMPOI	SEPANG	58	232
31	KAMPUNG AIR TERENTANG	SEPANG	22	86
32	KAMPUNG SUNGAI BUAH	SEPANG	22	85
33	KAMPUNG BUKIT BAJA	SEPANG	47	195
34	KAMPUNG SUNGAI BELANKAN	SEPANG	14	43
35	KAMPUNG SUNGAI MELUT	SEPANG	50	151
36	KAMPUNG BUKIT BANGKONG, DENGKIL	SEPANG	88	314
37	KAMPUNG BUKIT BANGKONG, SG. PELEK	SEPANG	161	495
38	KAMPUNG BUKIT DUGANG	SEPANG	26	100
39	KAMPUNG BAKOK	SEPANG	15	61
40	KAMPUNG BUKIT JENUK	SEPANG	15	56
41	KAMPUNG JAMBU	SEPANG	11	33
42	KAMPUNG KUALA PANSON	HULU LANGAT	94	340
43	KAMPUNG PADANG	HULU LANGAT	17	69
44	KAMPUNG GABAI	HULU LANGAT	20	86
45	KAMPUNG PAYA LEBAR	HULU LANGAT	32	120
46	KAMPUNG GENTING PERAS	HULU LANGAT	30	116
47	KAMPUNG DONGLAI BARU	HULU LANGAT	37	320
48	KAMPUNG SUNGAI LALANG BARU	HULU LANGAT	83	150
49	KAMPUNG KACHAU	HULU LANGAT	33	136
50	KAMPUNG BROGA	HULU LANGAT	41	165
51	KAMPUNG KEPAU LAUT	KUALA LANGAT	34	108
52	KAMPUNG SUNGAI JUDAH	KUALA LANGAT	34	135
53	KAMPUNG SUNGAI BUMBUN	KUALA LANGAT	87	271
54	KAMPUNG SUNGAI KURAU	KUALA LANGAT	68	222
55	KAMPUNG SUNGAI RAMBAI	KUALA LANGAT	20	67
56	KAMPUNG BUKIT KECHIL	KUALA LANGAT	14	47
57	KAMPUNG TANJUNG RABOK	KUALA LANGAT	17	58
58	KAMPUNG BUKIT KEMANDOL	KUALA LANGAT	141	518
59	KAMPUNG BUSUT BARU	KUALA LANGAT	83	335
60	KAMPUNG TELOK TONGKAH	KUALA LANGAT	25	83

61	KAMPUNG PERMATANG BUAH	KUALA LANGAT	22	52
62	KAMPUNG PULAU BANTING	KUALA LANGAT	35	120
63	KAMPUNG BUKIT SERDANG	KUALA LANGAT	28	110
64	KAMPUNG BUKIT TADOM	KUALA LANGAT	92	298
65	KAMPUNG PAYA RUMPUT	KUALA LANGAT	13	47
66	KAMPUNG MULUS TUA	KUALA LANGAT	4	20
67	KAMPUNG TANJUNG SEPAT	KUALA LANGAT	110	320
68	KAMPUNG BUKIT CHEEDING	KUALA LANGAT	29	116
69	KAMPUNG BUKIT PERAH	KUALA LANGAT	20	62
70	KAMPUNG PULAU KEMPAS	KUALA LANGAT	60	212
71	KAMPUNG PULAU INDAH	KLANG	41	144
72	KAMPUNG PULAU KETAM	KLANG	13	33
73	KAMPUNG BAGAN HAILAM	KLANG	22	86
74	KAMPUNG ORANGB ASLI AIR KUNING	PETALING	33	135

Catatan :

- * KIR – Ketua Isi Rumah
- * AIR - Anggota Isi Rumah

- b) Penjelasan mengenai langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor adalah daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PASIR

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejak penubuhan Kumpulan Semesta Sdn Bhd, berapakah kawasan berpasir telah mula beroperasi dan berapakah yang masih terbuka untuk kontraktor-kontraktor? Sila huraikan mengikut daerah.
- b) Dua timbunan pasir di Rawang kerap menjadi sasaran orang ramai dan sehingga kini, tiada tindakan susulan daripada Kumpulan Semesta walaupun surat telah dihantarkan dan laporan polis telah dibuat. Apakah cadangan Kumpulan Semesta untuk meredakan perebutan pasir tersebut oleh orang ramai?

JAWAPAN :

- a) Semenjak 15 September 2008 sehingga Februari 2009, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. telah membuka 3 buah lokasi pengeluaran pasir seperti berikut:
 - i) DK1 – Lot 32546, Mukim Dengkil, Daerah Sepang
 - ii) DK2 – Lot 32543, Mukim Dengkil, Daerah Sepang
 - iii) BJ1 – Lot 6232, Mukim Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor
- b) Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., tanah di mana timbunan pasir tersebut terletak adalah di atas tanah hak milik persendirian. Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan atau kuasa untuk menghalang pencurian. Sekiranya timbunan pasir tersebut berada berdekatan Taman Tun Perak, Rawang, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. telah mendapat kebenaran pemilik tanah (PKPS) untuk memindahkan timbunan pasir tersebut. Permohonan untuk mendapatkan Permit Pemindahan Pasir telah dibuat kepada Pejabat Daerah/Tanah Gombak pada bulan Februari 2009.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan berapa banyak aduan yang telah dilaporkan berkenaan dengan COB kepada setiap PBT dari bulan Oktober 2008 lalu hingga kini dan berapa daripada aduan tersebut telah diselesaikan.
- b) Adakah pegawai-pegawai baru akan dibekalkan untuk menolong dalam pengendalian isu-isu COB? Jika ya, sila nyatakan berapa banyak pegawai baru yang akan diambil dan kriteria-kriteria untuk perjawatan.
- c) Apakah yang sedang dilakukan untuk menangani masalah ancaman tindakan undang-undang dan tuntutan-tuntutan mahkamah fitnah terhadap pegawai-pegawai COB dan COB (Datuk Bandar) oleh pemaju-pemaju?

JAWAPAN :

- a) Statistik mengenai aduan yang diterima oleh COB mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan bagi bulan Oktober 2008 sehingga Februari 2009 adalah seperti berikut:

Bil.	Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Aduan Diterima	Bilangan Aduan Selesai	Bilangan Aduan Dalam Tindakan	Bilangan Aduan Belum Diambil Tindakan
1.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	147	138	9	-
2.	Majlis Bandaraya Shah Alam	100	100	-	-
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	134	110	24	-
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	164	125	19	20 (Baru Diterima)
5.	Majlis Perbandaran Klang	19	16	3	-
6.	Majlis Perbandaran Selayang	103	-	103	-
7.	Majlis Perbandaran Kajang	87	27	50	-
8.	Majlis Perbandaran Sepang	38	31	7	0
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	74	69	4	1
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	10	6	4	-
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	6	5	1	0
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	10	10	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		892	637	224	21

Manakala, berdasarkan rekod Lembaga Perumahan Dan hartanah Selangor, statistik mengenai aduan yang diterima mengikut kawasan COB Pihak Berkuasa Tempatan bagi bulan Oktober 2008 sehingga Februari 2009 adalah seperti berikut:

Bil.	Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Aduan Diterima	Bilangan Aduan Selesai	Bilangan Aduan Dalam Tindakan	Bilangan Aduan Belum Diambil Tindakan
1.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	8	2	6	-
2.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2	1	1	-
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	12	4	8	-
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	6	3	3	-
5.	Majlis Perbandaran Klang	7	2	5	-
6.	Majlis Perbandaran Selayang	6	3	3	-
7.	Majlis Perbandaran Kajang	4	4	0	-
8.	Majlis Perbandaran Sepang	1	0	1	-
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	1	0	1	-
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	0	0	0	-
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	0	0	0	-
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	0	0	0	-
JUMLAH KESELURUHAN		47	19	28	-

- b) Ya, terdapat 29 orang pegawai-pegawai baru yang telah ditempatkan di semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengendalikan tugas dan kuasa Pesuruhjaya Bangunan seperti berikut:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PEGAWAI	JAWATAN (GRED)	JABATAN ASAL	
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	4	1	W44	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
			1	W27	Akauntan Negara
			1	N17	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
			1	N1	
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	4	1	W44	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
			1	W27	Akauntan Negara
			1	W27	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
			1	N1	

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PEGAWAI	JAWATAN (GRED)	JABATAN ASAL	
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	3	1	W44	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
			1	W27	Akauntan Negara
			1	N1	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	3	1	W44	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
			1	W27	Akauntan Negara
			1	N1	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
5.	Majlis Perbandaran Klang	3	1	W44	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
			1	W27	Akauntan Negara
			1	N1	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
6.	Majlis Perbandaran Selayang	3	1	W44	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
			1	W27	Akauntan Negara
			1	N1	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
7.	Majlis Perbandaran Kajang	3	1	W44	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
			1	W27	Akauntan Negara
			1	N1	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
8.	Majlis Perbandaran Sepang	2	1	W27	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
			1	N1	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2	1	W27	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
			1	N1	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	1	1	W36	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	1	1	W36	
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	1	1	W17	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
JUMLAH		29			

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan menempatkan tambahan 12 orang Petugas Khas Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] sepenuh masa selama tempoh 6 bulan di semua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Selangor dan mereka ini diberi elaun. Penempatan Petugas Khas juga bertujuan membantu pegawai-pegawai Pesuruhjaya Bangunan. Cadangan penempatan Petugas Khas Akta 663 mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BIL. PETUGAS KHAS
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	1
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	1
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	1
5.	Majlis Perbandaran Klang	1
6.	Majlis Perbandaran Selayang	1
7.	Majlis Perbandaran Kajang	1
8.	Majlis Perbandaran Sepang	1
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	1
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	1
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	1
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	
JUMLAH		12

Kriteria-kriteria Petugas Khas Akta 663 adalah mana-mana individu yang pernah terlibat di dalam hal-ehwal Kerajaan Tempatan yang terdiri daripada bekas kakitangan kerajaan, aktivis pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan para profesional yang mestilah menetap di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di mana penempatannya sebagai Petugas Khas Akta 663 ditetapkan.

- c) Pesuruhjaya Bangunan dan pegawai-pegawai Pesuruhjaya Bangunan hendaklah memastikan pelaksanaan fungsi dan kuasanya mematuhi peruntukan Akta-akta berkaitan bagi mengelakkan sebarang tindakan mahkamah diambil ke atas mereka. Walau bagaimanapun, semua perbuatan, tindakan dan keputusan yang dilaksanakan oleh COB dan Pegawai-pegawai COB "dengan secara suci hati" (*in a good faith*) adalah dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 46 Akta 663.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Apakah jumlah pelancongan yang dianggarkan akan melawat Negeri Selangor pada tahun 2009

- a) Apakah pecahan peratusan pelancong tersebut mengikut Negara.
- b) Apakah strategi kerajaan negeri untuk menarik pelancong dari luar Negara memandangkan kita sedang dan akan menghadapi krisis ekonomi sedunia.
- c) Berapakah jumlah budget Kerajaan Negeri untuk menarik penambahan pelancong bagi tahun 2009.

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelancongan yang dianggarkan akan melawat Negeri Selangor pada tahun 2009 adalah seramai 5.5 juta orang pelancong berdasarkan statistik kedatangan pelancong 2008 yang lalu.

Berdasarkan statistik tahun 2008, pecahan peratusan pelancong tersebut mengikut negara adalah seperti berikut :-

STATISTIK KEDATANGAN PELANCONG(SENARAI 10 TERTINGGI) 2008

No.	Negara	2008
1	SINGAPORE	842,826
2	CHINA	571,336
3	INDONESIA	188,196
4	INDIA	159,939
5	MIDDLE EAST	131,808
6	THAILAND	107,522
7	AUSTRALIA	79,114
8	HONG KONG	76,439
9	JAPAN	67,460
10	TAIWAN	56,443

Nota : Statistik disusun dan disediakan oleh Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor (12 Februari 2009)

- b) Strategi Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong dari luar negara dalam pada kita sedang dan akan menghadapi krisis ekonomi sedunia adalah seperti berikut:
- i) Mempergiatkan promosi pelancongan domestik dan luar negara
 - ii) Memberi fokus kepada pasaran pelancongan yang menjadi tumpuan bagi Negeri Selangor seperti kesihatan, pendidikan, homestay, eko pelancongan dan 'Malaysia My Second Home'
 - iii) Bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan Negeri Selangor untuk menawarkan lebih banyak tawaran yang menarik kepada para pelancong
 - iv) Menganjurkan dan mengendalikan beberapa acara bertaraf antarabangsa dengan lebih tumpuan kepada acara MICE
 - v) Merangka beberapa pakej-pakej yang menarik bagi kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa
 - vi) Merencanakan beberapa pengiklanan seperti media cetak dan elektronik mengenai tempat-tempat pelancongan serta acara-acara yang akan dianjurkan oleh Negeri Selangor.
 - vii) Meningkatkan penggunaan laman sesawang pelancongan Negeri Selangor
- c) Jumlah budget yang di peruntukan oleh Kerajaan Negeri dalam menarik penambahan pelancong bagi tahun 2009 ke Negeri Selangor adalah sebanyak RM 3.9 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PENIAGA DAN PEMILIK HARTANAH KERUGIAN

88. Difahamkan kebanyakan peniaga dan pemilik hartanah menghadapi kerugian dan berisiko tinggi dalam masa kelembapan ekonomi sedunia ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengurangkan caj cukai tanah, cukai taksiran tahunan dan memberi diskaun bagi lesen peniagaan?

JAWAPAN :

a) **JAWAPAN DARIPADA PEJABAT TANAH DAN GALIAN**

Kuasa Kerajaan Negeri untuk menyemak kadar cukai tanah adalah tertakluk kepada peruntukan Seksyen 101, Kanun Tanah Negara 1965. Berdasarkan kepada seksyen tersebut, Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat semakan terhadap kadar cukai tanah secara sekali dalam tempoh 10 tahun. Semakan cukai tanah terakhir yang dikuatkuasakan ialah pada tahun 2006. Oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri hanya boleh membuat semakan semula kadar cukai tanah seawalnya pada tahun 2016.

JAWAPAN DARIPADA UPBT

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mengurangkan cukai taksiran tahunan atau memberi diskaun bagi lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi meringankan beban yang perlu ditanggung oleh pemilik premis dan golongan peniaga di Selangor. Kerajaan Negeri memerlukan masa untuk memantau keadaan ini memandangkan kesan kemelesetan ekonomi ini masih di peringkat awal dan sukar untuk meramalkan sejauh mana tahap kemelesetan yang berlaku. Oleh itu, Kerajaan Negeri memerlukan sedikit masa lagi sebelum sebarang tindakan selanjutnya dapat diputuskan.

Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri khuatir sekiranya pengurangan cukai dan diskaun untuk lesen perniagaan dilakukan secara tergesa-gesa, ianya akan menjejaskan pendapatan PBT keseluruhannya. Berdasarkan pemantauan Kerajaan Negeri mengenai prestasi cukai taksiran PBT untuk Januari 2009, secara keseluruhannya peratus kutipan telah menurun sebanyak 18.07 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun 2008. Sekiranya trend kutipan ini berterusan, maka pendapatan PBT di Selangor akan terjejas. Akibatnya segala perancangan pembangunan yang dirancang untuk kesejahteraan rakyat akan turut terjejas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5

89. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan dengan jelas bilakah kerja-kerja membina pemisah jalan dan menambah lampu jalan khususnya dari kilang Bernas menuju ke Balai Bomba Sekinchan akan dijalankan?
- b) Oleh kerana kenderaan yang menggunakan Jalan Persekutuan 5 kian hari kian bertambah, maka dengan itu adakah pihak Kerajaan bercadang menaikkan taraf lampu trafik di simpang empat pekan Sekinchan dengan sistem lampu trafik digital (Timer) yang lebih efektif?

JAWAPAN :

- a) JKR telah pun membuat tawaran untuk memasang pemisah jalan termasuk lampu jalan di Laluan 5 dari Kapar ke Sabak Bernam dalam tahun 2008 yang dianggarkan RM50 juta. Disebabkan masalah kekurangan peruntukan, projek ini tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, JKR akan memohon kepada Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan program ini dengan skala yang lebih kecil iaitu hanya dibuat di seksyen-seksyen yang kritikal yang sering berlaku kemalangan.
- b) Daripada kajian JKR, sistem sedia ada tidak menimbulkan masalah/konflik terhadap aliran lalu lintas semasa. Jika perlu, 'Pusingan masa' akan diubah dari masa ke semasa mengikut keperluan misalnya pada musim perayaan. Sehubungan dengan itu, sistem lampu isyarat berdigital adalah tidak perlu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : MASALAH “JOINT MANAGEMENT BODY” (JMB)

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan masalah biasa yang sering dialami oleh JMB seperti pemotongan air dan elektrik?
- b) Jika tiada langkah yang boleh diambil, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN :

- a) Pemotongan bekalan elektrik berlaku di kawasan pemajuan strata adalah kerana terdapatnya tunggakan bil ke atas penggunaan elektrik di harta bersama. Masalah pemotongan bekalan elektrik tidak berlaku kepada petak (unit rumah) pembeli, berikutan setiap petak mempunyai meter elektrik individu.

Pemotongan bekalan air pula berlaku adalah kerana disebabkan dua perkara berikut:

- **Bagi kawasan pemajuan yang melaksanakan meter air individu**

Isu pemotongan bekalan air berlaku kerana terdapat tunggakan bil bekalan air ke atas harta bersama.

- **Bagi kawasan pemajuan yang melaksanakan meter air pukal**

Isu pemotongan bekalan air berlaku kerana terdapat tunggakan bil bekalan air ke atas harta bersama dan petak-petak pembeli.

Dalam menangani masalah pemotongan bekalan elektrik dan bekalan air tersebut supaya ianya tidak berulang, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan tertentu seperti berikut:

i- Pendekatan Pertama : Pembayaran tunggakan bil elektrik/bil air

Membuat rundingan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) supaya dapat mewujudkan satu pelan pembayaran tunggakan bil elektrik dalam tempoh munasabah yang mampu dibayar oleh JMB.

ii- Pendekatan Kedua : Penukaran nama pemegang meter bekalan elektrik/bekalan airm daripada pemaju kepada JMB

Memantau langkah-langkah pelaksanaan penukaran nama pemegang akaun daripada pemaju kepada JMB bagi memastikan pengurusan pengutipan dan pembayaran bil elektrik lebih efisien.

iii- Pendekatan Ketiga : Pembayaran deposit akaun meter air/meter elektrik bagi harta bersama di bawah JMB

Meminta pemaju menanggungkan penarikan balik deposit meter elektrik harta bersama sehingga JMB berjaya menyelesaikan tunggakan hutang bil elektrik terlebih dahulu seterusnya membuat pembayaran secara ansuran kepada TNB atau SYABAS bagi tujuan deposit meter elektrik/meter air harta bersama. Ini berikutan pemaju juga adalah ahli JMB dan JMC secara automatik dan bersama-sama pembeli memikul tanggungjawab untuk menyenggarakan bangunan dan harta bersama.

Memantau usaha JMB menguruskan pembayaran deposit meter elektrik/meter air harta bersama memandangkan apabila mesyuarat agung Tahunan Pertama Perbadanan Pengurusan (MC) diadakan kelak di mana ahli majlis MC di kalangan pemilik petak akan dilantik, maka urusan penyenggaraan bangunan dan harta bersama secara sepenuhnya akan diambil alih oleh pemilik petak. Maka isu penarikan balik meter deposit meter elektrik oleh pemaju tidak timbul selepas pengambilalihan oleh MC kerana dapat diselesaikan di peringkat awal iaitu semasa di bawah tempoh tanggungjawab JMB.

**iv- Pendekatan Keempat : Pelaksanaan migrasi
akaun meter air pukal kepada
meter air individu**

Memantau usaha-usaha JMB membuat migrasi meter air pukal kepada meter air individu bagi mengelakkan pemotongan air berlaku ke pada kawasan pemajuan terbabit yang turut memberi implikasi kepada pembeli yang menjelaskan bil air mengikut bil penggunaan air di petaknya.


Walau bagaimanapun, terdapat beberapa terma dan peraturan yang telah ditetapkan SYABAS bagi membolehkan migrasi meter air pukal kepada meter air individu dilaksanakan seperti berikut:

- **Permohonan migrasi kepada akaun bekalan air meter individu mesti mendapat persetujuan 100% pembeli di kawasan perumahan bertingkat tersebut.**
- **Sistem bekalan air bagi perumahan bertingkat berkenaan hendaklah mematuhi keperluan-keperluan teknikal SYABAS.**
- **Akaun bekalan air meter pukal bagi perumahan bertingkat terbabit tidak mempunyai tunggakan bil air.**


Selain itu, walaupun pelaksanaan meter air individu memberi faedah kepada pembeli untuk menikmati tarif air di bawah Kod 10 dan kadar air percuma bagi penggunaan di bawah 20 meter padu, tetapi bagi penggunaan harta bersama, tarif Kod 11 tetap dikenakan kerana diklasifikasikan sebagai lain-lain kegunaan selain domestik. Ini adalah kurang adil, kerana lain-lain kegunaan selain domestik adalah merujuk kepada penggunaan komersial sedangkan penggunaan air bagi harta bersama adalah merupakan suatu kemudahan umum yang digunakan bersama oleh pembeli dan tidak dikomersialkan.

b) Tidak berkaitan.

Pemerbedanan Besar (MB)



LAMPIRAN A



PETUNJUK

- Associate Company
- Subsidiary
- Indirect Subsidiary

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANTUAN BAGI WARIS WARGA MAS

91. Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan bantuan bagi waris warga mas dari negeri Selangor yang meninggal dunia.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan?
- b) Apakah cara untuk memastikan peruntukan yang diberi digunakan oleh waris bagi kepentingan si mati?
- c) Apakah kewajaran ditambah lagi RM1500 kepada waris si mati selepas pemberian RM1000?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah mengeluarkan sejumlah RM 2.02 juta bagi membiayai Skim Mesra Usia emas ini di mana sebanyak RM 1.713 juta dikeluarkan untuk peringkat pertama manakala sebanyak RM 315 ribu dibayar untuk peringkat kedua yang bermula pada bulan Februari ini.
- b) Pemberian RM 2500 adalah sebagai bantuan khairat kematian bagi kegunaan waris si mati untuk membiayai segala kos pengebumian oleh peserta skim ini. Terpulang kepada waris si mati untuk menentukan bagaimanakah bantuan ini harus digunakan untuk pengurusan pengebumian yang terbaik untuk peserta yang meninggal. Bantuan ini diberikan adalah untuk meringankan sedikit beban kewangan waris si mati dalam menguruskan jenazah peserta skim ini.
- c) Jumlah sebenar yang diperuntukkan adalah sebanyak RM 2500 kepada peserta skim Mesra Usia Emas. Tujuan RM 1000 diberikan kepada waris si mati dalam tempoh 24 jam adalah untuk membantu waris si mati dalam menyediakan keperluan untuk mengebumikan peserta skim ini sekiranya berlaku kematian ke atas peserta. Baki RM 1500 pula akan diberikan dalam tempoh 60 hari selepas kematian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KONTRAK PEMBERSIHAN KAWASAN ZON-ZON PBT

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menilai kemajuan aktiviti kontrak pembersihan di kawasan zon-zon PBT dan adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi keutamaan dan kepercayaan kepada JKP untuk mengambil alih kontrak pembersihan di kawasan masing-masing yang dilihat lebih berkesan di samping menerapkan sikap bertanggungjawab serta dapat menjana ekonomi penduduk setempat.

JAWAPAN :

- a) Alam Flora Sdn Bhd (AFSB) telah mengambil alih pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor yang melibatkan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam pada tahun 1998 dengan menandatangani perjanjian pengurusan dengan semua PBT kecuali MD Hulu Selangor. Di dalam perjanjian tersebut telah dinyatakan secara jelas bahawa AFSB haruslah mengekalkan standard menyamai standard yang telah digunapakai oleh PBT.

Selain daripada itu, sekiranya AFSB gagal menjalankan mana-mana aktiviti seperti di dalam skop kerja yang telah ditetapkan, PBT akan mengeluarkan *Notice To Correct* (NTC) dengan menyatakan kegagalan yang telah berlaku berserta lokasi di mana kegagalan telah berlaku dan AFSB hendaklah mengatasi kegagalan tersebut dalam masa 24 jam dari masa NTC itu diterima atau apa-apa tempoh yang telah dipersetujui oleh PBT.

Sekiranya AFSB gagal mengatasi kegagalan yang telah berlaku di dalam tempoh yang ditetapkan, maka PBT boleh melantik mana-mana pihak untuk mengambil alih mengatasi masalah yang telah berlaku dan kos tersebut akan ditanggung oleh AFSB di mana pembayaran bulanan akan dipotong.

Selain dari itu, aduan awam juga dinilai untuk menanda aras prestasi AFSB. Bagaimanapun ia bukanlah merupakan sesuatu penanda aras yang konkrit kerana ketulenan aduan itu harus disahkan oleh PBT. Mana-mana aduan yang tulen dari kegagalan AFSB mematuhi perjanjian, maka NTC akan dikeluarkan mengikut kaedah seperti yang dinyatakan di atas.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melibatkan JKP di dalam urusan pelantikan kontraktor pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor. Ini adalah disebabkan AFSB telah dipilih dan diberi mandat untuk memilih kontraktor yang bersesuaian berdasarkan pengalaman mereka yang luas dan profesional. Pemilihan dan pelantikan kontraktor-kontraktor perlu memenuhi kriteria yang ketat dan terperinci untuk memastikan mereka benar-benar berwibawa untuk melaksanakan kontrak dan memberikan perkhidmatan yang terbaik di kawasan yang ditugaskan kepada mereka.

Bagaimanapun, JKP masih memainkan peranan mereka dengan memantau kerja-kerja yang dijalankan oleh AFSB dan kontraktor-kontraktor lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PELABURAN DI SELANGOR

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Satu senarai pelabur tempatan dan asing yang telah dan bakal melabur di Selangor dalam tempoh satu tahun yang lalu dengan huraian terhadap nilai, lokasi, jenis pelaburan dan bilangan peluang pekerjaan yang dapat dijana.
- b) Apakah hasil daripada lawatan kajian ke Taiwan pada akhir tahun lalu?

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2008 sebanyak **302 projek** perkilangan telah diluluskan di negeri Selangor oleh MIDA/MITI dengan nilai pelaburan berjumlah RM **11,870,910,013**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 2,866,163,788** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 9,004, 746,225** adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak **30,980** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Pecahan pelaburan mengikut daerah/lokasi adalah seperti berikut;-

Kawasan / Daerah	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling					
Sungai Way FTZ / Seri Setia FTZ	3	8,223	32,682,537	2,502,987,463	2,535,670,000
Seri Kembangan IE	1	81	1,194,033	0	1,194,033
Petaling Jaya	7	148	5,636,680	29,578,800	35,215,480
Puchong	22	764	87,184,481	31,081,638	118,266,119
Sungai Buloh Kuala Lumpur	7	959	57,409,274	10,224,803	67,634,077
Seri Kembangan / Serdang	8	455	64,258,536	39,819,077	104,077,613
Serdang					0
Shah Alam Sect. 23 IE	1	0	7,132,195	0	7,132,195
Subang Hi-Tech Ind. Park	1	38	67,288,480	0	67,288,480
Shah Alam Sect. 16 IE	3	236	18,623,773	341,430	18,965,203
Batu Tiga					0
Damansara	1	9	400,000	0	400,000
Paya Jaras					0
Shah Alam Ph. IX (MIEL)					0

Subang	15	1,278	86,160,498	112,341,196	198,501,694
Hicom Valley	10	493	72,749,936	162,419,497	235,169,433
Berjaya Industrial Park					0
Sungai Buloh Kuala Selangor	8	690	72,286,299	1,447,764	73,734,063
Shah Alam	47	2,956	229,747,707	1,714,591,612	1,944,339,319
Jumlah	134	16,330	802,754,429	4,604,833,280	5,407,587,709
Klang					
Klang	36	3,655	704,487,600	83,045,596	787,533,196
Pelabuhan Klang	19	1,193	332,665,542	224,255,526	556,921,068
Pandamaran IE	4	89	38,750,000	38,750,000	77,500,000
Pandamaran Selat Kelang Utara IE	4	298	21,027,481	0	21,027,481
Rantau Panjang Kelang	1	65	1,400,000	0	1,400,000
Kapar	3	352	39,882,544	0	39,882,544
Bukit Rajah IE	2	0	0	6,071,000	6,071,000
Pulau Lumut / Pulau Indah	11	282	79,749,940	81,818,980	161,568,920
Taiwan Industrial Park (SKU) IE					0
Jumlah	80	5,934	1,217,963,107	433,941,102	1,651,904,209
Kuala Selangor					
Kuala Selangor Jeram					0
Tanjung Karang Batang Berjuntai / Bestari Jaya	3	396	21,529,158	117,320,000	138,849,158
Jumlah	3	396	21,529,158	117,320,000	138,849,158
Hulu Langat					
Bangi IE (Ph. 1 & Ph. 2)					0
Hulu Langat Cheras Jaya IE / Inch Kenneth / Balakong	3	119	21,364,175	5,753,418	27,117,593
Balakong IE	2	218	3,384,000	23,134,329	26,518,329
Bangi	4	75	21,351,796	33,978,984	55,330,780
Kajang	4	240	5,124,902	22,650,655	27,775,557
Beranang	1	41	13,323,634	0	13,323,634
Cheras	2	469	8,914,356	0	8,914,356
Beranang IE	7	541	261,433,531	498,748	261,932,279
Balakong	3	77	34,435,280	0	34,435,280
Semenyih	7	389	93,319,939	1,321,604	94,641,543
Jumlah	33	2,169	462,651,613	87,337,738	549,989,351

Gombak					
Batu Caves	5	106	4,522,964	542,000	5,064,964
Batu Caves IE	1	0	185,444	530,556	716,000
Gombak	1	28	5,054,335	0	5,054,335
Selayang	1	42	10,200,000	0	10,200,000
Ampang Hulu					
Klang FTZ	1	2,464	10,939,250	575,750	11,515,000
Ampang Hulu					
Klang IE					0
Batu Arang					0
Rawang IE	7	400	117,618,754	113,730,275	231,349,029
Rawang Batu 16	4	497	18,722,410	15,326,324	34,048,734
Rawang	6	266	25,412,174	16,782,375	42,194,549
Jumlah	26	3,803	192,655,331	147,487,280	340,142,611
Kuala Langat					
Telok Panglima					0
Garang FTZ					0
Banting	3	199	0	612,774,800	612,774,800
Olak Lempit - Kuala					
Langat	1	113	0	62,500,000	62,500,000
Telok Panglima					
Garang IE					0
Banting IE					0
Jenjarom	1	75	25,332,952	3,131,039	28,463,991
Kuala Langat	1	55	15,630,000	0	15,630,000
Tanjung Sepat					0
Telok Panglima					
Garang	7	598	53,988,907	92,036,500	146,025,407
Pulau Carey					0
Jumlah	13	1,040	94,951,859	770,442,339	865,394,198
Hulu Selangor					
Sungai Choh					
Rawang-Hulu					
Selangor	1	26	4,489,031	4,489,031	8,978,062
Batang Kali					0
Kelumpang Ulu					0
Selangor					0
Serendah	1	107	34,650,000	0	34,650,000
Batang Kali Ph. II					0
(MIEL)					0
Kerling					0
Rasah	1	76	0	136,540,000	136,540,000
Jumlah	3	209	39,139,031	141,029,031	180,168,062

Sepang					
Sepang					0
Dengkil	1	5	0	9,940,315	9,940,315
Selangor Science Park II	1	808	0	2,625,000,000	2,625,000,000
Jumlah	2	813	0	2,634,940,315	2,634,940,315
Sabak Bernam					
Sekinchan					0
Sabak Bernam	1	33	2,148,400	0	2,148,400
Sungai Besar					0
Jumlah	1	33	2,148,400	0	2,148,400
Lain-lain Kawasan	7	253	32,370,860	67,415,140	99,786,000
Jumlah Keseluruhan	302	30,980	2,866,163,788	9,004,746,225	11,870,910,013

Manakala pecahan pelaburan mengikut industri adalah seperti berikut:-

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Food Manufacturing	31	1,651	387,433,956	388,677,650	776,111,606
Beverages & Tobacco	1	129	20,339,798	56,385,202	76,725,000
Textiles & Textiles Product	6	570	11,319,064	52,525,529	63,844,593
Wood & Wood Products	6	331	115,529,856	1,196,640	116,726,496
Furniture & Fixtures	22	2,399	110,962,241	16,382,079	127,344,320
Paper, Printing & Publishing	12	1,185	119,478,043	23,022,013	142,500,056
Chemicals & Chemicals Products	20	877	390,883,705	585,035,378	975,919,083
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	3	78	8,801,940	596,230,000	605,031,940
Rubber Products	15	2,151	180,206,197	65,982,241	246,188,438
Plastic Products	21	1,107	203,599,067	77,619,910	281,218,977
Non-Metallic Mineral Products	7	496	61,594,642	249,546,602	311,141,244
Basic Metal Products	15	995	343,487,330	900,417,627	1,243,904,957
Fabricated Metal	34	1,670	153,620,315	152,932,926	306,553,241

Products					
Machinery & Equipment	44	2,145	346,011,085	269,137,629	615,148,714
Electronics & Electrical Products	27	13,059	89,689,939	5,381,546,034	5,471,235,973
Transport Equipment	30	1,635	271,872,300	177,426,422	449,298,722
Scientific & Measuring Equipment	3	163	16,909,050	5,325,000	22,234,050
Lain-lain	5	339	34,425,262	5,357,342	39,782,604
Jumlah	302	30,980	2,866,163,790	9,004,746,224	11,870,910,014

Sumber : MIDA

- b) Misi Pelaburan dan Perdagangan Negeri Selangor ke Taiwan telah diadakan **pada 14hb hingga 21hb. Disember 2008 yang lalu** merupakan satu usaha Kerajaan Negeri Selangor bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor dan seterusnya menarik pelabur-pelabur baru dari Taiwan untuk melabur dalam sektor industri perkilangan, ICT, pertanian, penternakan dan perkhidmatan.

Delegasi diketuai oleh Y.B. Teresa Kok Suh Sim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Negeri Selangor. Selain itu, misi ini juga disertai oleh Y.B. Tuan Haji Yaakob Sapari, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor bersama Y.B. Tuan Ng Suee Lim, ADUN Kawasan Sekinchan, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri, anak-anak syarikat Kerajaan Negeri serta beberapa syarikat swasta.

Sepanjang misi ini pelbagai program telah diadakan antaranya ialah :

- i) Seminar Peluang-Peluang Pelaburan di Selangor dan Taipei County.
- ii) Lawatan dan kunjungan hormat ke Pejabat-pejabat Kerajaan Taiwan seperti *Small & medium Enterprises Administration, Ministry of Economic Affairs, National Association of Small & Medium Enterprises, Taiwan External Trade Development Council (TAITRA)* dan *Department of Investment Services, Ministry of Economic Affairs*.
- iii) Lawatan ke Pusat-pusat Penyelidikan & Pembangunan (R&D) dan Taman-Taman Sains di Taiwan seperti *Nankang Software Park, Industrial Technology Research Institute (ITRI), Food Industry Research & Development Institute, ITRI Biomedical Research Lab, Central Taiwan Science Park, Tainan District Agricultural Research & Extension Station, Livestock Research Institute* dan *Marine Biotech Lab, Research Center of Orcan Environment & Technology, National Cheng Kung University*.
- iv) Lawatan ke syarikat-syarikat Taiwan seperti OPTI International Corporation, Phison Electronic Corporation dan Changs Ascending Enterprise Co. Ltd. dan TECO.

- v) Lawatan ke sektor pertanian dan perikanan seperti lawatan ke You & Me fruit farm di Taichung, Taiwan Orchid Plantation dan lawatan ke tanaman padi di Tainan.

Beberapa syarikat dari Selangor telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) dan mengadakan kerjasama dalam beberapa projek bersama pihak Taiwan antaranya ialah :

- i). Syarikat I-City Properties dan TECO dari Taiwan telah menandatangani MoU bagi mereka mendirikan sebuah pusat R&D di projek pembangunan I-City di Shah Alam, di samping melabur dalam projek jana kuasa tenaga alternatif iaitu tenaga angin dan tenaga solar. **Jumlah pelaburan yang dicadangkan RM100 juta.**
- ii). Dewan Perdagangan & Perindustrian Cina Klang (KCCCI) dan Rich International Corporation dari Taiwan telah menandatangani MoU bertujuan untuk mempromosikan Industri Pelancongan di Selangor dan Taiwan di samping usaha sama bagi menggalakkan industri pelancongan.
- iii). Taiwan Hoist & Crane Co. Ltd. dan Top-Mech Group telah menandatangani MoU bagi meningkatkan kerjasama perniagaan, pertukaran maklumat serta pengembangan perniagaan di antara kedua-dua syarikat.
- iv). LB Confectionery Sdn. Bhd. dan Ray Fu Sean Co. Ltd. dari Taiwan. telah menandatangani MoU di mana syarikat Ray Fu Sean Co. Ltd. **akan membeli produk makanan bernilai RM1.2 juta** daripada syarikat LB Confectionery Sdn. Bhd. dalam masa setahun dari tarikh MOU ditandatangani.
- v). Sebuah syarikat tempatan iaitu Oasis Long Marine Bio-Tech Sdn. Bhd. berhasrat mengadakan kerjasama dengan saintis dari Marine Biotech Lab, Research Centre of Orcan Environment & Technology National Cheng Kung University dan rakan kongsi Taiwan dalam usaha penternakan ikan kerapu di Selangor. Jumlah pelaburan dalam projek ini dianggarkan sekitar **RM40 juta** dan lokasi yang dicadangkan bagi projek penternakan ikan ini adalah di kawasan sekitar pantai di Kuala Selangor hingga ke Sabak Bernam.
- vi). Syarikat Numac Machinery Sdn. Bhd. bersama Simpson Biotech dan Long Sheng Environmental Management Co. dari Taiwan sedang dalam usaha sama teknikal dan komersil bagi membangunkan bidang bioteknologi dalam pengurusan najis/sisa di ladang khinzir dan pengurusan sisa pepejal.
- vii). Syarikat DNA Laboratories Sdn. Bhd. turut bercadang mengadakan kerjasama dengan ITRI Bio Medical Research Lab, Agriculture Research & Extension Station, NDMC dan Asia Gen bagi usaha sama dalam Pelesenan dan Hak cipta serta pembangunan produk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN, AHLI MAJLIS DAN JAWATANKUASA
KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Namun demikian, terdapat keluhan dan rungutan dari pihak kontraktor berkenaan kelewatan pembayaran oleh PBT ke atas kerja-kerja yang telah disiapkan dan terpaksa menunggu masa yang lama.
 - b) Peranan Ahli Majlis adalah sebagai pemantau integriti dan akauntabiliti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, sejauh mana keberkesanan ahli majlis yang sedia ada dan apakah kriteria khusus dalam mempertimbangkan semula untuk menyambung kontrak ahli majlis.
 - c) Adakah kesemua tapak pasar pagi dan malam dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) sahaja dan hanya kerja-kerja kebersihan dilakukan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Bagaimana sekiranya ada pihak-pihak tertentu seperti persatuan penduduk atau persatuan penjaja ingin mengendalikan sesebuah tapak pasar pagi atau malam dan pulangan dapat dinikmati oleh penduduk setempat.

JAWAPAN :

- a) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini.**
- b) Sehingga kini, majoriti Ahli Majlis PBT yang dilantik oleh Kerajaan Negeri telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, berkesan serta amat memuaskan kerana inisiatif melalui pembahagian zon serta mewujudkan pejabat Ahli Majlis memudahkan penduduk mengenali dan menyampaikan aduan terus kepada Ahli Majlis yang dilantik di sesebuah zon. Walau bagaimanapun, hanya terdapat segelintir Ahli Majlis sahaja yang kurang aktif dalam penyampaian perkhidmatannya yang mungkin perlu diberi lebih pendedahan mengenai peranan sebagai Ahli Majlis.

Bagi pelantikan semula Ahli-ahli Majlis PBT, Kerajaan Negeri akan menilai dan menimbang sama ada perkhidmatan mereka akan di sambung ataupun tidak berdasarkan aspek-aspek seperti kehadiran Ahli Majlis ke Mesyuarat di PBT dan keaktifan seseorang Ahli Majlis dalam menghubungkan di antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan penduduk setempat melalui laporan prestasi yang dikemukakan oleh Datuk Bandar / Yang Dipertua Majlis dan juga semua Ahli Dewan Undangan Negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menitik beratkan Ahli-ahli Majlis berkenaan bebas dari rekod jenayah, bersih dari Badan Pencegah Rasuah dan tidak bankrap.

- c) Berdasarkan keputusan yang telah dikeluarkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bilangan 1/2009 yang diadakan pada 29 Januari 2009, fi sewa tapak pasar pagi dan pasar malam yang merangkumi fi pembersihan sampah hanya boleh dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan sahaja manakala pengurusan pembersihan tapak akan dibuat oleh JKKK, Persatuan Penduduk dan persatuan penjaja.

Sehubungan dengan itu, semua Pihak Berkuasa Tempatan Selangor telah diminta supaya tidak mengenakan caj-caj lain atau membenarkan pihak ketiga untuk membuat sebarang kutipan bayaran terhadap peniaga pasar pagi dan pasar malam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : IBU TUNGGAL

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila kemukakan nama persatuan ibu tunggal yang telah didaftarkan mengikut pecahan daerah atau DUN.
 - b) Berapakah bilangan ibu tunggal yang telah didaftarkan mengikut pecahan daerah atau DUN.
 - c) Apakah program-program yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi membantu ibu tunggal?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor amat mengalu-alukan sumbangan yang telah diberikan oleh persatuan-persatuan Ibu Tunggal di dalam Negeri Selangor. Di samping menjaga kebajikan Ibu Tunggal, persatuan-persatuan ini juga menjadi tempat untuk mendapatkan informasi mengenai bantuan-bantuan serta maklumat terkini yang disampaikan oleh Kerajaan Negeri.

Berikut adalah persatuan Ibu Tunggal mengikut pecahan daerah Yang mendaftar dengan Kerajaan Negeri Selangor sehingga 2008.

Bil	Persatuan	Daerah
1	Persatuan Ibu Tunggal Selangor, Lot 9, Aras 2, Menara UBSA, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40100 Shah Alam.	Petaling
2	Pertubuhan Ibu Tunggal Islam W. Persekutuan/Selangor (PITI), No. 41-15-09 Projek Perumahan Rakyat Gombak Setia, 53100 Kuala Lumpur	Gombak
3	Persatuan Ibu Tunggal Nur Hidayah, No. 275C, Jln. Bandar 11, Tmn. Melawati, 53100 Kuala Lumpur.	Gombak
4	Persatuan Ibu Tunggal Mutiara, Kuala Lumpur, 1901, Tkt.7 Wisma High (West Point), Jln. Wangsa 7, Bkt. Antarabangsa. 68000 Ampang, Selangor.	Gombak

5	Persatuan Ibu Tunggal Mawar Sugi, Tanjong Karang, Lot 4575, Jln. Kemudi, Kg. Seri Tiram Jaya, 45500 Tanjong Karang	Kuala Selangor
6	Persatuan Anak-Anak Yatim Dan Ibu Tunggal Kampung Medan No.9 Lorong PJS 2C/11C, Taman Sri Medan, 46000 Petaling Jaya, Selangor	Petaling
7	Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Malaysia Kompleks Penghulu Mukim Cheras, Batu 10, Jalan Cheras, 43200 Kajang, Selangor	Hulu Langat
8	PERTIWI - Pertubuhan Tindakan Wanita Islam No 36, Jalan SS 3/53, Taman Subang, 47300 Petaling Jaya, Selangor	Petaling
9	Persatuan Ibu Tunggal Melati Putih 41-18-23, Projek Perumahan Rakyat, Batu 5, Gombak Setia, 53100 Kuala Lumpur	Gombak
10	Kelab Ibu Tunggal No 2 Lorong Perak, Taman Melawati, 50300 Kuala Lumpur	Gombak

Walau bagaimanapun terdapat banyak penglibatan dari NGO-NGO wanita yang turut terlibat membantu kaum ibu tunggal sebagai fokus didalam program-program tahunan mereka .

- b) Berdasarkan kepada Portal E-Bu yang telah dilancarkan pada Bulan Ogos 2008, data sehingga 2 Mac 2009 terdapat seramai 14966 Ibu Tunggal yang telah berdaftar. Berikut adalah pecahan jumlah Ibu Tunggal berdasarkan daerah:-
- c) Demi memastikan golongan Ibu Tunggal berada seiring dengan pembangunan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri sentiasa memberikan galakan dan bantuan kepada mereka. Antara bantuan tersebut adalah:-

i. Bantuan Usahawan

Bantuan ini dibuka kepada semua kaum Ibu Tunggal tidak mengira. Dalam memastikan golongan ini mampu menjana pendapatan

Bil	Daerah	Jumlah
1	Klang	1435
2	Kuala Langat	1577
3	Kuala Selangor	1838
4	Sabak Bernam	2310
5	Hulu Langat	2121
6	Hulu Selangor	1716
7	Petaling	1219
8	Gombak	2322
9	Sepang	428
Jumlah		14966

mereka, bantuan dari segi peralatan serta asas kemahiran diberikan untuk memajukan diri serta perusahaan akan dilaksanakan.

ii. Bantuan Pinjaman Perniagaan Ibu Tunggal

Sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam membantu golongan ini, bantuan pinjaman akan disalurkan kepada mereka yang layak dalam usaha membantu mereka untuk memulakan perusahaan dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka. Tidak kira dari apa jua bidang perusahaan yang diceburi, selagi ianya mampu meningkatkan taraf ekonomi kaum Ibu Tunggal ini. Dana yang diperuntukkan mengikut keperluan Ibu Tunggal tersebut.

- iii. Kursus Keusahawanan dan Kemahiran**
Kerajaan Negeri Selangor bersama-sama dengan agensi di bawahnya serta beberapa agensi bukan kerajaan (NGO) sering menjalankan kursus kepada kaum Ibu Tunggal. Ini adalah untuk memastikan kaum ini dapat seiring dalam menjana sumber pendapatan mereka dan meningkatkan lagi taraf hidup mereka. Kursus yang diberikan adalah kompeten dan mampu menjadikan Ibu Tunggal berdaya saing di dalam mengharungi ketidaktentuan ekonomi masa hadapan.
- iv. Mewujudkan Rangkaian Ibu Tunggal Di Setiap DUN**
Sebagai wakil yang telah diamanahkan, rakyat menjadikan Adun sebagai suatu tempat dan sumber untuk mendapatkan maklumat dan bantuan. Oleh demikian, dengan mewujudkan rangkaian wakil di setiap DUN, segala informasi & program dapat disampaikan secara terus daripada kerajaan negeri kepada Ibu Tunggal yang memerlukan.
- v. Bantuan Pendidikan Anak**
Demi memastikan taraf hidup keluarga ibu tunggal dapat ditingkatkan, kerajaan negeri memastikan tahap pendidikan anak-anak di dalam keluarga ibu tunggal ditingkatkan. Untuk jangka masa yang panjang, peningkatan taraf hidup keluarga ini dapat dilakukan melalui perolehan sumber pendapatan yang selesa dengan taraf pendidikan yang sempurna anak-anak mereka kelak.
- vi. Menjalankan Promosi Portal E-Bu**
Teknologi maklumat menjadi semakin penting kepada kita semua. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah mewujudkan suatu portal data dan penyampaian maklumat kepada golongan ini. Melalui portal E-Bu, kaum Ibu Tunggal mampu mendapatkan maklumat dari pihak kerajaan negeri serta memberikan maklum balas dengan segera kemudahan untuk memastikan pendaftaran Ibu Tunggal dapat dibuat dengan mudah.
- vii. Penubuhan Sekretariat Majlis Permuafakatan Wanita Selangor**
Memandangkan Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor (iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Wanita) tidak lagi memberikan perkhidmatan dan kerjasama kepada portfolio wanita, maka penubuhan sekretariat Majlis Permuafakatan Wanita Selangor adalah wajar.
- Sekretariat MPWS ini merupakan Sebagai suatu jawatankuasa penggerak kerja dalam menguruskan Hal Ehwal Wanita (HEWA) Selangor di bawah EXCO Wanita. Penubuhan sekretariat ini mampu untuk memberikan dan menyampaikan segala maklumat serta memastikan pelancaran program-program pembangunan wanita di Negeri Selangor amnya dan golongan Ibu Tunggal khasnya dapat di laksanakan dengan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : MEMULIHKAN PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

96. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan proses yang sedang dan akan diambil untuk memulihkan pilihanraya kerajaan tempatan?
- b) Siapakah yang telah dipilih menjadi ahli jawatankuasa?
- c) Apakah masalah-masalah yang dihadapi untuk memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kajian dan Penyelidikan telah memperuntukkan RM20,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu) untuk tujuan kajian pelaksanaan Pilihan raya Kerajaan Tempatan. Kajian ini dijangka selesai pada penghujung Mac 2009 dan akan dibincangkan di peringkat Kerajaan Negeri.
- b) Buat masa ini, pelantikan jawatankuasa masih belum dilaksanakan kerana kajian masih di peringkat pelaksanaan. Melalui hasil kajian yang telah dibuat, pelantikan jawatankuasa akan dilaksanakan berdasarkan fungsi dan keperluan agar objektif untuk melaksanakan Pilihan raya Kerajaan Tempatan akan tercapai.
- c) Masalah utama yang dihadapi untuk memulihkan Pilihan raya Kerajaan Tempatan ialah kekangan undang-undang di bawah seksyen 15 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) secara jelas dinyatakan Pilihan raya Kerajaan Tempatan tidak dibenarkan. Oleh itu, untuk melaksanakan Pilihan raya Kerajaan Tempatan, pindaan kepada seksyen 15 Akta 171 ini perlu dibuat di peringkat Parlimen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : BANJIR

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang digunakan untuk mengatasi masalah banjir di Selangor sejak bulan Mac2008 mengikut daerah dan lokasi?
- b) Apakah perancangan kerajaan negeri supaya masalah banjir dapat ditangani dengan lebih bersistem dan secara holistik? Huraikan.

JAWAPAN :

- a) Jumlah peruntukan bagi program mencegah banjir pada tahun 2008 sebanyak RM 46.124 juta manakala bagi tahun 2009, sebanyak RM 44.98 juta. Agihan peruntukan mengikut daerah adalah seperti berikut :

DAERAH	RANCANGAN MENCEGAH BANJIR DAN KERJA-KERJA KECIL 2008 (RM) JUTA	RANCANGAN MENCEGAH BANJIR DAN KERJA-KERJA KECIL 2009 (RM) JUTA
Petaling	5.538	7.150
Gombak	6.896	2.550
Klang	6.718	8.050
Kuala Langat	12.464	2.150
Hulu Langat	6.011	14.250
Selangor	2.000	4.160
Kuala Selangor	1.400	5.060
Hulu Selangor	4.700	0.650
Sabak Bernam	0.390	0.560
JUMLAH	46.124	44.98

- b) Di dalam RMK10 pendekatan Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani masalah banjir adalah seperti berikut :
 - i) Menggunakan konsep pengurusan lembangan sungai bersepadu atau 'Intergrated River Basin Management' (IRBM),
 - ii) Menyediakan Pelan Induk Saliran Banjir untuk bandar-bandar utama.

Setakat ini, Pelan Perancangan Mencegah Banjir Sg. Klang, Pelan Induk Saliran Bandar untuk Daerah Klang dan Bandar Sg. Buloh sudah disiapkan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke 10, Pelan Perancangan Pembangunan Sungai Selangor yang merangkumi Sg. Kanching, Sg. Rawang, Sg. Kuang, Sg. Kundang, Sg. Sembah dan anak-anak sungainya serta Pelan Induk Saliran Bandar Rawang akan dilaksanakan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

What is Integrated River Basin Management (IRBM)?

"Integrated river basin management (IRBM) is the process of coordinating conservation, management and development of water, land and related resources across sectors within a given river basin, in order to maximize the economic and social benefits derived from water resources in an equitable manner while preserving and, where necessary, restoring freshwater ecosystems."

What is Integrated Water River Basin (IWRM)?

The Global Water Partnership defines IWRM as follows:

"Integrated water resources management is a process, which promotes the coordinated development and management of water, land and related resources in order to maximize the resultant economic and social welfare in an equitable manner without compromising the sustainability of vital ecosystems" (GWP, 2000).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KETIGA
(BAJET) PENGGAL PERTAMA KE-12 TAHUN 2008 YANG TIDAK DIJAWAB**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila beri sebab-sebab mengapa adanya sebahagian daripada soalan-soalan bertulis bagi Mesyuarat Ketiga yang lepas (Oktober 2008) yang tidak dijawab /tidak mempunyai jawapan.

JAWAPAN :

- a) Pejabat Dewan Undangan Negeri bertanggungjawab sebagai penyelaras bagi setiap soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. ADUN Selangor. Bagi setiap soalan-soalan yang dikemukakan, melalui Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan yang dipengerusikan oleh YB Tuan Speaker telah ditetapkan satu jangka masa untuk soalan-soalan tersebut dijawab oleh jabatan-jabatan yang berkenaan iaitu sebelum tarikh persidangan. Oleh yang demikian, pentadbiran ini hanya akan dapat mengedarkan jawapan bagi soalan-soalan yang dikemukakan setelah menerima jawapan daripada jabatan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : LANTIKAN BARU AHLI MAJLIS KERAJAAN TEMPATAN

99. Difahamkan terdapat banyak Ahli Majlis Kerajaan Tempatan lantikan baru di Selangor tidak jelas dengan tanggungjawab dan peranan yang mereka patut lakukan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah kerajaan negeri menyediakan kursus latihan atau seminar untuk menambahkan pengetahuan atau pendedahan para ahli majlis agar mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik?
- b) Apakah tindakan yang diambil terhadap Ahli Majlis yang melakukan kesilapan atau menyalahgunakan kuasa dalam melaksanakan tugas harian?

JAWAPAN :

- a) Pada awal pelantikan, Kerajaan Negeri telah pun menyediakan kursus kepada setiap Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan di Institut Latihan PBT, Morib, Kuala Langat di mana kursus tersebut merangkumi keseluruhan tatacara pengurusan dan pentadbiran PBT dengan tujuan bagi menambah pengetahuan kepada Ahli-Ahli Majlis dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik. Berikut adalah bilangan Ahli-Ahli Majlis yang mengikuti kursus tersebut sebanyak 7 siri:-

BIL	PERKARA	BILANGAN KEHADIRAN
1	Siri Pertama	49
2	Siri Kedua	35
3	Siri Ketiga	43
4	Siri Keempat	46
5	Siri Kelima	41
6	Siri Keenam	26
7	Siri Ketujuh	30
Jumlah Keseluruhan		270

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif dengan memberi pendedahan melalui Pembentangan Kertas Kerja semasa penganjuran bagi Persidangan Ahli Majlis PBT Selangor serta Pelaksanaan Seminar Kesedaran Integriti dan Pencegahan Rasuah Negeri Selangor yang melibatkan semua Ahli Majlis.

Untuk makluman, Pihak Berkuasa Tempatan juga turut membantu menyediakan beberapa kursus untuk memantapkan lagi pengetahuan dan juga pemahaman Ahli Majlis sepanjang perkhidmatan.

- b) Setiap Ahli Majlis yang melakukan kesilapan atau menyalah guna kuasa dalam melaksanakan tugas harian akan di ambil tindakan melalui siasatan oleh Jawatankuasa Khas oleh Kerajaan Negeri dengan syarat aduan ke atas seseorang Ahli Majlis berkenaan diterima secara bertulis serta lebih komprehensif bagi memudahkan siasatan dilaksanakan. Sekiranya Ahli Majlis tersebut didapati bersalah, maka perkhidmatannya akan terhenti serta-merta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR

100. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan perkembangan terkini proses penstrukturan semula anak syarikat Negeri Selangor secara terperinci.
- b) Sila senaraikan nama-nama dan latar belakang Pengurus Syarikat yang baru dilantik serta apakah kriteria yang diguna pakai dalam konteks tersebut?
- c) Sila senaraikan jumlah bilangan anak syarikat Negeri Selangor yang masih mengalami kerugian dan huraikan apakah punca sebenar keadaan sedemikian terus berlaku?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PEMBAYARAN CUKAI TANAH OLEH PEMEGANG KONSESI
LEBUHRAYA**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan pemegang konsesi lebuhraya di Selangor yang masih mempunyai hutang cukai tanah yang belum dijelaskan.
- b) Sila beri butir-butir hutang tersebut (jika ada).

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PEMILIHAN AJK MASJID

102. Proses pemilihan Ahli Jawatankuasa Masjid kini sedang dijalankan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kaedah pemilihan yang ditentukan?
- b) Adakah kaedah pemilihan memuaskan hati ahli kariah?
- c) Apakah yang diharapkan hasil dari pemilihan?

JAWAPAN :

- a) Kaedah pemilihan Pegawai dan Jawatankuasa masjid dilaksanakan secara syura oleh anak kariah dengan cara undian angkat tangan atau undian sulit.
- b) Secara umumnya, kaedah pencalonan ini dapat memuaskan keseluruhan anak kariah memandangkan calon yang dikemukakan adalah berdasarkan pilihan anak kariah yang bersesuaian dengan ciri-ciri yang ditentukan.
- c) Kerajaan mengharapkan agar ketelusan, rasa amanah dan bertanggungjawab dapat dipupuk dalam diri Pegawai dan Jawatankuasa serta anak kariah dalam mengurus dan mentadbir masjid.

Pentadbiran masjid perlu diurus oleh anak kariah yang lebih layak dan memahami tanggungjawab mengimarahkan masjid sebagai tulang belakang kemajuan dan perpaduan umat Islam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KUTIPAN CUKAI TANAH

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah kutipan cukai tanah yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2004 sehingga sekarang dan berapakah jumlah terkini tunggakan yang dicatatkan.

JAWAPAN :

- a) Jumlah terkini tunggakan yang dicatatkan adalah **RM406,221,913.78**

Tahun	Cukai Tanah Semasa	Tunggakan	Keseluruhan
2004	RM 247,540,073.01	RM 103,471,456.85	RM 351,011,529.86
2005	RM 257,283,769.57	RM 44,464,974.77	RM 301,748,744.34
2006	RM 318,575,904.89	RM 74,934,801.55	RM 393,510,706.44
2007	RM 309,209,502.07	RM 77,421,349.00	RM 386,630,851.07
2008	RM 335,984,510.43	RM 99,239,491.34	RM 435,224,001.77
2009 (sehingga 31 Jan 2009)	RM 29,788,510.60	RM 6,689,840.27	RM 36,478,350.87
JUMLAH	RM1,498,382,270.57	RM406,221,913.78	RM 1,904,604,184.35

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : SENARAI TANAH DIBERI HAK MILIK DAERAH PETALING

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Satu senarai lot tanah yang telah diberi hak milik kekal dan sementara di Daerah Petaling untuk setahun yang lalu.
- b) Nyatakan pemohon-pemohon tanah yang dimaksudkan itu.

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah jumlah hak milik/Lot yang terdapat di Daerah Petaling selama setahun :

HAKMILIK PEJABAT PENDAFTARAN

HS(D)	=	9,542 Hakmilk
GERAN	=	12,735 Hakmilk
PAJAKAN NEGER	=	10,016 Hakmilik
JUMLAH	=	32,293 HAKMILIK

HAKMILK PEJABAT TANAH

HS(D)	=	534 Hakmilk
GERAN MUKIM	=	769 Hakmilik
PAJAKAN MUKIM	=	5,714 Hakmilik
JUMLAH	=	7,017 HAKMILIK

- b) Pihak Y.B. boleh merujuk kepada Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar Hak milik Negeri (PHN) melalui Carian Rasmi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PERTINGKATKAN PENGURUSAN MRR2

105. Penyelenggaraan Jalan Lingkaran Tengah II atau MRR2 tidak menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri Selangor. Tetapi agensi yang terlibat dalam mengurus, menyelia dan menyenggara MRR2 di Negeri Selangor adalah Jabatan Kerja Raya Selangor (JKR Daerah Petaling, Gombak dan Hulu Langat), :

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan kos yang ditanggung (jika ada) oleh JKR Daerah Petaling, JKR Gombak dan JKR Hulu Langat.
- b) Pihak manakah yang menanggung kos mengurus, menyelia dan menyenggara MRR2 di Negeri Selangor adalah Jabatan Kerja Raya Selangor (JKR Daerah Petaling, Gombak dan Hulu Langat).
- c) Jika kerja-kerja mengurus, menyelia dan menyenggara MRR2 yang dilakukan oleh JKR Daerah Petaling, JKR Gombak dan JKR Hulu Langat dibayar oleh dana Persekutuan, bagaimanakah bayaran ini dilakukan.

JAWAPAN :

- a) Jalan Lingkaran Tengah II atau MRR2 adalah merupakan laluan utama Persekutuan yang menghubungkan Selangor dan Wilayah Persekutuan. Panjang jalan tersebut adalah 39.9 kilometer iaitu 20.54 kilometer di Negeri Selangor dan 16.26 kilometer di Wilayah Persekutuan. Pihak yang menanggung kos mengurus, menyelia dan menyenggara MRR2 adalah seperti berikut:-
 - i) Syarikat Alloy Advertising Sdn. Bhd. telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kerja Raya Malaysia untuk paparan pengiklanan. Sebagai timbal balas Syarikat Alloy Advertising telah diminta untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin seperti pemotongan rumput, 'patching potholes', mencuci perabot jalan, membersihkan longkang dan landskap.
 - ii) Melalui Jabatan Kerja Raya Selangor, kos purata yang diterima setahun adalah berjumlah RM1.5 juta untuk 3 Daerah (JKR Gombak, Petaling dan Hulu Langat). Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah membaiki sendi renggang jambatan, mengganti penghadang jalan, membersihkan dan mengganti longkang yang rosak serta pembersihan jalan menggunakan jentera.
- b) Kos mengurus, menyelia dan menyenggara Jalan di MRR2 tidak menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri Selangor. Segala kos penyelenggaraan adalah menggunakan Peruntukan Kerajaan Persekutuan.

- c) Bayaran untuk kerja-kerja mengurus, menyelia dan menyenggara MRR2 adalah dibuat mengikut prosedur Kewangan sepertimana Arahan Perbendaharaan dan bayaran dibuat oleh Akauntan Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PERKHIDMATAN PUSAT URUT

106. Perkhidmatan pusat urut dibuka seperti cendawan tumbuh selepas hujan di merata-rata tempat di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah justifikasi atau garis panduan dalam pengeluaran lesen perkhidmatan pusat urut?
- b) Apakah perbezaan bagi lesen perniagaan rumah istirahat, hiburan dan siber kafe?

JAWAPAN :

- a) Garis Panduan yang digunakan di dalam pengeluaran Lesen Pusat Penjagaan Kesihatan adalah berpandukan Undang-Undang Kecil Pusat Penjagaan Kesihatan Dan Kecantikan mengikut PBT masing-masing dan Garis Panduan daripada Kerajaan Negeri dari masa ke semasa di antaranya adalah:
 - i) Waktu perniagaan pusat kesihatan dan tempat mengurut hanya dibenarkan dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 pagi sahaja.
 - ii) Tidak dibenarkan menggunakan pekerja asing tanpa izin.
 - iii) Tukang urut lelaki hanya dibenarkan mengurut lelaki sahaja dan sebaliknya.
 - iv) Pemegang lesen hendaklah memastikan premis digunakan untuk tujuan rawatan mengurut memulihkan kesegaran kesihatan sahaja. Kegiatan menyalahgunakan premis seperti menyedia dan menawarkan perkhidmatan seks, pelacuran, perjudian, salah guna dadah atau apa-apa jenis kelakuan yang tidak senonoh dan tidak bermoral adalah dilarang sama sekali.
 - v) Tidak dibenarkan apa-apa hiburan di dalam premis ini.
 - vi) Pemegang lesen hendaklah mengadakan tempat rawatan dan mengurut secara konsep terbuka yang hanya menggunakan langsir atau skrin yang tidak melebihi 2 meter dari lantai bagi memisahkan katil-katil yang digunakan untuk mengurut.

- vii) Pekerja yang memberikan rawatan dan urutan perlu menjalani pemeriksaan kesihatan setiap 6 bulan sekali oleh seorang pegawai perubatan seperti yang ditetapkan
 1. Pemeriksaan fizikal
 2. X-Ray dada
 3. VDRL
 4. HIV
 5. Hepatitis B
 6. Blood Film for Malaria Parasite
 7. vii.Urine Morphine and Cannabinoid
 - viii) Pemegang lesen hendaklah menyediakan pakaian seragam tertentu kepada pekerja atau pengurutnya dan memastikan pekerja atau pengurutnya memakai pakaian seragam tersebut semasa menjalankan rawatan mengurut.
 - ix) Pemegang lesen dilarang mengambil pengurut yang berumur di bawah 21 tahun dan mengambil pekerja di pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan di bawah umur 18 tahun.
- b) Perbezaan bagi lesen perniagaan rumah istirahat, hiburan dan siber kafe ialah :-
- i. Pusat Hiburan dibahagikan kepada 3 kategori berdasarkan jenis aktiviti hiburan, kesan kewujudan serta aspek pengawalannya ;
 - a- Pusat Hiburan Awam
 - b- Pusat Istirahat
 - c- Pusat Hiburan Keluarga
 - a) Pusat Hiburan Awam

Pusat Hiburan di bawah kategori ini mesti mempunyai komponen ruang yang selesa dan luas untuk pengunjungnya melakukan aktiviti-aktiviti seperti tarian, mendengar muzik, makan dan minum serta aktiviti riadah. Jenis-jenis hiburan yang dimasukkan di bawah kategori ini adalah :-

 - Disko
 - Dewan Tarian
 - Kabaret
 - Karaoke / Kelab Malam
 - Pub
 - Dangdut

b) Pusat Istirahat

Kategori ini adalah berdasarkan kepada ruang untuk berehat serta disediakan makan dan minum sambil diiringi persembahan muzik. Jenis-jenis hiburan di bawah kategori ini adalah seperti berikut :-

- Lounge
- Kafe (tidak termasuk kafe siber)
- Karaoke keluarga
- Snuker

c) Pusat Hiburan Keluarga

Pusat Hiburan Keluarga merupakan satu ruang yang luas yang menyediakan beberapa bentuk hiburan seperti "Kiddy Ride", mesin "Simulator" dan beberapa bentuk hiburan yang lain yang sesuai digunakan oleh semua anggota keluarga termasuk anak-anak.

d) Pusat Siber / Siber Kafe

Pusat Siber dan Kafe Siber merupakan satu tempat yang menyediakan kemudahan komputer serta Internet untuk mendapatkan maklumat, pendidikan dan hiburan. Makanan dan minuman boleh dijual kepada pengunjung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PINJAMAN PELAJARAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

107. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan jumlah pelajar IPTA dan IPTS yang menerima kemudahan Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor mengikut pecahan kaum bagi 2008.
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan untuk kemudahan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2006 hingga 2008.
- c) Sila nyatakan tahap pencapaian akademik para pelajar yang menerima kemudahan Pinjaman tersebut dan nyatakan juga bagaimanakah prestasi bayaran balik pinjaman yang diterima oleh para pelajar selepas tamat pengajian.

JAWAPAN :

- a) **Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)** menyediakan kemudahan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah di IPTA/ IPTS dalam pelbagai bidang. Bilangan pelajar yang telah menerima **Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor (TKWBNS)** bagi melanjutkan pengajian tinggi sepanjang **tahun 2008** mengikut **kaum** adalah seperti berikut:

Tahun	Bangsa (orang)			
	Bumiputra	Cina	India	Jumlah
2008	667	16	22	705

- b) Pecahan peruntukan Kerajaan Negeri kepada **TKWBNS** dan pinjaman pelajaran yang telah ditawarkan bagi tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:

Peruntukan (RM juta)	Tahun		
	2006	2007	2008
Pembiayaan Pinjaman Pelajaran	5.583	6.261	8.140

c) i) Tahap Pencapaian Akademik Pelajar

Tahun	Bilangan Pelajar PNGK / CGPA (3.20 – 3.74)	Peratus (%)	Bilangan Pelajar PNGK / CGPA (3.75 – 4.00)	Peratus (%)	Jumlah Pelajar
2003	27	93.1	2	6.9	29
2004	16	76.2	5	23.8	21
2005	38	88.4	5	11.6	43
2006	126	84.6	23	15.4	149
2007	46	80.7	11	19.3	57
2008	30	81.1	7	18.9	37
	283		53		336

ii) Prestasi Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran

Bagi tahun 2008, TKWBNS telah mengutip bayaran balik pinjaman sebanyak **RM4.41 juta**. Bagi tahun 2009 pula, TKWBNS mempunyai seramai **3,401 orang** peminjam berstatus **pembayar semasa** dengan nilai kutipan berjumlah **RM6.9 juta**. Daripada jumlah tersebut, 2,848 orang merupakan peminjam Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, manakala 553 orang lagi merupakan peminjam Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor di mana ianya menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang menuntut di IPTS bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang teknikal dan kemahiran di peringkat Sijil.

Tunggakan bayaran balik pinjaman setakat 31 Disember 2008 adalah sebanyak **RM9.78 juta** yang melibatkan jumlah peminjam seramai **2,660 orang** kerana menghadapi perkara-perkara seperti berikut:

- i) Peminjam tegar yang dalam proses untuk di ambil tindakan undang-undang (*Letter of Demand*) adalah seramai **1,311 orang** dengan nilai tunggakan bayaran balik pinjaman pelajaran sebanyak **RM 7.78 juta** ; dan
- ii) Proses mengemas kini maklumat berkenaan pelajar-pelajar yang telah berpindah rumah dan menukar nombor telefon untuk dihubungi adalah seramai **1,349 orang** dengan nilai tunggakan bayaran balik pinjaman pelajaran sebanyak **RM 2.0 juta**.

Jumlah kutipan tahunan bayaran balik pinjaman TKWBNS bagi tempoh **lima (5) tahun terkini** adalah seperti berikut:

Tahun	2004	2005	2006	2007	2008
Jumlah Kutipan Sepatutnya Dikutip (RM juta)	3.84	5.82	6.12	6.53	6.92
Jumlah Kutipan Berjaya Dikutip (RM juta)	2.67	4.01	4.84	4.16	4.41
Kutipan Bayaran Balik (%)	69.5	68.9	79.1	63.7	63.7

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : URUSAN PASIR

108. Pasir telah dijanjikan untuk diurus oleh Kerajaan Negeri dan hasilnya digunakan untuk kebajikan rakyat negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah syarikat atau syarikat-syarikat yang diberi peluang menguruskan penjualan pasir di negeri Selangor?
- b) Berapa pendapatan/keuntungan kasar yang diperolehi negeri Selangor?
- c) Setakat ini adakah masalah kecurian pasir di Selangor dapat diatasi?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn Bhd sebuah syarikat milik 100% Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) pada 28 Jun 2008. Kumpulan Semesta Sdn Bhd mula beroperasi sepenuhnya pada 15 September 2008 bagi menggerakkan industri pasir dan mengawal pemasaran pasir di Negeri Selangor.
- b) Berdasarkan maklumat yang dibekalkan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., jumlah jualan pasir adalah RM7.04 juta dengan keuntungan bersih sebelum cukai sebanyak RM2.5 juta bagi tempoh 15 September 2008 hingga 31 Januari 2009

Manakala Kerajaan Negeri telah memperolehi hasil melalui pembayaran royalti bagi pengeluaran permit 4C sebanyak RM6,359,064.29 juta.

- c) Sejak Kumpulan Semesta Sdn Bhd ditubuhkan, masalah kecurian pasir terutama di kawasan-kawasan yang diluluskan kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd telah dapat dikawal. Walau bagaimanapun, masalah kecurian pasir sama ada di atas tanah hak milik atau tanah Kerajaan di beberapa daerah lain yang tidak terbabit dengan operasi Kumpulan Semesta Sdn Bhd masih berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN KERETA RASMI

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak kos penyelenggaraan kereta rasmi Proton Perdana yang dipandu oleh Menteri Besar, Exco, Speaker, Timbalan Speaker, Pegawai Daerah dan YDP/Datuk Bandar PBT untuk lima tahun yang lalu?

JAWAPAN :

- a) Jumlah Kos penyelenggaraan bagi kereta Menteri Besar dan Pegawai Daerah/Datuk Bandar/YDP Kerajaan Negeri bagi 5 tahun yang lalu:

BIL	JAWATAN	JUMLAH RM
1	Y.A.B. Menteri Besar	54,507.00
2	Y.B. Setiausaha Kerajaan Selangor	14,486.75
3	Y.B. Penasihat Undang-Undang	14,979.44
4	Y.B. Pegawai Kewangan Negeri	35,972.10

Pegawai Daerah :		
1.	Petaling	Jumlah (RM)
	1.1 Proton Perdana – BGU 2222 (Hilang pada 26.10.2005)	6,429.15
	1.2 Proton Perdana – BHW 2222	28,323.00
JUMLAH BESAR		34,752.15
2.	Gombak	Jumlah (RM)
	2.1 Proton Perdana V6 - BGR 3000 (telah lupus Oktober 2007)	17,327.25
	2.2 Proton Perdana 2.0 V6 (A) - BJN 300	21,921.35
JUMLAH BESAR		39,248.60

3.	Hulu Langat	Jumlah (RM)
	3.1 Proton Perdana V6 (A) – BHA 700	93,483.38
JUMLAH BESAR		93,483.38
4.	Kuala Langat	Jumlah (RM)
	4.1 Proton Perdana – BGC 5555	65,777.18
JUMLAH BESAR		
5.	Kuala Selangor	Jumlah (RM)
	5.1 Proton Perdana – BGY 800	29,034.80
JUMLAH BESAR		29,034.80
6.	Klang	Jumlah (RM)
	6.1 Proton Perdana V6 (A)	46,636.00
JUMLAH BESAR		46,636.00
7.	Sepang	Jumlah (RM)
	7.1 Proton Perdana V.6 – BHB 36	44,569.73
JUMLAH BESAR		44,569.73
8.	Sabak Bernam	Jumlah (RM)
	7.1 Proton Perdana V.6 (A) – BGY 606	30,402.50
JUMLAH BESAR		30,402.50
9.	Hulu Selangor	Jumlah (RM)
	9.1 Proton Perdana – BGS 3003 (Tahun 2008 telah dilupuskan)	82,016.70
	9.2 Proton Perdana – BHA 303 (Sehingga Februari 2009)	15,882.00
JUMLAH BESAR		97,898.70

YDP Datuk Bandar :		
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Jumlah (RM)
	1.1 Proton Perdana – BHY 1010 (Tarikh beli pada 13/12/2006)	6,221.00
	1.2 Proton Perdana – BFX 1010 (Tarikh beli pada 6/10/2000)	9230.61
JUMLAH BESAR		15,451.61
Yang Dipertua :		
2.	Majlis Perbandaran Klang	Jumlah (RM)
	2.1 Proton Perdana V.6 – BHV 33	23,885.90
JUMLAH BESAR		23,885.90
3.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Jumlah (RM)
	3.1 Proton Perdana – BHS 898	15,501.90
JUMLAH BESAR		15,501.90
4.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Jumlah (RM)
	4.1 Proton Perdana V6 – BGX 22	67,838.04
JUMLAH BESAR		67,838.04
5.	Majlis Perbandaran Selayang	Jumlah (RM)
	5.1 Proton Perdana V6 – BGF 20 (Tarikh beli pada 23/11/2001)	33,526.05
	5.2 Proton Perdana V6 – BJB 20 (Tarikh beli pada 24/4/2006)	7,984.00
JUMLAH BESAR		41,510.05
6.	Majlis Perbandaran Kajang	Jumlah (RM)
	6.1 Proton Perdana – BJA 5225	21,422.95
JUMLAH BESAR		

7.	Majlis Daerah Kuala Langat	Jumlah (RM)
	7.1 Proton Perdana V6 2.0 – BGA 5353	27,158.60
	7.2 Proton Perdana V 6 – BJK 909 (Beli pada tahun 16/5/2007)	6,486.10
JUMLAH BESAR		33,644.70
8.	Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Jumlah (RM)
	8.1 Proton Perdana V6 – BCM 2222 (Kenderaan dijual kepada mantan Datuk Bandar tahun 2006)	19,662.30
	8.2 Proton Perdana V6 – BJH 999	9,550.96
JUMLAH BESAR		29,213.26
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Jumlah (RM)
	9.1 Proton Perdana – BHA 202	108,649.05
JUMLAH BESAR		108,649.05
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor	Jumlah (RM)
	10.1 Proton Perdana – BJK 575	5,807.50
	10.1 Proton Perdana - BGJ 575	14,331.00
JUMLAH BESAR		20,138.50

Yang Dipertua :		
11.	Majlis Perbandaran Sepang	Jumlah (RM)
	11.1 Proton Perdana – BGG 36	40,318.00
JUMLAH BESAR		40,318.00
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Jumlah (RM)
	12.1 Proton Perdana – BJC 567 (Tarikh pembelian pada tahun 2006 yang masih dalam tanggungan pembekal)	5,697.74
JUMLAH BESAR		5,697.74

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : HASIL KERAJAAN NEGERI DARI ZOO NEGARA

110. Kerajaan Negeri menerima bayaran hasil cukai tanah mengikut kadar pertanian. Setakat ini Kerajaan Negeri hanya menerima peruntukan bagi menaik taraf infrastruktur di kawasan luar Zoo Negara sahaja.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan berapakah kutipan bayaran cukai tanah yang dibayar oleh Malayan Zoological Society dan HSBC(M) Trustee Berhad menurut setiap Plot 1, 2, 3, 4 dan 5.
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap 16.9 ekar tanah yang diberi milik kepada Zoo Negara yang kini dipenuhi oleh setinggian dikenali sebagai Kg Kemensah?
- c) Berapakah peruntukan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri bagi menaik taraf infrastruktur di kawasan luar Zoo Negara dari tahun 2004 hingga 2008.

JAWAPAN :

- a) Cukai tanah untuk AA 2/63 pemilik berdaftar Zoological Society berjumlah 5,527.70 bagi tahun 2009. Bagi plot-plot yang lain hak milik belum didaftar.
- b) Sekiranya tapak tersebut diluluskan kepada Zoological Society maka setinggian-setinggian di atas tapak tersebut akan ditangani oleh pihak Zoological Society bersama Kerajaan Negeri. Dicadangkan setinggian-setinggian tersebut dipertimbangkan bayaran sagu hati dan penempatan semula setinggian di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan Negeri.
- c) Perkara ini bukan di dalam bidang kuasa Pentadbiran Tanah Daerah Gombak.

** Penyata Akaun Cukai Tanah **

Tarikh: 23/03/2009

Nombor Akaun : 07040200371610001520
Hakmilik : 0037161

Bentuk : 02-GERAN
Keluasan : 6 meter persegi
Status : 01-AKTIV

Nama Pemilik : HSBC (M'SIA) TRUSTEE BHD
Alamat Pemilik : M'SIA ZOOLOGICAL
SOCIETY 2

50100 LEBOH AMPANG, SELANGOR

No. K/P (Baru) : -

No. K/P (Lama) :

Rujukan Kelompok Hasil	Jenis Dokumen	Tarikh	Dokumen	Resit Tahun	Debit	Kredit
501316 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2001	443917	2001	172.00	
710529 01-HASIL TANAH	2-BAYARAN	15/03/2001	104386	02013720 2001		172.00
1318445 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2002	1089608	2002	172.00	
1937419 02-DENDA LEWAT	0-BIL	01/06/2002	1354007	2002	12.10	
2422931 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2003	1810041	2003	172.00	
2608352 01-HASIL TANAH	2-BAYARAN	07/03/2003	712494	0082862 2003		356.10
3356355 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2004	2401684	2004	172.00	
3788803 01-HASIL TANAH	2-BAYARAN	15/04/2004	1145336	0157340 2004		172.00
4520210 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2005	3153935	2005	172.00	
4794383 01-HASIL TANAH	2-BAYARAN	03/02/2005	1410089	0096994 2005		172.00
5905199 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2006	4068991	2006	189.00	
6826301 02-DENDA LEWAT	0-BIL	01/06/2006	4539623	2006	13.30	
7776425 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2007	5347160	2007	189.00	
8119030 01-HASIL TANAH	2-BAYARAN	05/04/2007	2638390	0205766 2007		391.30
9255721 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2008	6271488	2008	189.00	
9638112 01-HASIL TANAH	2-BAYARAN	29/01/2008	3058285	0236007 2008		189.00
11720279 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2009	7925569	2009	189.00	
12433693 01-HASIL TANAH	2-BAYARAN	12/02/2009	3994780	0272207 2009		189.00
Jumlah					1,641.40	1,641.40
Baki					0.00	

** Penyata Akaun Cukai Tanah **

Tarikh: 23/03/2009

Nombor Akaun : 07040200371620001521
 Hakmilik : 0037162

Bentuk : 02-GERAN
 Keluasan : 0.29920 hektar
 Status : 01-AKTIV

Nama Pemilik : HSBC (M'SIA) TRUSTEE BHD
 Alamat Pemilik : SUITE 1602 16TH FLOOR
 WISMA LIM FOO YONG, 86 JLN RAJA CHULAN
 50200 KUALA LUMPUR

No. K/P (Baru) : - No. K/P (Lama) :

Rujukan Kelompok Hasil	Jenis Dokumen	Tarikh	Dokumen	Resit Tahun	Debit	Kredit
501317 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2001	443918	2001	542.00	
710530 01-HASIL TANAH	2-BAYARAN	15/03/2001	104387	02013719 2001		542.00
1318446 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2002	1089609	2002	542.00	
1557673 01-HASIL TANAH	2-BAYARAN	19/03/2002	385360	0011283 2002		542.00
2256433 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2003	1646307	2003	542.00	
2937202 02-DENDA LEWAT	0-BIL	01/06/2003	2047719	2003	38.00	
3531517 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2004	2555627	2004	542.00	
4060196 02-DENDA LEWAT	0-BIL	01/06/2004	2736568	2004	78.60	
4669600 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2005	3301425	2005	542.00	
5296871 02-DENDA LEWAT	0-BIL	01/06/2005	3531034	2005	122.00	
6071308 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2006	4232792	2006	542.00	
6826302 02-DENDA LEWAT	0-BIL	01/06/2006	4539624	2006	168.50	
7776426 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2007	5347161	2007	542.00	
8514418 02-DENDA LEWAT	0-BIL	01/06/2007	5644362	2007	218.20	
9492585 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2008	6486064	2008	542.00	
10429836 02-DENDA LEWAT	0-BIL	01/06/2008	6895951	2008	271.50	
12103135 01-HASIL TANAH	0-BIL	01/01/2009	8244598	2009	542.00	
Jumlah					5,774.80	1,084.00
Baki					4,690.80	

b.p. Pengarah Tanah & Galian, Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : ISU PERKUBURAN ISLAM DI BUKIT PERMAI II, DUN TERATAI

111. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah pihak kerajaan akan memperuntukkan zon *buffer* sebanyak 1 km dari kawasan perkuburan berkenaan demi menjaga pantang sesetengah penduduk setempat.
- b) Bilakah jalan-jalan alternatif untuk masuk ke kawasan perkuburan akan dibina?

JAWAPAN :

- a) Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor menetapkan bahawa jarak terdekat ialah sekurang-kurangnya 12.2m (40) dan menyediakan buffer zon di antara tanah perkuburan dan punca-punca air untuk menjamin kesihatan umum mengikut ketetapan Jabatan Pengairan Dan Saliran serta Jabatan Mineral Dan Geosains
- b) Jalan alternatif untuk masuk ke kawasan perkuburan hanya dapat dibina setelah MPAJ mendapat peruntukkan yang telah dipohon daripada pihak UPEN sebanyak RM4 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PAPAN-PAPAN IKLAN

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sudahkah Kerajaan Negeri / EXCO mencapai keputusan mengenai polisi / arahan / garis-garis panduan bagi industri papan iklan? Jika ya, sila beri butir-butir keputusan. Jika tidak, sila beri sebab-sebab mengapa keputusan belum dicapai.
- b) Sila nyatakan semua caj-caj terkini yang dikenakan ke atas pengendali-pengendali papan iklan untuk mendirikan sebuah papan iklan.
- c) Adakah PBT-PBT dibenarkan menyewa secara sub kawasan lapang atau tanah Kerajaan Negeri kepada pengendali-pengendali papan iklan bagi perniagaan mereka bawah Akta Kerajaan Tempatan dan Kanun Tanah (*National Land Code*)?

JAWAPAN :

- a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menguatkuasakan satu Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2009 berhubung Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar bagi membolehkan pemasangan papan iklan luar dalam kawasan PBT di Semenanjung Malaysia dikawal secara seragam. Bagi Kerajaan Negeri sendiri telah menguatkuasakan satu Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT : SPBT Bil.3/2009 pada 31 Mac 2009. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri mengenai Garis Panduan Papan Iklan Luaran di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor khususnya. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 8/2009 yang bersidang pada 4 Mac 2009 telah meluluskan Dasar dan Garis Panduan Pembinaan Papan Iklan (*Billboard*) di PBT Selangor. Dasar tersebut menyentuh perkara-perkara berhubung isu Lesen Menduduki Sementara (TOL) papan iklan di tanah rizab Kerajaan Negeri, kelulusan Kebenaran Merancang Majlis, kelulusan Permit Struktur dan kadar sewaan tapak daripada Majlis. Ini termasuk aspek-aspek teknikal struktur, kesesuaian lokasi dan kandungan paparan iklan yang dibenarkan dan dijelaskan secara terperinci.
- b) Caj-caj yang dikenakan kepada pengendali-pengendali papan iklan adalah seperti berikut :
 - i) Kadar bayaran sewaan tapak Majlis
 - ii) Permit struktur iklan
 - iii) Kelulusan Lesen Papan Iklan
 - iv) Cukai taksiran

Kadar bayaran sewaan tapak dikurangkan oleh Kerajaan Negeri dari 30 peratus (30%) ke 25 peratus (25%) daripada hasil pendapatan paparan iklan yang diperolehi oleh pemilik struktur. Ini disebabkan oleh kemelesetan ekonomi yang melanda dan menjejaskan perniagaan papan iklan yang dijalankan.

c) Tiada jawapan diterima daripada UPBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PERINDUSTRIAN PELANCONGAN

113. Perindustrian pelancongan merupakan perindustrian utama dalam sumbangan hasil pendapatan kerajaan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah pelan induk dan strategi Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai lagi pelancong tempatan dan pelancong asing melawat ke negeri Selangor?
- b) Manakah kawasan pelancongan telah diiktiraf oleh Kerajaan Negeri sebagai destinasi pelancongan rasmi?

JAWAPAN :

- a) Pelan induk dan strategi kerajaan negeri untuk menarik lebih ramai lagi pelancong tempatan dan pelancong asing melawat ke Negeri Selangor adalah seperti berikut :-
 - i) Mempertingkatkan promosi pelancongan domestik dan luar negara
 - ii) Memberi fokus kepada pasaran pelancongan yang menjadi tumpuan bagi Negeri Selangor seperti kesihatan, pendidikan, homestay, eko pelancongan dan 'Malaysia My Second Home'
 - iii) Bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan Negeri Selangor untuk menawarkan lebih banyak tawaran yang menarik kepada para pelancong
 - iv) Menganjurkan dan mengendalikan beberapa acara bertaraf antarabangsa dengan lebih tumpuan kepada acara MICE
 - v) Merangka beberapa pakej-pakej yang menarik bagi kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa
 - vi) Merencanakan beberapa pengiklanan seperti media cetak dan elektronik mengenai tempat-tempat pelancongan serta acara-acara yang akan dianjurkan oleh Negeri Selangor.
 - vii) Meningkatkan penggunaan laman sesawang pelancongan Negeri Selangor
 - viii) Menaik taraf produk-produk pelancongan

- b) Antara kawasan pelancongan telah diiktiraf oleh kerajaan negeri sebagai destinasi pelancongan rasmi adalah seperti berikut :-

BIL	KAWASAN PELANCONGAN
1	Batu Caves
2	Sunway Lagoon 'theme park'
3	Kelip-kelip Kuala Selangor
4	Galeri Diraja Klang
5	Pulau Ketam
6	Bukit Melawati
7	Zoo Negara
8	Litar F1 Sepang
9	Dong Zen
10	Kompleks Taman Seni Islam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : MASALAH KEKURANGAN RUMAH

114. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;
- a) Sila nyatakan apakah langkah drastik yang bakal diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kekurangan rumah khususnya kos rendah dan sederhana di Dun Sekinchan.
 - b) Adakah pihak Kerajaan sudah mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk melaksanakan projek pembangunan perumahan di Dun Sekinchan?

JAWAPAN :

- a) Masalah kekurangan rumah kos rendah dan sederhana di DUN Sekinchan sentiasa menjadi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri seboleh mungkin akan memastikan pembinaan rumah mampu milik khususnya rumah kos rendah dan kos sederhana terus dibina untuk memenuhi keperluan warga berpendapatan rendah selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah kepada semua.

Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik permohonan rumah kos rendah di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) mendapati permintaan terhadap rumah kos rendah di DUN Sekinchan yang terletak di bawah Mukim Pasir Panjang, Daerah Sabak Bernam adalah rendah. Sehingga kini hanya terdapat 93 orang pemohon sahaja yang berdaftar untuk memiliki rumah di Mukim Pasir Panjang. Permintaan yang rendah terhadap rumah kos rendah ini, dikenal pasti sebagai punca utama menyebabkan pemaju kurang berminat untuk mendirikan rumah mampu milik di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di DUN Sekinchan. Selain itu, kos pembinaan yang semakin meningkat dan faktor kegawatan ekonomi yang melanda dunia ketika ini juga mempengaruhi pembinaan rumah-rumah mampu milik. Ini kerana rumah mampu milik merupakan rumah yang dikawal dari segi harga iaitu RM35,000.00 seunit dalam kawasan Majlis Daerah Sabak Bernam dan RM30,000.00 seunit di kawasan luar pentadbiran Majlis berbanding dengan harga jualan di kawasan bandar khususnya di Lembah Klang iaitu RM42,000.00 seunit. Penetapan harga yang rendah ini juga, dikatakan punca kepada pemaju kurang berminat untuk membina rumah-rumah mampu milik di kawasan luar bandar sedangkan pada pendapat mereka kos binaan bagi kedua-dua lokasi adalah sama sedangkan harga jualan yang dibenarkan adalah lebih rendah. Di samping itu, pemaju yang tidak dapat membina rumah mampu milik jenis '*landed*' (bertanah) juga merupakan faktor penyebab perkara ini berlaku. Ini kerana pembeli di kawasan luar bandar lebih gemar terhadap rumah mampu milik jenis '*landed*' daripada jenis bertingkat.

Di samping itu, berdasarkan rekod yang ada melalui Sistem Pendaftaran Pemaju di LPHS juga mendapati sehingga kini tiada cadangan pembangunan rumah mampu milik seperti kos rendah dan kos sederhana yang didaftar untuk dibangunkan. Apa yang dapat dilihat di kawasan luar bandar seperti di kawasan DUN Sekinchan, kebanyakan pembangunan yang diluluskan merupakan pembangunan yang bersaiz kecil seperti kurang daripada 10 ekar. Oleh yang demikian, adalah sukar untuk Kerajaan Negeri mewajibkan pemaju membina rumah-rumah mampu milik. Walau bagaimanapun sekiranya sesuatu pembangunan yang diluluskan melebihi 10 ekar, Kerajaan Negeri akan mengenakan syarat pembinaan 20% rumah kos rendah, 10% rumah kos sederhana rendah dan 10% rumah kos sederhana. Untuk itu juga, satu kajian akan dijalankan untuk melihat keperluan sebenar permintaan rumah mampu milik ini bukan sahaja di DUN Sekinchan tetapi juga di seluruh Negeri Selangor. Anak-anak syarikat Kerajaan Negeri seperti PKNS dan PNSB juga akan digalakkan membina rumah-rumah mampu milik di kawasan tersebut sekiranya masih terdapat tanah yang boleh dibangunkan.

- b) Pada ketika ini Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang lokasi khusus bagi pembinaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana di DUN Sekinchan. Walau bagaimanapun, apa yang dilakukan adalah dengan menetapkan syarat penyediaan 20% rumah kos rendah, 10% rumah kos sederhana rendah dan 10% rumah kos sederhana ke atas tanah yang mempunyai keluasan lebih 10 ekar semasa kelulusan pembangunan diberikan sama ada melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor ataupun Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANJIR

115. Beberapa bahagian dari Pekan Bangi hingga ke Jalan Reko, Bangi – Kajang sering berlaku Banjir apabila hujan turun agak lebat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya banjir?
- b) Bagaimanakah cara mengatasinya ?
- c) Apakah rancangan jangka panjang bagi mengatasi banjir di tempat-tempat di atas?

JAWAPAN :

- a) Faktor berlaku banjir ;
 - i) Sistem perparitan dalaman dan sungai yang tidak dapat menampung jumlah air larian dan kelodak yang bertambah disebabkan pembangunan kawasan Bangi dan Kajang yang pesat.
 - ii) Infrastruktur seperti pembentung, jambatan dan ban sedia ada berada di bawah paras banjir.
- b) Berikut merupakan cara-cara mengatasi masalah banjir :
 - i) Mempertingkatkan kapasiti sistem sungai dan perparitan dalaman
 - ii) Menaik taraf infrastruktur sedia ada
 - iii) Menaik taraf ban sedia ada

c) Rancangan jangka panjang adalah seperti berikut :

Bil.	Lokasi	Projek & Skop	Status
1.	Kawasan Pekan Kajang	Projek Menaik taraf Sungai Jeloh Skop : Menaik taraf Sungai dan Infrastruktur	Dalam pembinaan
2.	Kawasan Pekan Bangi	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bangi Skop : Menaik taraf Sungai dan Infrastruktur	Penyediaan tender
3.	Kawasan Kg. Sungai Tangkas Jalan Reko	Projek Menaik taraf Sungai Reko Skop : Menaik taraf Sungai dan Infrastruktur	Dalam pembinaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : LOMBONG PASIR HARAM

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak lombong pasir haram yang masih beroperasi di Selangor sekarang? Nyatakan jumlah kerugian hasil daripada lombong-lombong pasir haram ini.
- b) Nyatakan bilangan operasi serbu yang telah dilancarkan oleh Pejabat-pejabat Daerah di seluruh Selangor terhadap lombong-lombong pasir haram ini

JAWAPAN :

- a) Adalah dianggarkan sejumlah 16 kawasan pengeluaran pasir haram yang dikenal pasti masih beroperasi. Setakat ini, Pihak Berkuasa tidak mempunyai maklumat berhubung dengan anggaran kerugian hasil daripada kegiatan mencuri pasir.
- b) Jumlah operasi serbu yang telah dilancarkan oleh Pejabat-Pejabat Tanah Daerah seluruh Selangor terhadap lombong-lombong pasir haram ialah 2,928 serbuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PERBAIKI KELEMAHAN PEMBERIAN KONSESI LEBUHRAYA
NEGERI SELANGOR**

117. Tanah yang diluluskan sebagai konsesi kepada operator di Negeri Selangor membawa implikasi tanah tersebut seolah-olah diberi hak mutlak kepada operator. Namun, tiada hak milik dikeluarkan bagi tujuan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memperbaiki keadaan ini.
- b) Berapa banyakkah Kerajaan Negeri kehilangan hasil daripada kepincangan dalam perjanjian konsesi seperti ini dari tahun 2004 hingga 2008.
- c) Bagi kawasan dan tanah R&R, berapa banyakkah Kerajaan Negeri mendapat pulangan dalam bentuk bayaran premium dan kutipan cukai tanah dari tahun 2004 hingga 2008.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : HOTEL-HOTEL DAN RUMAH-RUMAH TUMPANGAN MILIKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR, PBT ATAU SYARIKAT-SYARIKAT NEGERI SELANGOR

118. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan nama, lokasi dan nombor telefon hotel-hotel dan rumah tumpangan serta bintangnya milikan kerajaan negeri Selangor, PBT atau syarikat-syarikat negeri?
- b) Sila nyatakan sama ada hotel-hotel atau rumah tumpangan tersebut rugi atau untung pada tahun 2007 dan 2008.
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mempromosikan hotel-hotel dan rumah tumpangan ini?

JAWAPAN :

- a) Maklumat-maklumat tentang hotel-hotel dibawah Kumpulan Darul Ehsan Berhad ("KDEB") adalah seperti berikut:-

Nama Hotel	Quality Hotel City Centre ("QHCC")	Quality Hotel Shah Alam ("QHSA")	Brisdale Hotel
Lokasi	Jalan Raja Laut, 50750 Kuala Lumpur	Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor	No.65, Jalan Haji Hussein, Off Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50300 Kuala Lumpur
Nombor telefon	03 – 26939233	03 – 55103696	03 – 26948833
Bintang	Empat	Empat	Tiga

- b) Keuntungan atau kerugian hotel-hotel tersebut bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti berikut:-

Nama Hotel	Quality Hotel City Centre ("QHCC")	Quality Hotel Shah Alam ("QHSA")	Brisdale Hotel
Keuntungan operasi (2007)	RM3,622,118	RM2,077,393	RM2,453,352
(Kerugian)/ Keuntungan selepas cukai (2007)	(RM1,047,634)*	(RM2,270,810)*	RM957,863
Keuntungan operasi (2008)	RM3,539,713	RM1,982,768	RM6,052,829
Keuntungan selepas cukai (2008)	RM281,507	RM552,910	RM4,455,580

* Kerugian ini berpunca daripada perbelanjaan ESOS sebanyak RM3,059,430 bagi QHCC dan RM1,478,907 bagi QHSA.

- c) Untuk makluman Y.Bhg Datin Paduka, Kerajaan Negeri telah membantu mempromosikan hotel-hotel ini dengan mengutamakan hotel-hotel milik Kerajaan Negeri berbanding hotel-hotel lain bagi setiap acara atau mesyuarat luar.

JAWAPAN DARIPADA BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

**TAJUK : HOTEL-HOTEL DAN RUMAH-RUMAH TUMPANGAN MILIKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR, PBT
ATAU SYARIKAT-SYARIKAT NEGERI SELANGOR.**

BIL	PBT	NAMA HOTEL	RUGI/UNTUNG		PROMOSI	BINTANG
			2007	2008		
1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	-Tiada Berkaitan-				
2.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA					
3.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG					
4.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA					
5.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	Meda Development Sdn Bhd Tel : 56381586	Tiada		Tiada	
6.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	-Tiada Berkaitan-				
7.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	Rumah Rehat MPKj No. 15, Jalan Siakap 2 Taman Peranginan Mutiara 71500 Port Dickson	Tidak disewakan kepada orang awam buat masa ini memandangkan harta tersebut di dalam proses pembaikan.		Tiada	

8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	De Palma Sepang, Bandar Baru Salak Tinggi 43900 Sepang Tel : 03-87062020	Tiada	Melalui pengiklanan di paparan luar, penyebaran risalah dan surat-surat edaran ke jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. 3 bintang
9.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	-Tiada Berkaitan-		
10.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	Rumah Tumpangan Kuala Kubu Baharu (KKB) di dalam daerah Hulu Selangor adalah milik Kerajaan Negeri Selangor tetapi tidak diuruskan oleh PBT (Majlis Daerah Hulu Selangor). Ia disewakan kepada Syarikat SFIK Services dengan kadar harga RM2,000.00 sebulan. Tamat perjanjian sewaan pada 25/2/2012. Oleh yang demikian, ia merupakan pendapatan hasil kepada Kerajaan Negeri.	Oleh kerana Rumah Tumpangan KKB tersebut disewakan kepada syarikat berkenaan, maka urusan untung, rugi dan promosi adalah tertakluk kepada syarikat berkenaan.	Tiada
11.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	-Tiada Berkaitan-		
12.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	-Tiada Berkaitan-		

BIL	PEJABAT DAERAH/TANAH	NAMA HOTEL	RUGI/UNTUNG		PROMOSI	BINTANG
			2007	2008		
1.	PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG		- Tiada Berkaitan-			
2.	PEJABAT DAERAH/TANAH PETALING					
3.	PEJABAT DAERAH/TANAH GOMBAK					
4.	PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA SELANGOR					
5.	PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA LANGAT					
6.	PEJABAT DAERAH/TANAH HULU LANGAT					
7.	PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR					
8.	PEJABAT DAERAH/TANAH SEPANG					
9.	PEJABAT DAERAH/TANAH SABAK BERNAM	Rumah Rehat (Hay Resort) Sabak Bernam Tel No : 32162187	Pengurusan telah diswastakan kepada pihak Korporat SUK dengan Syarikat Hay Resort dengan kadar sewa sebulan sebanyak RM4,500.00	Promosi yang telah dibuat oleh pihak pengurusan Hay Resort ialah dengan cara pengedaran risalah. Tiada		

BIL	ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR	NAMA HOTEL	RUGI/UNTUNG (RM Juta)		PROMOSI	BINTANG
			2007	2008*		
1.	<p>KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD</p> <ul style="list-style-type: none"> Kerugian ini berpunca daripada perbelanjaan ESOS sebanyak RM3,059,430 bagi QHCC dan RM1,478,907 bagi QHSA. 	<p>1. Quality Hotel City Center Jalan Raja Laut 50750 Kuala Lumpur Tel : 26939233</p> <p>2. Quality Hotel Shah Alam Plaza Peransang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam Tel :55103696</p> <p>3. Brisdale Hotel No. 65, Jalan Haji Hussein, Off Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50300 Kuala Lumpur Tel : 26948833</p>	<p>RM3,622,118 (keuntungan operasi)</p> <p>(1,047,634) (kerugian selepas cukai)</p> <p>RM2,077,393 (keuntungan operasi)</p> <p>(RM2,270,810) (kerugian selepas cukai)</p> <p>RM2,453,352 (keuntungan operasi)</p> <p>RM957,863 (keuntungan selepas cukai)</p>	<p>RM3,539,713 (keuntungan operasi)</p> <p>RM281,507 (keuntungan selepas cukai)</p> <p>RM1,982,768 (keuntungan operasi)</p> <p>RM552,910 (keuntungan selepas cukai)</p> <p>RM6,052,829 (keuntungan operasi)</p> <p>RM4,455,580 (keuntungan selepas cukai)</p>	<p>4 bintang</p> <p>4 bintang</p> <p>3 bintang</p>	

2.	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR	<ol style="list-style-type: none"> 1. De Palma Hotel, Ampang No. Tel:42707070 2. De Palma Inn, Shah Alam No. Tel:55428080 3. De Palma Inn, Kuala Selangor No. Tel:32897070 4. De Palma Inn, Sepang No. Tel:87062020 5. Equatorial Hotel, Bangi No. Tel:82102222 <p>*2008- Belum diaudit.</p>	<p style="text-align: center;">} 2.29</p> <p style="text-align: center;">2.93</p> <p style="text-align: center;">(RMjuta)</p>	<p style="text-align: center;">2.85</p> <p style="text-align: center;">0.21</p> <p style="text-align: center;">(RMjuta)</p>	<p style="text-align: center;">3 bintang</p> <p style="text-align: center;">2 bintang</p> <p style="text-align: center;">2 bintang</p> <p style="text-align: center;">3bintang ***</p> <p style="text-align: center;">4 bintang</p>
3.	PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD	<p>Hotel Impian Morib Pantai Morib Tel : 31982070/2512 - Hotel Impian Morib memperolehi keuntungan pada tahun 2007 dan 2008.</p>			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KILANG – KILANG HARAM

119. Masih terdapat banyak kilang haram beroperasi dalam negeri Selangor dan ia telah menyebabkan pencemaran air, udara dan lain-lain.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah kerajaan mengadakan pelan tindakan untuk menangani masalah kilang-kilang haram?
- b) Terdapat berapa banyak kilang-kilang haram masih beroperasi di Selangor?
- c) Berapa kilang haram telah berjaya memperolehi kelulusan rasmi dan dijadikan sebagai kilang yang sah?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah pun memperkenalkan pelan tindakan untuk program pemutihan kilang tanpa kebenaran. Terdapat beberapa insentif dan rancangan baru akan diperkenalkan bagi menggalakkan lebih ramai tuan tanah / pengusaha kilang mengambil peluang yang ditawarkan di dalam program ini. Dalam proses pemutihan perkara penting ialah setiap permohonan ditapis oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar bagi meneliti aspek-aspek kesan kepada alam sekitar.
- b) Sehingga kini, terdapat 2,805 kilang-kilang haram yang masih beroperasi di Selangor.
- c) Sebanyak 705 daripada jumlah keseluruhan kilang haram (2,805) telah berjaya memperolehi keputusan rasmi melalui permohonan mengubah syarat kegunaan tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : BEKALAN AIR

120. Bertanya Kepada Y.A B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan bilakah proses penstrukturan semula Perjanjian Bekalan Air Negeri Selangor dapat diselesaikan.
- b) Sila nyatakan apakah faedah jangka pendek dan jangka panjang dan implikasi kewangan terhadap Kerajaan Negeri secara khusus serta pengguna secara amnya ?
- c) Sila huraikan kelemahan-kelemahan Konsesi Perjanjian Bekalan Air Negeri Selangor yang dikenal pasti oleh pihak Kerajaan Negeri yang tidak menguntungkan rakyat sebaliknya memihak kepada pihak Konsesi.

JAWAPAN :

- a) Tempoh penyelesaian pengambilalihan telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi (KTAK) pada 31 Mac 2009. Proses ini akan diselesaikan sepenuhnya setelah proses *due diligence* selesai dilaksanakan untuk keempat-empat syarikat tersebut.
- b) Perjanjian konsesi sedia ada antara Kerajaan Negeri Selangor dan SYABAS telah didapati bahawa akan berlaku kenaikan tarif bagi setiap tiga (3) tahun. Bagi tahun 2009, kenaikan tarif yang dipohon adalah sebanyak 37%. Jika tindakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air tidak dilaksanakan segera, rakyat Negeri Selangor akan sekali lagi menerima kenaikan tarif air pada 2012 iaitu sebanyak 25% dan begitulah seterusnya bagi setiap tiga (3) tahun. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor sedang berusaha memperbaiki keadaan ini agar pengguna tidak lagi dibebani dengan kenaikan tarif yang sangat melampau.

Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan sebuah panel bebas bagi mengkaji dan mencadangkan kaedah terbaik dalam menstrukturkan semula industri ini. Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil alih semua aset-aset milik syarikat konsesi dan menjualnya kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) iaitu sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan yang akan membeli aset-aset ini bersekali dengan aset-aset yang dimiliki Kerajaan Negeri. Aset-aset ini dinilai dengan menggunakan kaedah nilai permodalan (*capitalised value*) dengan memberi insentif sebanyak 12% kepada semua pemegang konsesi. Pembiayaannya dilaksanakan menggunakan aset-aset milik Kerajaan Negeri Selangor yang turut dijual kepada PAAB. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sumber yang mencukupi dan mendapat *value for money* di mana kepentingan rakyat menjadi keutamaan dalam melaksanakan proses penstrukturkan ini.

- c) Perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor yang ada pada masa ini adalah berbentuk berasingan (*segmented*) di mana aktiviti rawatan dijalankan oleh pihak yang berlainan daripada pihak yang menjalankan aktiviti pengagihan. Struktur ini tidak merangkumi keseluruhan rantaian nilai (*value chain*) sistem perkhidmatan air. Bermula dari tahun 1994, Kerajaan Negeri Selangor telah menswastakan aktiviti rawatan air kepada beberapa operator iaitu Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd, SPLASH dan ABASS, manakala pada tahun 2004 aktiviti pengagihan bekalan air telah diswastakan kepada SYABAS. Sehubungan dengan itu, melalui penstrukturan semula, dapat diwujudkan satu industri perkhidmatan air yang mapan dan holistik.

Kerajaan Negeri Selangor mendapati hampir keseluruhan perjanjian konsesi sedia ada memberi keuntungan kepada operator seperti kenaikan tarif air atau kadar air pukal (*Bulk Supply Rate*) secara automatik atau bayaran pampasan kepada operator sekiranya kenaikan tarif tidak dibenarkan oleh Kerajaan. Fenomena ini merugikan Kerajaan Negeri khususnya dan rakyat amnya.

Industri perkhidmatan air memerlukan perbelanjaan yang tinggi bukan sahaja untuk membina kemudahan baru tetapi untuk membaik pulih kemudahan sedia ada bagi memastikan bekalan air yang mencukupi dan berkualiti. Adalah menjadi amalan semasa bahawa setiap perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh operator perkhidmatan air akan diserapkan dalam bentuk tarif yang akan ditanggung oleh pengguna. Ini telah mengakibatkan rakyat terpaksa menanggung kenaikan tarif yang melampau.

Masalah lain yang telah dikenal pasti adalah ketelusan operator dalam penentuan tarif, tatacara perolehan dan tender, perancangan perniagaan dan keperluan terhadap CAPEX dan OPEX. Operator perkhidmatan air sedia ada pada masa ini adalah merupakan syarikat swasta yang bermatlamatkan keuntungan syarikat tanpa mengambil kira bebanan yang perlu ditanggung oleh rakyat jelata.

Bagi mengatasi masalah yang telah dikenal pasti, Kerajaan Negeri Selangor selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan telah berusaha untuk melaksanakan penstrukturan semula industri air di Selangor. Dasar penstrukturan semula industri perkhidmatan air yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah selaras dengan pewujudan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara dan Akta SPAN 2006. Akta ini diwujudkan bagi memastikan pengguna membayar harga air terawat dengan kadar tarif yang setimpal dengan kualiti air yang dibekalkan. Selain itu, air adalah dianggap sebagai keperluan awam dan tidak sesuai untuk dijadikan sumber perniagaan yang menekankan isu keuntungan semata-mata.

Tujuan penstrukturan semula ini bagi memastikan syarikat konsesi atau konsortium beroperasi secara *asset light company*, iaitu syarikat tidak lagi menanggung kos operasi yang tinggi dari segi perbelanjaan modal yang biasanya diperolehi daripada kemudahan pinjaman bank komersial. Sehubungan dengan itu, hasrat Akta IPA dan Akta SPAN 2006 mahu dicapai oleh Kerajaan Negeri Selangor selaras dengan ketetapan yang dinyatakan di dalam kedua-dua akta. Operator akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MENAIKKAN GAJI GURU KAFA

121. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor telah menaikkan gaji guru Kafa kepada RM 1,000.00 sebulan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Adakah pembayaran ini telah dilaksanakan?
- b) Berapa ramai guru agama mendapat faedah dari kenaikan gaji guru agama tersebut.
- c) Adakah rancangan kerajaan memasukkan guru agama menjadi sebagai guru tetap dan berpencen?

JAWAPAN :

- a) Pembayaran telah dilaksanakan berkuat kuasa mulai Januari 2009. Guru KAFA Negeri Selangor menerima sepenuhnya RM 1,000.00 sebulan mulai bayaran elaun bulan Februari. Tunggakan RM 261.70 bulan Januari diterima pada elaun bulan Februari 2009.
- b) Seramai 6,236 guru agama mendapat faedah dari kenaikan gaji agama tersebut.
- c) Kerajaan sedang melaksanakan perancangan memasukkan guru agama KAFA Negeri Selangor menjadi guru tetap dan berpencen. Semasa ini ada sekitar 700 orang guru KAFA mengikuti pengajian ke peringkat diploma pendidikan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada hujung minggu dan cuti sekolah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PANGSAPURI KOS RENDAH

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak projek perumahan kos rendah yang akan dibangunkan di sekitar Bandaraya Petaling Jaya untuk lima tahun yang akan datang?
- b) Apakah peranan yang akan dimainkan oleh PKNS dalam pembangunan perumahan kos rendah di Petaling Jaya?

JAWAPAN :

- a) Di Majlis Bandaraya Petaling Jaya, bagi lima tahun akan datang, sebanyak 390 unit perumahan kos rendah (projek oleh Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd) yang masih belum dibina daripada jumlah keseluruhan 36, 354 unit RKR yang diluluskan.
- b) Sejak ditubuhkan tahun 1964 PKNS telah membangunkan sebanyak 28,141 unit rumah kos rendah di daerah Petaling.

Buat masa ini PKNS tidak ada lagi mempunyai perancangan rumah-rumah kos rendah di daerah Petaling kerana semua projek kos rendah di kawasan pembangunan PKNS telah dibangunkan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun PKNS tidak akan membina rumah kos rendah lagi dan akan digantikan dengan 'affordable homes'.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI

123. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah banyak Dewan Orang Ramai yang masih belum menyerahkan kunci kepada pihak berkuasa, dan sila berikan butir-butir mengikut kawasan DUN?
- b) Adakah dewan di Jalan Taman Muda yang kini merupakan pejabat Ahli Parlimen Pandan digunakan secara sah? Pihak manakah yang mengutip cukai pintu dan cukai tanah dari dewan tersebut?
- c) Apakah tindakan yang akan diambil terhadap PBT-PBT yang lewat atau belum mengambil alih dewan-dewan sedemikian?

JAWAPAN :

a) Jawapan oleh UPBT

b) **JAWAPAN DARIPADA MPAJ**

Pejabat Ahli Parlimen Pandan diuruskan oleh Yayasan Nusa Bakti yang telah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Kerajaan Negeri Selangor melalui surat no. rujukan MB.Sel.41/1 jld(2) bertarikh 16 Ogos 2006.

c) Jawapan oleh UPBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : NEGERI KEBAJIKAN

124. Negeri Kebajikan adalah janji yang disuarakan oleh Pakatan Rakyat dalam pilihan raya umum yang lepas.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Kebajikan jenis apa telah dilakukan oleh kerajaan terhadap rakyat Selangor?
- b) Berapa peruntukan telah disalurkan dalam program-program negeri kebajikan?
- c) Berapa orang rakyat Selangor telah menikmati elaun ibu tunggal?

JAWAPAN:

- a) Setelah setahun Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, kini pelbagai usaha dilaksanakan untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri Berkeadilan. Pelbagai program di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Sebahagian agenda tersebut telah pun dilaksanakan dan selebihnya akan dilaksanakan mengikut beberapa Fasa yang telah ditentukan pelaksanaannya.

Di antara program-program kebajikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

Fasa 1 :

- i) Bekalan Air Domestik Percuma 20m₃ Kepada Rakyat Selangor
- ii) Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
 - bagi anak-anak yang lahir bermula dari 1 Januari 2008 dan seterusnya mengikut kriteria yang ditetapkan, maka anak tersebut akan menikmati skim pelaburan dari Kerajaan Negeri sebanyak RM100
- iii) Hadiah Anak Masuk Universiti
 - Diberikan kepada anak-anak yang akan memulakan sesi pengajian diploma atau ijazah di universiti sebanyak RM1,500 di mana pendapatan ibu bapanya kurang daripada RM1,500 sebulan
- iv) Mesra Usia Emas
 - Sumbangan khairat kematian sebanyak RM2,500 kepada warga emas yang berusia 60 tahun ke atas adalah sebagai sumbangan pengiktirafan warga emas dalam pembangunan ekonomi dan sumbangan mereka kepada Negeri Selangor.
 - diuruskan di bawah Rangkaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)
- v) Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang
 - memberi peluang anak-anak pekerja ladang, tanpa mengira kaum untuk meningkatkan taraf pendidikan di sekolah melalui

pembinaan asrama di ladang-ladang terpilih dan lain-lain akses kemudahan teknikal

- vi) Pusat Khidmat Krisis Sehenti(OSCC)
 - Sebagai pusat perlindungan sementara kepada wanita atau kanak-kanak individu yang teraniaya, yang ditempatkan di hospital-hospital kerajaan terpilih di Negeri Selangor.

Usaha-usaha dalam menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri berkeadilan akan diteruskan dengan pelaksanaan fasa-fasa seterusnya dari semasa ke semasa. Antara lain kebajikan program-program MES yang akan dinikmati oleh rakyat di Selangor adalah seperti berikut :-

Fasa II yang bermula pada Januari 2009 :

- i) Cuti 90 hari kepada wanita yang melahirkan anak;
 - ii) Cuti 14 hari kepada suami yang isterinya bersalin;
 - iii) Cuti sebulan kepada wanita yang kematian suami;
 - iv) Bantuan kepada peniaga muda;
 - v) Bimbingan perniagaan kepada belia;
 - vi) Latihan keusahawanan di seluruh Negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM56 juta bagi melaksanakan program-program kebajikan di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Program-program ini akan dilaksanakan mengikut fasa yang telah ditetapkan dan akan dibelanjakan secara berhemah kepada rakyat Negeri Selangor dalam usaha menjaga kebajikan serta taraf hidup mereka.
- c) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri masih dalam penelitian untuk memberikan elaun kepada golongan ibu tunggal. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan bantuan kepada golongan ini dalam bentuk bantuan peralatan dan bantuan kemahiran dan lain-lain bantuan bulanan dalam menjamin kesejahteraan dan jaminan kehidupan golongan ibu tunggal ini dipelihara.

Jadual pecahan bantuan yang diterima oleh ibu tunggal di Negeri Selangor :-

BANTUAN	BILANGAN
Kemahiran (kursus jati diri dan keusahawanan)	180 orang
Peralatan Seperti mesin perkakasan kuih muih, oven, mesin jahit dan sebagainya	50 orang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : SELANGOR STATE INFORMATION BUREAU (SSIB)

125. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan bilakah cadangan penubuhan Biro Informasi Negeri Selangor dapat direalisasikan dalam masa terdekat dan apakah objektif utama Biro tersebut?
- b) Sila huraikan bagaimanakah prestasi penyebaran maklumat dan dasar-dasar Kerajaan Negeri ke peringkat akar umbi sehingga setakat ini menerusi saluran yang sedia ada?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Menteri Besar (MBI) telah menubuhkan Perbadanan Komunikasi Sdn. Bhd. (CCSB). Objektif CCSB ialah bagi menyebarkan maklumat dasar-dasar Kerajaan Negeri Selangor kepada setiap golongan masyarakat sama ada menerusi TV Internet, Internet, akhbar mahupun ejen-ejen penerangan.
- b) CCSB telah melancarkan TV Selangor, Selangor Kini Online dan meneruskan penerbitan Selangor Kini. Setakat ini sambutannya amat menggalakkan tetapi masih banyak yang perlu dilakukan agar setiap pelosok masyarakat mendapat maklumat terkini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : RUMAH PANGSA MILIK KERAJAAN ATAU RUMAH PANGSA KOS RENDAH

126. Bertanya kepada Y..AB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah unit rumah pangsa kos rendah yang wujud di kawasan MPAJ dan berapakah unit yang belum dijual? Sila berikan statistik mengikut lokasi.
- b) Berapakah unit rumah pangsa milik kerajaan yang wujud untuk disewakan kepada keluarga miskin atau ibu tunggal. Sila berikan butir-butir mengenai unit yang sedia ada mengikut lokasi?
- c) Sila nyatakan jumlah unit rumah pangsa yang disewakan oleh MPAJ kepada keluarga miskin atau ibu tunggal dalam tahun 2008 mengikut jumlah permohonan di setiap kawasan DUN di dalam kawasan MPAJ. Sila nyatakan maklumat penyewa atau pembeli secara terperinci?

JAWAPAN :

- a) Jumlah rumah kos rendah dibina adalah sebanyak 10,468 unit. dengan unit yang masih belum dijual adalah di RKR Sg. Sering iaitu sebanyak 127 unit. Kebanyakan rumah kos rendah ini di bina atas dasar bagi penempatan semula dan pemindahan setinggan di seluruh Ampang Jaya.
- b) Di MPAJ terdapat 30 unit rumah pangsa kos rendah dijadikan sebagai 'council homes' iaitu di Desa Lembah Permai, Lembah Jaya Utara, Ampang,
- c) Kategori penyewa 'Council homes' adalah seperti berikut;
 - i) Ibu Tunggal - 1 orang
 - ii) Orang miskin - 19 orang
 - iii) Mangsa kebakaran - 10 orang